

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 29**

**Rabu**

**24 Jun 2009**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENTERI KEWANGAN DI BAWAH P.M. 66A DAN 67B:</b> ■ <b>Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan</b>	(Halaman 30)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 117)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 152)
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b> ■ <b>Seksyen 107 Kanun Prosedur Jenaya</b> - <i>Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)</i>	(Halaman 153)
■ <b>Banjir Kilat Di Kawasan Ulu Temiang dan Bukit Jong</b> - <i>Tuan John Fernandez (Seremban)</i>	(Halaman 155)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 24 Jun 2009**

**Mesuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]** minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah perancangan jangka panjang pihak kementerian dalam memastikan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan berdaya saing dan mampu bersaing dengan negeri-negeri lain.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warrahmatullaahi Wabarakaatuh* dan selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tiada merangka rancangan jangka panjang industri pelancongan Wilayah Persatuan Labuan secara spesifik. Walau bagaimanapun, di dalam RMK-9, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM6.82 juta untuk Labuan. Di dalam daftar ketibaan pelancongan, Wilayah Persekutuan Labuan telah merekodkan jumlah ketibaan yang menunjukkan kenaikan yang ketara setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah dan akan mengambil kira kekurangan yang didapati di dalam industri pelancongan untuk dimasukkan ke dalam perancangan RMK-10 yang dijangka dimulai pada tahun 2011.

Kementerian juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi membantu untuk merangka pelan industri pelancongan jangka panjang untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun segala perancangan yang dirangka dan dikemukakan akan dilaksanakan oleh kementerian tertakluk kepada peruntukan bajet yang ada dan keutamaan pelaksanaan keperluan semasa. Terima kasih.

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita sedia maklum, Labuan dikenali dengan *International Business Financial Centre* yang dikendalikan oleh LOFSA, *hub oil and gas*, pelabuhan laut dalam atau *deep-water port* dengan izin mempunyai *scuba diving area* yang begitu cantik dan juga mempunyai *airport* yang boleh menampung 747 *landing* di Labuan dan yang terakhir adalah salah sebuah pulau bebas cukai. Setakat ini Labuan cuma

mengendalikan dua *event* yang bertaraf *international* iaitu *Labuan International Sea Challenge* dan *Borneo Cup International Yachting Challenge*.

Apa yang saya harapkan atau yang kita lihat berdasarkan kepada produk-produk yang ada di Labuan ini, sekurang-kurangnya kementerian harus lebih peka dan fokus kepada Labuan kerana Labuan adalah salah sebuah pulau yang berstatus Wilayah Persekutuan.

Jadi tidak guna kita jadikan atau naikkan taraf pulau tersebut tetapi infrastruktur dan juga sistem ataupun pusat-pusat pelancongan kita lupakan kerana produk-produk yang ada, saya rasa kalau *government* atau kerajaan serius dalam hal menangani kedudukan pulau tersebut sebagai salah sebuah pusat pelancongan di kawasan Sabah dan Sarawak yang mana kedudukannya adalah di tengah-tengah.

Jadi soalan saya, dengan produk yang ada ini apakah kerajaan tidak melihat atau tidak mempunyai perancangan seperti mana yang dilihat tadi cuma perancangan yang bersifat sementara dan juga menyatukan produk-produk yang ada ini dijadikan sebagai produk pelancongan dengan mempromosikan secara agresif dan membuat perancangan yang bersepadu. Jangan sahaja *airport* yang besar dikendalikan tetapi tidak ada kapal terbang yang turun. Jadi untuk apa kita bangukan *airport* yang sebegitu besar dan tidak mempunyai perancangan yang tertentu. Adakah ini untuk kepentingan orang-orang tertentu sahaja? Terima kasih.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan bahawa kementerian memang tidak ada pelan jangka panjang untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi kita akan membuat pelan untuk RMK-10.

Kita akan bekerjasama dengan ahli jawatankuasa yang berada di Labuan dan akan memantau segala-gala yang kita boleh memajukan Labuan sepenuhnya. Kementerian juga melebihi *emphasis* kepada syarikat penerbangan untuk terbang ke mana-mana lokasi di seluruh negara termasuk Labuan juga. Jadi, kami memang mahukan industri pelancongan maju di Labuan dan seluruh negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniahlah kepada Menteri-menteri Barisan Nasional. Saya ingat minggu ini ada satu ketelusan dan satu semangat berterus terang. Semalam pasal PPSMI mengaku tidak ada infra.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Soalan, soalan, soalan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaku tidak ada perancangan. Labuan ini sudah diserahkan semenjak tahun 1984.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, apakah soalan itu?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini dia mukadimah dia Tuan Yang di-Pertua, tolong. Ini mukadimah. Labuan ini diserahkan kepada Wilayah Persekutuan pada tahun 1984.

## ■1010

Sudah 25 tahun. Takkan dalam masa 25 tahun lagi teruk daripada enam tahun yang PPSMI itu - 25 tahun masih tidak tahu apa hendak buat. Projek-projek yang dijalankan seperti mana yang disebutkan tadi, kalau tidak tahu hendak buat apa buat *airport*, 747 boleh *landing* buat apa? Lalu saya rasa beginilah. Barisan Nasional letak jawatan sahajalah biar Pakatan Rakyat ambil alih. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Soalannya tidak ada!

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Shah Alam bahawa Labuan bukan sahaja untuk *tourism*. Yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan tadi banyak infrastruktur sudah masuk ke Labuan, bukan sahaja untuk pelancongan. Infrastruktur semua sudah ada. Kementerian Pelancongan sekarang tidak ada rangka panjang bukan tidak ada perancangan. Tiap-tiap tahun ada perbelanjaan. Jadi, Yang Berhormat fikirlah sikit. Kita ini bukanlah orang yang buta. Terima kasih.

2. **Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rasional melanjutkan kontrak Ketua Setiausaha Negara setelah tempoh lanjutan kontraknya selama dua tahun berakhir Jun ini. Tidakkah langkah pelanjutan seperti ini menghalang peluang pegawai-pegawai lain dalam sektor awam sekali gus mencetuskan ketidakpuasan hati di kalangan mereka yang boleh menjejaskan produktivitinya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak ucap tahniah, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu membuat soalan yang relevan semasa dan mahu diketahui oleh orang ramai. Tahniah saya ucapkan. Tidak macam Kepong. Kepong tidak ada hari ini. *[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat Kepong]*

Tuan Yang di-Pertua, perlanjutan perkhidmatan kontrak Ketua Setiausaha Negara pertamanya dibuat atas kepentingan negara dan perkhidmatan awam keseluruhannya. Kepakaran dan nilai daya kepimpinan tinggi yang telah beliau tunjukkan masih lagi diperlukan terutama dalam meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia.

Kedua, Yang Berhormat Kuala Terengganu, kita tahu iaitu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sahaja memegang jawatan itu, tidak lebih daripada 100 hari. Dia adalah merupakan seorang Perdana Menteri yang baru. Maka untuk memastikan supaya dapat membantu beliau dan ada kesinambungan di dalam memastikan bahawa perkhidmatan awam Malaysia kita akan berada dalam tahap yang baik, maka itulah perlunya kita untuk melantik ataupun melanjutkan perkhidmatan Ketua Setiausaha yang lama itu bagi membantu Perdana Menteri yang baru.

Ketiga, Yang Berhormat, Ketua Setiausaha Negara ini merupakan ketua kepada seluruh perkhidmatan awam dan juga ketua kepada semua KSU Kementerian. Ini bermakna Ketua

Setiausaha Negara (KSN) itu mestilah yang pertamanya yang berpengalaman, dan keduanya mesti dihormati oleh rakan-rakan sejawat beliau. Untuk itu selalunya KSN ini apabila dilantik umurnya sudah menjangkau 55 tahun ataupun 56 tahun kerana di umur 56 tahunlah baru dia dapat pengalaman yang banyak sebagai KSU, di umur 55 tahun atau 56 tahunlah dia akan mendapat penghormatan daripada rakan-rakan sejawatnya. Ini bermakna kalau dia dilantik pada umur 56 tahun mungkin dia ada beberapa bulan sahaja sebagai KSN.

Oleh sebab itulah kita terpaksa melanjutkan perkhidmatan kerana keadaan yang memerlukan supaya KSN itu orang itu dihormati dan berpengalaman. Sebagai contohnya, KSN sekarang ini waktu beliau dilantik umurnya sudah 56 tahun kerana pengalamannya. Kalau umur 50 tahun tidak ada pengalaman sebagai KSU, baru hendak mula dan sukar untuk dihormati oleh rakan sejawatnya. Jadi, dia sewaktu dilantik pada tahun 2006 dahulu dilantik selama setahun sudah 57 tahun. Kemudian pada umur 57 dilantik dua tahun. Sekarang sudah 59 dilantik setahun lagi. Ia perlu dilantik untuk membolehkan dia mempunyai masa untuk mengetuai perkhidmatan awam ini.

Berkenaan dengan sama ada langkah pelanjutan ini menghalang peluang orang lain, ia tidak menghalang peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai lain dalam sektor awam kerana jawatan Ketua Setiausaha Negara adalah berstatus terbuka dan bukan jawatan naik pangkat. Perkara ini diketahui oleh semua mereka yang mula-mula masuk dalam perkhidmatan awam. Dia akan tahu bahawa jawatan KSN itu bukan jawatan naik pangkat. Itu adalah jawatan terbuka dan boleh diisi oleh sesiapa. Jadi, kalau dia masuk sebagai pegawai kerajaan sampai umur dia 51 tahun – 52 tahun dia jadi KSU, dia tidak fikir hendak jadi KSN melainkan kalau dilantik. Oleh sebab itu, oleh kerana mereka sudah ketahui lebih awal bahawa ini akan berlaku maka tidaklah menjejaskan apa yang dikatakan kenaikan pangkat pegawai-pegawai lain kalau KSN ini dilanjutkan satu atau dua kali.

**Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Disebutkan tadi atas kepentingan awam dan oleh kerana proses transisi Perdana Menteri baru ambil alih, tetapi yang saya tahu Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara ini asalnya dan dilahirkan di Pekan, Pahang. Mungkin satu kawasan Parlimen! Beliau ini menjawat jawatan KSN ini pada 3 September 2006. Saya difahamkan kontrak beliau ini disambung semula walaupun prestasi perkhidmatan awam belum memenuhi kehendak dan harapan rakyat seperti mana pandangan mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Kita tahu juga bahawa kerajaan membelanjakan emolumen yang cukup besar dalam sektor awam, yang terus meningkat dari tahun 2006 sehingga tahun 2009 iaitu RM28 bilion pada tahun 2006 meningkat kepada RM30 bilion pada tahun 2007 dan meningkat lagi kepada RM41 bilion pada tahun 2008 dan kita yakin akan terus meningkat pada tahun ini. Akan tetapi rakyat

terus mempersoalkan perkhidmatan yang diberikan seperti birokrasi yang menyusahkan, rungutan perkhidmatan kaunter dan kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan melalui telefon.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada alasan-alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan menggunakan pendekatan Key Performance Index (KPI) semasa menyambung semula kontrak Ketua Setiausaha Negara (KSN) ini termasuk rombakan pegawai kanan kerajaan seperti Ketua Setiausaha (KSU) kementerian-kementerian yang dilakukan pada 24 April tahun ini, seperti Kementerian Kerja Raya yang menjadi kementerian tunggal diiktiraf lima bintang selepas mempamerkan prestasi cemerlang dalam pengurusan organisasinya. Adakah KPI ini digunakan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, Ketua Setiausaha Negara yang ada pada hari ini dia dilantik pada ketika Perdana Menteri itu Tun Abdullah dan Tun Abdullah daripada Kepala Batas. Jadi, habis Tun Abdullah maka baru satu tahun Tan Sri Mohd Sidek menjadi KSN. Jadi, apakah kerana untuk menunjukkan ketelusan Perdana Menteri daripada Pekan, memandangkan orang ini baru sahaja setahun tetapi kerana datang dari Parlimen dia, dia patut digugurkan? Dengan itu *stretching the transparency* terlalu luas.

Keduanya, Yang Berhormat Kuala Terengganu sebut tentang *survey* dan *research*. Ini siapa yang cakap? Adakah Yang Berhormat lihat kepada satu *research* dan *survey* yang saintifik? Tidak ada! Jadi, jangan mudah dalam Dewan yang begitu besar menuduh satu perkara yang kita sendiri tidak tahu tentang kebenarannya kerana KSN itu tidak ada di sini untuk membela diri dia. Jadi, saya harap supaya Yang Berhormat Kuala Terengganu di masa akan datang lebih bertanggungjawab dalam menyatakan sesuatu yang mungkin mendatangkan kerugian kepada satu orang yang sebenarnya tidak perkara itu berlaku terhadap dia dan keduanya dia tidak ada kesempatan untuk membela diri. Saya percaya Yang Berhormat seorang wakil rakyat yang baik sebab itu pernah jadi wakil saya di Kuala Terengganu dulu. Walau bagaimanapun ini permulaan, mungkin kita boleh memperbetulkan diri kita di masa akan datang.

■1020

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah rasionalnya, saya tidak menyalahkan KSN tetapi kedudukan pegawai-pegawai yang berpangkat JUSA dan gred 54 ke atas ini yang masih berada dalam kedudukan *pool* di mana mereka tidak diberi apa-apa tanggungjawab dalam perkhidmatan mereka, mereka dibayar gaji dan mempunyai segala *privilege* yang sama tetapi tidak mempunyai tugas dan tanggungjawab yang masih ada di JPA sekarang ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga terlupa hendak jawab Kuala Terengganu. Ada soalan yang baik tentang KPI. KPI ini juga dikenakan

kepada semua KSU. Setiap KSU kementerian dikenakan KPI. Jadi ia akan turun macam piramid. Bila Menteri ada KPI, KSU ada KPI, yang bawah-bawah ini semua pun ada KPI.

Kemudian Arau bertanya berkenaan dengan *pool* ini. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam adalah satu perkhidmatan awam yang bebas daripada dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Mereka mempunyai kaedah mereka sendiri bagaimana hendak mengatasi masalah yang berlaku di dalam JPA sendiri. Oleh hal yang demikian, ada sesetengah daripada mereka yang telah pun *dipool*kan. Itu saya percaya mungkin ada sebab-sebab yang tertentu yang tidak diketahui oleh kita.

Walau bagaimanapun saya kira kalau sekiranya ada tindakan yang mungkin kesilapan dilakukan, adalah lebih baik mereka itu *dipool*kan daripada mereka disuruh berhenti kerja ataupun diambil tindakan disiplin kerana saya kira ini kebijaksanaan yang dilakukan oleh KSN yang saya percaya apa yang dilakukan itu ialah untuk kepentingan meningkatkan prestasi JPA itu sendiri.

**3. Tan Sri Ong Ka Ting [Kulai]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bagaimanakah PTPTN menampung “shortfall” dalam dana bagi perbelanjaan pengurusan apabila caj pengurusan PTPTN dikurangkan daripada 3 peratus kepada 1 peratus mulai 1 Jun 2008.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum keputusan bagi menurunkan caj perkhidmatan daripada 3% atas baki berkurangan kepada 1% atas kadar rata diumumkan oleh pihak kerajaan, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan kajian agar tidak berlaku *shortfall* bagi perbelanjaan pengurusan PTPTN.

Antara langkah untuk menentukan perbelanjaan pengurusan mencukupi ialah bagi PTPTN meningkatkan kecekapan pengurusannya. Ini termasuk PTPTN mengenal pasti proses kerja yang boleh disingkatkan dan diautomatikan seperti memperkenalkan permohonan secara atas talian kepada pelajar yang ingin memohon pembiayaan.

Manakala bagi memudahkan lagi peminjam membuat bayaran balik, PTPTN telah memperkenalkan kaedah bayaran balik pinjaman melalui perbankan internet. Pada masa yang sama, jumlah pinjaman yang dikeluarkan semakin meningkat daripada setahun ke setahun dan itu bermakna juga bahawa jumlah 1% kutipan yang dikenakan juga meningkat.

**Tan Sri Ong Ka Ting [Kulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. PTPTN memang adalah satu usaha yang amat baik dan memberi faedah kepada ramai pelajar dan keluarga dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan. Dengan penurunan caj 3% kepada 1% itu, in akan menjadikan PTPTN ini lebih menarik dan seperti mana Menteri sudah kata permohonan itu meningkat. Apa yang kita bimbangkan ialah daripada berita yang pernah kita baca tidak lama dahulu, ramai peminjam, mereka tidak bayar balik. Dikatakan kadar kutipan balik tidak sampai 50%. Sehingga 200 ribu lebih peminjam tidak menghiraukan.

Ini akan jadi satu masalah yang akan menjejaskan satu usaha yang begitu baik dan ianya tidak akan merugikan pelajar-pelajar pada masa akan datang. Begitu ramai pelajar benar-benar bergantung kepada ini. Saya ingin tanya, apakah tindakan yang benar-benar berkesan untuk memastikan mereka akan bayar balik dan bagi peminjam baru benar-benar mempunyai sikap kesedaran bahawa pembayaran balik ini adalah sangat penting bagi kepentingan pelajar-pelajar pada masa akan datang. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh semua rakyat pada masa kini.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih Yang Berhormat. untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Mei 2009 ini, PTPTN telah meluluskan sejumlah RM27.3 bilion kepada lebih 1.3 juta peminjam dan jumlah pinjaman terkumpul yang sepatutnya dibayar balik oleh pelajar pada ketika ini adalah sebanyak RM2.5 bilion, tetapi jumlah yang telah dikutip ataupun dibayar adalah sebanyak RM1.2 bilion iaitu sebanyak 47%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah kita lakukan untuk kita menentukan agar peminjam-peminjam membayar balik pinjaman mereka. Antaranya memudahkan mereka dan menggalakkan mereka untuk mengadakan rundingan dengan pihak PTPTN agar mereka tidak menyepi setelah keluar dan mendapat pekerjaan tetapi boleh berunding dengan PTPTN supaya dapat menampung kemampuan pembiayaan balik yang mereka sanggup lakukan.

Bagi peminjam-peminjam tegar pula, kita telah pun mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri, khususnya Jabatan Imigresen untuk tidak membolehkan mereka yang merupakan peminjam ingkar ataupun tegar daripada keluar negara dan jumlah mereka ini adalah dalam 17 ribu orang buat ketika ini yang sudah pun di *blacklisted* di bawah usaha kerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen.

Daripada semua tindakan yang telah kita lakukan dalam kita meningkatkan kesedaran dan sebagainya, kita dapati bahawa dari segi jumlah peminjam, ada didapati peningkatan mereka yang membayar balik iaitu kalau dahulu hanya 50%, sekarang ini sebanyak 74.2% yang sudah mula untuk membayar balik pinjaman kita. Kita berharap usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran kepada peminjam bagi membayar balik pinjaman mereka itu akan kita lakukan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengerusi PTPTN telah memaklumkan bahawa fungsi pengutipan balik ataupun *collection* daripada pinjaman ini telah diserahkan atau dilantik, diberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tujuan pengutipan tersebut termasuk daripada jumlah yang belum berjaya dikutip sebagaimana yang dimaklumkan oleh Menteri sebentar tadi.

Soalan tambahan saya, sekiranya 3% caj yang dimasukkan dalam pinjaman asal kepada para pelajar setakat ini mendatangkan masalah untuk diturunkan kepada 1%, apa pula langkah kementerian atau PTPTN untuk memastikan bahawa tidak akan wujud komplikasi caj lewat bayar



dan sebagainya sebagaimana amalan yang dibuat atau dijalankan semasa pengutipan cukai-cukai tertanggung ataupun pengutipan cukai yang dibuat di bawah kuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sudah tentu perkara ini akan terkandung dan termasuk secara *lump sum* dalam kutipan cukai itu. Adakah 3% ini diturunkan kepada *percent* boleh *justify*, dengan izin, kepada kes-kes di mana pelajar terlewat bayar yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri yang biasanya dikenakan caj tambahan ataupun penalti. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Cadangan ataupun kerjasama yang kita akan buat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah satu perkara yang sedang dipertimbangkan dan akan dikemukakan kepada pihak Kabinet untuk mendapat keputusan muktamad daripada kerajaan dan kaedahnya ialah melalui potongan gaji berasaskan kepada pendapatan seseorang peminjam yang sudah pun bekerja.

■1030

Jadi di antaranya ialah untuk melihat berapakah jumlah pendapatan seseorang itu yang boleh dikira sebagai permulaan potongan gajinya itu boleh dibuat. Jadi tidak timbul soal kelewatan dan sebagainya, kerana ia adalah potongan secara automatik daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya mendapat persetujuan daripada kerajaan.

4. **Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membuat bayaran kembali caruman PERKESO untuk balu-balu yang berkahwin semula seperti mana pelaksanaan bayaran pencen.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak PERKESO sedang dan akan terus membayar faedah pencen kepada balu atau duda yang sudah berkahwin semula selepas 1 Mei 2005, selepas pindaan telah dibuat kepada Akta PERKESO. Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk membayar balik sebarang caruman yang dibayar oleh pencarum kepada mana-mana pihak, termasuk kepada balu. Terima kasih.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setujukah pihak Yang Berhormat Menteri untuk kita meletakkan balu-balu ataupun duda-duda ini dalam kategori rakyat diutamakan. Soalan saya, tidak adakah satu mekanisme yang lebih berkeprihatinan dalam menjaga kebajikan balu-balu ini iaitu, memudahcarakan tuntutan-tuntutan ini? Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan bahawa PERKESO ialah bukan satu badan kebajikan, ia adalah satu skim insurans untuk memberi perlindungan kepada pekerja, kepada kejadian semasa kerja. Itu adalah tanggungjawab khusus PERKESO dan kepada pekerja semasa mereka produktif, iaitu di dalam masa mereka mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kepada keluarga mereka, dan kepada keadaan-keadaan yang berlaku pada masa itu.

Walaupun saya bersetuju balu dan duda menghadapi masalah, tetapi isu ini mesti ditangani oleh pihak kebajikan dan sedang ditangani oleh Jabatan Kebajikan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya nak mengucapkan selamat datang kepada mahasiswa Universiti Malaysia Pahang, pemimpin masyarakat dan pelajar-pelajar di belakang kita. *[Tepuk]*

5. **Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib [Maran]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berapakah jumlah gempa bumi atau gegaran yang dikesan berlaku di sekitar negara ini sejak tahun 2000. Berapakah jumlah kemalangan jiwa serta kerugian harta benda yang direkodkan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Maran. Secara relatifnya Semenanjung adalah stabil dari segi *seismic tectonic* berbanding dengan Sabah dan Sarawak kerana tidak berlaku kejadian gempa bumi antara tahun 2000 hingga November 2007. Namun selepas itu terdapat 31 kejadian gempa bumi lemah iaitu kurang daripada 5 pada Skala Richter telah direkodkan berlaku.

Sebanyak 29 kejadian gempa bumi berlaku di kawasan sekitar garis sesar Bukit Tinggi, Pahang antara 30 November 2007 hingga 25 Mei 2008 dan 19 daripadanya dirasai gegaran oleh penduduk tempatan. Manakala satu kejadian gempa bumi berlaku di Jerantut, Pahang pada 27 Mac 2009, dan satu di Manjung, Perak pada 29 April 2009 yang kedua-duanya turut dirasai dengan gegaran oleh penduduk tempatan.

Magnitud gempa bumi yang direkodkan ialah dalam lingkungan 1.8 sehingga 3.5 pada Skala Richter, dengan kedalaman yang cetek kurang dari 100 kilometer. Bagi semua kejadian ini, tiada sebarang kerosakan dan kemalangan jiwa dilaporkan. Walau bagaimanapun kedudukan Malaysia yang dilingkungi lingkaran ataupun *ring a fire*, lingkaran api menyebabkan kebanyakan gempa bumi yang sederhana dan kuat dan kedalaman cetek yang berlaku di negara jiran turut juga dirasai oleh penduduk tempatan.

Sejak tahun 2000, sebanyak 31 kejadian gempa bumi yang berlaku di luar Semenanjung, telah dirasai gegarannya oleh orang awam terutamanya yang menetap di Pantai Barat Semenanjung. Sememangnya yang seperti kita sedia maklum, pada 26 Disember 2004 semasa kejadian gempa bumi magnitud 9.1 pada Skala Richter di Lautan Hindi yang menghasilkan tsunami rentas sempadan dan mengorbankan lebih daripada 250 jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya Sabah mengalami kejadian gempa bumi yang lebih kurang berbanding Sarawak dan Semenanjung, kerana Sabah mempunyai banyak garis sesar yang masih aktif atau antaranya ialah garis sesar Mensaban, garis sesar Crocker, garis sesar Tabin, dan garis sesar Lobou-lobou yang terbentuk lebih dari 10 ribu tahun yang lalu.

Dari tahun 2000 hingga Mei 2009, 31 kejadian gempa bumi direkodkan berlaku di Sabah, 28 kategori magnitud lemah dan 3 kategori magnitud sederhana. Tuan Yang di-Pertua, manakala di Sarawak, semenjak tahun 2000 terdapat 7 kejadian gempa bumi lemah yang direkodkan berlaku yang bermagnitud antara 3.3 sehingga 4.9 pada Skala Richter. Empat daripadanya dirasai gegaran oleh orang awam dan di Sarawak terdapat juga garis sesar yang masih aktif iaitu

garis sesar Tubau dan daripada semua kejadian gempa bumi yang direkodkan ini, tiada sebarang kerosakan dan kemalangan jiwa dilaporkan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Peristiwa keruntuhan Highland Towers, tsunami dan juga tanah runtuh di Bukit Antarabangsa baru-baru ini, di antara bencana alam yang mengemparkan negara kita. Walau bagaimanapun peranan kerajaan besar dalam membantu mereka ini, walaupun ada sebahagian daripada mangsa-mangsa ini kadang-kadang kita rasa dukacita, tidak berterima kasih kepada orang yang menolong mereka, apatah lagi apabila adanya hasutan ataupun dibakar oleh pihak tertentu. *[Dewan riuh]*

Kenapa pembangkang sibuk pula, saya tidak tuduh sesiapa pun, inilah kerja dia Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, "siapa makan lada, dia rasa pedas". Apakah pihak kerajaan mempunyai perangkaan atau statistik, berapakah jumlah kawasan-kawasan penempatan ataupun perumahan tanah tinggi ini, yang dianggap tidak selamat ataupun boleh mengalami tanah runtuh dan sebagainya.

Apakah tindakan kerajaan yang lebih tegas, dalam menentukan supaya peristiwa yang berlaku seperti di Highland Towers dan juga Bukit Antarabangsa ini, tidak berlaku lagi, dan apakah kita mempunyai peralatan untuk mengesan punca-punca yang akan menyebabkan tanah runtuh ini. Ini belum lagi akibat daripada gempa bumi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian soalan yang ditanya, lebih berasas kepada tanah runtuh dan di luar bidang MOSTI, namun saya hanya mengatakan di sini, *[Dewan riuh]* namun saya katakan di sini, setakat ini tidak ada kaitan secara rasmi antara kejadian tanah runtuh dan kejadian gempa bumi yang dikatakan, namun sistem-sistem kita khususnya di kawasan bukit tinggi di situ, sentiasa memantau dan setakat ini belum ada apa-apa kerosakan yang terjadi daripada jumlah gempa bumi yang telah saya sentuh tadi.

Untuk makluman pihak Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, untuk sekadar *monitoring* atau menyelia setiap apa yang terjadi di kawasan bukit tinggi, memang ada *fault* di situ, iaitu satu yang kita sebut bukit tinggi *fault line*, yang sebenarnya sudah tua dan tidak kurang empat seismik stesen yang *monitoring* ataupun mengambil data untuk kawasan tersebut iaitu, seismik stesen di Kepong, di Jerantut, di Ipoh, sekadar tiga stesen yang *24 hours by seven monitoring* situasi di situ. Jika terbukti ada kaitan dengan perihal keruntuhan tanah dan keadaan gempa bumi, pihak MOSTI dan kementerian yang lain sentiasa duduk untuk mengambil tindakan yang perlu. Terima kasih.

#### ■1040

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menyebutkan bahawasanya 31 gegaran telah direkodkan di Sabah di mana 28 lemah dan juga tiga sederhana.

Saya hendak bawa kepada apa yang berlaku di Hospital Queen Elizabeth yang dikatakan akan dirobohkan disebabkan oleh keretakan. Alasan yang diberikan oleh Menteri Kesihatan adalah kerana dibuat daripada pasir laut menyebabkan besi-besi berkarat.

Saya hendak mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri apakah hanya daripada pasir laut dan besi-besi berkarat ataupun mungkin ada saham daripada gegaran-gegaran yang telah berlaku di Sabah iaitu sebanyak 31 kali yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri kerana kita bimbang kemungkinan bangunan-bangunan tinggi yang lain juga akan mempunyai kesan daripada gegaran-gegaran yang telah berlaku di Sabah ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, tiada kaitan sama sekali namun dalam perihal ini pihak kementerian sentiasa berbincang dengan Kementerian Kerja Raya. Berasaskan kepada data-data kutipan yang kita buat puluhan tahun jika perlu ada penambahbaikan *building code* yang mengambil kira data-data mengenai dengan gegaran yang kita kutip setakat ini ada cadangan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk tujuan memberi input kepada perkara ini. Akan tetapi dengan Hospital Queen Elizabeth tidak ada kaitan sama sekali dengan gegaran dan perihal ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan menyatakan apakah usaha kementerian untuk menarik lebih ramai rakyat terutama golongan muda membaca akhbar dan penerbitan berkala bagi mendapatkan maklumat berbanding melayari internet.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Cheras atas pertanyaan yang dikemukakan. Kementerian ini melalui perpustakaan negara Malaysia menggalakkan budaya membaca bukan hanya tertumpu kepada pembacaan melalui buku, surat khabar, ataupun terbitan berkala malahan ianya juga turut merangkumi penggunaan internet sebagai salah satu medium utama untuk mengakses maklumat.

Penggunaan internet sebagai medium utama mengakses maklumat merupakan *world wide* atau *global trend* masa kini yang mana masyarakat terutama golongan muda dan remaja ingin mendapatkan maklumat secara cepat dan mudah. Selain itu, maklumat yang terdapat di internet juga boleh digunakan sekiranya masyarakat dan golongan muda tahu untuk memperoleh maklumat yang sesuai dengan keperluan mereka.

Kerajaan telah menyalurkan peruntukan yang banyak terhadap pembangunan infrastruktur ICT negara untuk faedah masyarakat. Secara tidak langsung penggunaan internet di kawasan bandar mahupun di desa dapat ditingkatkan dan menyeluruh bagi kemudahan untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan mudah. Sekian.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Generasi muda Tuan Yang di-Pertua dalam negara ini semakin cenderung kepada berita-berita dan maklumat-maklumat daripada internet adalah disebabkan oleh dasar kerajaan yang mengawal kebanyakan akhbar dan media arus perdana dalam negara ini yang suka menyokong kerajaan tetapi memfitnahkan dan merendahkan dan memburuk-burukkan parti-parti pembangkang dan parti-parti yang lain yang tidak digemari olehnya. Ini adalah satu kebenaran.

Menurut Reporters Without Borders satu pertubuhan kebebasan media sedunia yang terkenal dengan integriti yang tinggi telah menyifatkan Malaysia sebagai satu negara yang tidak ada kebebasan media dan bersuara. Ini terbukti dalam kedudukan Malaysia di tangga indeks kebebasan media sejak permulaannya pada tahun 2002 di mana Malaysia duduk di tangga 110. Ini satu rekod yang paling buruk tetapi walau bagaimanapun rekod ini telah digalakkan oleh negara kita sendiri kerana kedudukan tangga Malaysia pada tahun lepas adalah lebih buruk di tempat 132. Ini satu masalah yang besar kerana pemuda-pemuda yang lebih berpendidikan tinggi sekarang tidak senang atau mudah dibohongi atau dikelirukan dengan berita-berita yang tidak benar yang memihak dan menyebelahi...

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Soalan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Kerajaan Barisan Nasional yang mengawal...

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]:** Hei, soalanlah!

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Yang mengawal media arus perdana.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Ini bukan berucaplah, soalanlah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Maka, untuk memperbetulkan kedudukan ini Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah *[Ketawa]*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat tidak ada soalan langsung.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Untuk menyelamatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang demokratik, yang mementingkan hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan juga memastikan kebebasan media itu adalah satu...*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Ini mahu berucapkah soalan tambahan?

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Hak yang dinikmati oleh rakyat maka adakah pihak kerajaan bersedia membuat sekatan-sekatan seperti memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat seperti menghapuskan pembaharuan permit ke atas akhbar dan media dan juga melarang milikan media oleh mana-mana parti politik dan ahli-ahli politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong jangan jawab dahulu.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan jawab dahulu, saya mahu bercakap sekejap. Bolehkah kami yang duduk di atas ini mengenakan KPI juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Setuju, setuju!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam aspek membahas dan menjawab soalan panjang-panjang dan mengemukakan soalan tambahan panjang-panjang.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, yang menjawab juga KPI ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semualah kena KPI. Boleh ya?

**Beberapa Ahli:** Boleh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau boleh bermula daripada Yang Berhormat Cheras tadi KPI dia terlalu rendahlah. *[Ketawa]* Sila, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan oleh kerana Yang Berhormat Cheras sebenarnya hanya melemparkan tuduhan sahaja saya tidak perlu menjawab. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** KPI gagal lah.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Malaysia masih rendah kadar membacanya dan kalau kita lihat sumbangan kementerian terhadap gerakan membaca ini juga tidak memuaskan kerana bila saya analisa lebih kurang RM15,000 sahaja diperuntukkan untuk kempen gerakan membaca yang disediakan kepada perpustakaan-perpustakaan termasuk perpustakaan desa dan rakyat Malaysia ini memang terpengaruh dengan soal kempen. Kalau ada kempen yang dijalankan oleh kerajaan maka akan bangkitlah minat rakyat untuk membaca.

Saya bertanya kepada kementerian apakah usaha yang lebih baik yang lebih berkesan untuk menjalankan kempen gerakan membaca ini di kalangan rakyat supaya tahap pembacaan rakyat ini dapat dipertingkatkan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat jempol atas pertanyaan tambahan yang sangat bernas.

#### ■1050

Ini boleh dikatakan pencapaian KPI dia adalah tinggi. *[Dewan riuh]* Memang tidak dinafikan Tuan Yang di-Pertua bahawa kementerian tidak mendapat peruntukan yang mencukupi untuk kegunaan gerakan membaca. Diharapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini akan membantu dalam perbincangan kewangan sekiranya dibentangkan untuk menambahkan peruntukan yang lebih tinggi untuk menggalakkan masyarakat membaca.

Akan tetapi, walaupun Yang Berhormat mengatakan memang ada kekurangan rakyat membaca di negara kita. Dari statistik yang ada, kita nampak tidak ada penurunan pun dalam penglibatan rakyat membaca kerana dari segi kunjungan ke perpustakaan dalam tahun 2007, kita mendapati ada lebih 21 juta kunjungan dibuat ke perpustakaan di seluruh negara.

Kita akan sentiasa menambah baikkan penggalakan rakyat kita membaca dan diharapkan semua kita akan terlibat untuk menggalakkan rakyat kita membaca lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman. Sekiranya ada Ahli Yang Berhormat hendak menyediakan kempen untuk menggalakkan membaca di kawasan-kawasan Yang Berhormat, boleh berhubung dengan kementerian kita. Terima kasih.

**7. Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Perdana Menteri menyatakan rasional kerajaan menaikkan kadar tambang semua jenis pengangkutan awam termasuklah bas ekspres dan teksi di dalam keadaan krisis ekonomi sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** *Walaikumussalam.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kali terakhir semakan kadar tambang pengangkutan awam bas dan teksi dinaikkan ialah pada 1 Mei 2005.

Semenjak itu, banyak perubahan telah berlaku dalam persekitaran perniagaan yang menyebabkan kos operasi seperti bayaran ansuran, insurans, gaji pemandu, bahan bakar, alat ganti, caj terminal dan tayar telah pun meningkat. Kenaikan kos operasi tanpa perubahan atau penyelarasan kadar tambang menyebabkan pengusaha berhadapan dengan kerugian.

Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah membantu mereka seperti membenarkan penggunaan *surcharge* atau kadar tambang tambahan bagi memastikan penawaran perkhidmatan pengangkutan awam sentiasa tersedia dan mencukupi bagi mengelakkan pengusaha memberhentikan atau mengurangkan trip operasi yang akan menyulitkan pengguna. Kerajaan akan memuktamadkan semakan kadar tambang pengangkutan awam dan akan diumumkan dalam jangka masa yang terdekat.

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya,

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sebelah Yang Berhormat Tenggara itu.

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ini bukan soalan Yang Berhormat Tenggara. Apakah pendekatan kerajaan dalam mempertimbangkan kenaikan kadar tambang pengangkutan awam agar kadar tambang ini seiring dengan peningkatan kualiti perkhidmatan? Apakah kewajarannya kerajaan bercadang untuk melantik perunding bebas untuk menilai semakan bagi kenaikan tambang pengangkutan awam ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertama kita kena ingat iaitu kalau kita mahukan supaya ada penglibatan daripada pihak swasta untuk membantu kerajaan dalam pengangkutan awam, sudah tentu kita mesti memberikan satu kadar tambang yang membolehkan mereka menjalankan operasi yang kita harapkan.

Selama hari ini, apabila berlaku satu perkara yang kita anggap merugikan kita, maka setiap kalilah alasan yang diberikan oleh mereka iaitu kerana mereka tidak dapat menampung kos atau mendapat sedikit keuntungan daripada perkhidmatan yang diberi disabitkan oleh kerana

tambangnya itu rendah. Inilah setiap kali kita bangkit, inilah juga alasan yang diberikan kepada kita.

Oleh hal yang demikian, kita fikirkan pada muktamadnya kalau kita naikkan tambang selepas ini, saya kira kalau sekiranya perkhidmatannya juga tidak berubah, maka lebih mudah pada kita hari ini untuk benar-benar mengambil tindakan terhadap mereka dan menyalahkan mereka. Yang tidak boleh kita lakukan sebelum ini kerana tambangnya rendah dan mereka tidak mendapat keuntungan.

Kemudian, sudah tentu harapan kita apabila kita menaikkan tambang ini, maka mereka akan terus memberikan perkhidmatan yang jauh lebih baik daripada apa yang kita dapat pada hari ini. Kita melantik perunding yang bebas, swasta untuk benar-benar mendapatkan kaedah yang berpatutan. Ini kerana sama ada kita hendak naikkan atau pun tidak, kita terpaksa menimbang tentang keperluan pengusaha untuk mendapat sedikit keuntungan dan juga untuk keperluan orang ramai yang majoritinya daripada pendapatan yang rendah, yang menggunakan pengangkutan awam. Itu juga kita kena ambil kira.

Oleh yang demikian, kita terpaksa mencari satu perunding yang bebas supaya dia boleh memberikan satu kaedah yang benar-benar telah mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak. Kalau pihak kerajaan yang buat penyelidikan, mungkin kita ada *bias* sedikit terhadap pengguna kerana kita mendahulukan rakyat. Kita tidak akan dapat memberikan satu kadar yang benar-benar mengambil kira kepentingan kedua-duanya.

Maka, oleh kerana itu lah kita menggunakan perunding swasta. Itu pun sebuah unit dalam sebuah universiti di negara kita yang sememangnya kita tahu bahawa universiti, mereka mempunyai cukup daripada segi urusan setianya dan juga daripada minat mereka, akademik mereka untuk mengambil kira kepentingan orang ramai.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dahulu berdiri, saya nampak tadi. Yang Berhormat Rantau Panjang. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam tadi sudah bercakap pun.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Gajah nanti dapat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Soalan tambahan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Gajah kalau tidak dapat izin saya 'ehem-ehem' buat begitu. *[Ketawa]*



**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sebagaimana semasa krisis kenaikan harga minyak kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM4 bilion untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dalam negara.

Jadi, saya ingin tanya sejauh mana pencapaian setakat ini dan sejauh mana kebajikan pekerja terutama pekerja awam yang menggunakan perkhidmatan ini diambil kira apabila kenaikan 30% daripada caj perkhidmatan awam akan dilaksanakan? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sebenarnya, apabila kerajaan ...

**Beberapa Ahli:** *Mike, mike.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat. Ini Menteri KPI, dia terlampau tinggi. *[Ketawa]* Tidak payah *mike*. Sila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan mengambil tindakan memberikan subsidi bagi mengatasi masalah kenaikan minyak beberapa bulan yang lepas, sebenarnya dia tidak boleh dianggap sebagai subsidi sebagai secara langsung untuk membantu perkhidmatan awam. Tidak, ia untuk semua orang.

Jadi, untuk dikatakan iaitu bahawa dengan adanya secara tidak langsung subsidi untuk menurunkan harga, minyak, itu satu daripada perkara yang sepatutnya kita dapat mempertahankan kadar yang rendah bagi tambang harga, itu tidak boleh digunakan kerana ini untuk semua. Ini bukan khusus secara langsung untuk pengangkutan awam.

#### ■1100

Sebelum pun harga minyak naik ia sudah menjadi isu kerana kenaikan yang terakhir dibuat lima tahun dahulu. Harga minyak naik meningkat, meningkat, meningkat terlalu begitu besar ia berlaku dalam masa tiga, empat tahun. Jadi walau pun beberapa bulan yang lepas harga naik tetapi bagi pengangkutan awam harga itu naik lebih awal lagi. Pengangkutan awam lebih awal lagi mereka telah merasa kesusahan dan kesukaran untuk dapat memberikan perkhidmatan yang baik.

Maknanya apa Yang Berhormat sebut itu langsung tidak ada kesan terhadap pengangkutan awam bagi pengusaha yang merasakan mereka perlu minta supaya dinaikkan tambang untuk membolehkan mereka mendapat sedikit keuntungan, itu satu.

Nombor dua, kenaikan ini bukan yang dirasai oleh pengusaha bukan sahaja kos minyak. Saya sebut sebentar tadi bahawa di antaranya ialah harga insurans. Insurans naik tinggi sebab orang *Insurance Company* tidak mahu pengangkutan awam ini, dia tidak mahu bagi insurans sebab premium yang dikutip tiap-tiap tahun RM400 juta lebih tetapi bayaran yang dibuat atas tuntutan lebih dari RM1 bilion. Jadi dia tidak mahu, bagi naik insurans tinggi lagi.

Insurans, ansuran bayaran, gaji pemandu, bahan bakar, alat ganti, caj terminal dan tayar. Ini fakta-fakta yang lain yang menyebabkan mereka memohon untuk menaikkan tambang harga, bukan minyak sahaja ya, bukan kenaikan minyak.

Keduanya Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya suka dia, saya kenal dia lama Yang Berhormat ini. Rantau Panjang, bukan makna saya pergi Golok, tidak tetapi memang Yang Berhormat Rantau Panjang saya kenal lama. Senat dahulu sudah kenal bukan? Betul? Yang kedua ini berkenaan dengan macam mana ia menjejaskan orang-orang yang bekerja dengan kerajaan kah. Bagi mereka yang bekerja dengan kerajaan ini saya tidak boleh nafi bahawa itu memang berlaku sedikit terjejas dari segi perbelanjaan namun kerajaan kita sentiasa cari jalan bagaimana untuk membantu pekerja-pekerja kita khususnya di jawatan yang rendah kerana kita menyediakan kadangkala bas untuk mengambil mereka dari tempat tertentu supaya kita boleh kurangkan perbelanjaan mereka.

Jadi itu Yang Berhormat saya kira sukar untuk kita hendak mengelak daripada kenaikan tambang harga ini kerana kalau tidak banyak pengangkutan awam terpaksa dihentikan ya. Terima kasih. Yang Berhormat Kepong baru sampai?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, penyelesaian itu tidak ambil kira krisis ekonomi yang sedang dihadapi dalam keadaan biasa, boleh pakai jawapan macam itu tetapi sekarang ini kita berhadapan dengan krisis ekonomi. Ini soalnya, tidak boleh kah cari satu pendekatan KPI yang terlajak ini? KPI terlajak. Tidak bolehkah cari pendekatan yang lebih inovatif, yang membantu rakyat jelata? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam. Kalau begini tidak termasuk dalam KPI. *[Ketawa]*

**8. Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berikutan perbelanjaan hampir RM2 bilion telah dibelanjakan bagi membina Smart Tunnel untuk mengatasi masalah banjir di Bandaraya Kuala Lumpur, namun keadaan banjir masih lagi serius. Mengapakah Smart Tunnel ini tidak efektif dalam mengatasi masalah banjir seperti yang dirancang.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat Ahli Yang Berhormat, fungsi utama Terowong Smart adalah untuk mengatasi masalah banjir di pusat Bandar raya Kuala Lumpur di sekitar stesen LRT Masjid Jamek termasuk Jalan Masjid India, Jalan Tun Perak, Lebuhraya, Kampung Baru, Jalan Tun Razak, Jalan P. Ramlee, Jalan Pinang, sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad, Dataran Merdeka, Jalan Munsyi Abdullah dan Jalan Tuanku Abdul Rahman akibat daripada kajian hujan lebat di kawasan tadahan Sungai Klang dan Sungai Ampang.

Sehingga hari ini operasi Smart telah berjaya melencongkan air sebanyak 56 kali untuk mengelakkan berlakunya banjir di kawasan-kawasan di atas apabila hujan lebat berlaku di lembangan Sungai Klang dan Sungai Ampang. Sebagai contohnya pada kejadian banjir pada 22

Mac 2008 Smart telah berjaya melencongkan air lebih banjir Sungai Klang sebanyak 1.2 juta meter padu. Pada banjir 3 Mac, 2009 sebanyak 700 meter padu air lebih banjir berjaya dilencongkan. Tindakan ini telah berjaya mengelakkan berlakunya banjir di pusat Bandaraya Kuala Lumpur, di sekitar stesen LRT Masjid Jamek dan di kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas tadi.

Oleh yang demikian Smart memang telah berjaya mengatasi masalah banjir seperti dirancangkan. Maka dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Projek Terowong Smart tidak berkesan dalam mengatasi masalah banjir adalah tidak benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat pihak Menteri sepatutnya turun juga ke bawah supaya merasakan *traffic jam* yang dialami oleh masyarakat di Kuala Lumpur. Kalau itu kenyataan daripada pegawai kerajaan yang menasihati Yang Berhormat saya ingat saya rasa Yang Berhormat sendiri mesti bersama dengan mereka.

Perkara yang kedua yang ingin saya nyatakan masalah Smart Tunnel itu tidak menyelesaikan masalah banjir yang berada di Kuala Lumpur dan juga di lembah Sungai Kelang kerana salah satu daripada perkara yang terpenting ialah untuk menyelesaikan masalah ini ialah membesarkan dan membersihkan seluruh Sungai Klang. Jadi kalau hanya dibuat atas satu tempat dan tidak berterusan ia tidak akan menyelesaikan dua masalah yang akan berlaku iaitu hujan lebat, air banjir dan juga ada masanya kenaikan air laut yang tinggi iaitu *high tight* yang menyebabkan air-air itu akan melimpah. Ini yang berlaku. Smart Tunnel terpaksa ditutup beberapa kali dan terdapat beberapa banyak kereta yang tenggelam hasil daripada usaha pelaburan sebanyak RM2 bilion tersebut.

Kedua, pihak Menteri juga boleh melihat kajian yang telah dibuat oleh kementerian tentang bencana ataupun kualiti air dan sampah-sampah yang mengalir dari Gombak iaitu masuk ke Bandaraya Kuala Lumpur dan keluar dari Bandaraya Kuala Lumpur terus ke Kelang dan kuala sungai. Kajian tersebut menunjukkan tahap pencemaran aliran air itu dari Gombak ke Kuala Lumpur ialah... [*Dewan riu*] apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Soalan? Ya lah saya hendak terangkan kalau tidak tahu nanti macam mana dia hendak jawab. Nantilah saya hendak terangkan dahulu kalau tidak macam mana hendak jawab. [*Dewan riu*]

Bila saya terangkan maknanya dan apakah langkah yang... Pertama, pencemaran tersebut ialah pada tahap dari Gombak ke Bandaraya Kuala Lumpur ialah pada tahap dua dan tiga. Tahap dua itu maknanya kalau tahap satu ialah boleh minum, tahap dua itu dia jernih, tahap tiga itu sudah kotor, tahap empat boleh jadi sakit apabila minum. Akan tetapi apabila air itu masuk ke Kuala Lumpur ia pada tahap dua dan tiga tetapi apabila keluar dari Kuala Lumpur ialah

pada tahap tiga dan empat. Oleh itu terdapat kecemaran yang berlaku di Kuala Lumpur. Jadi, penggunaan *tunnel* itu tidak menyelesaikan masalah keseluruhannya dan apakah langkah-langkah kementerian untuk menyelesaikan masalah keseluruhan? Itu baru soalan. Kalau tidak ada soalan macam mana dia hendak jawab!

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** MB tidak ada KPI.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** KPI juga berasaskan kepada bentuk pemikiran ke soalan. Bukan KPI cakap sahaja.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Menteri Besar tidak ada KPI lah! *[Tepuk Dewan Riu]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Ahli Yang Berhormat. Biar saya yang menentukan KPI itu. Yang Berhormat Bandar Tun Razak boleh? Sila Yang Berhormat Menteri.

■ 1110

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya memberi KPI ini, tentu sangat rendah sekali *[Dewan riu][Ketawa]* Kerana mengapa? Kerana kebanyakan soalan adalah terkeluar daripada soalan asal. Kerana soalan yang ditanyakan sama ada Smart adalah...

**Seorang Ahli:** Tak layak.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Apa tadi?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ha? Siapa tak layak? I minta tarik balik. *[Dewan riu][Ketawa]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Kerana itu adalah satu tuduhan cukup jahat yang mengatakan saya tidak layak. Bagaimana dia kata saya tak layak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat. Rakyat sudah melayakkan di situ. Sila, sila.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Inilah sikap orang PKR.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Itulah sebab *you* kalah di Lubok Antu, kerana sikap yang tidak baik macam ini. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dia kemukakan adalah jelas. Beliau menuduh bahawa Smart tidak berjaya. Jadi dalam beliau nak menuduh Smart berjaya atau tidak, beliau mesti memahami apakah fungsi Smart apabila dia dibina sebenarnya. Tadi dia meleret kepada masalah sampah, masalah pencemaran dan sebagainya. Itu bukan matlamat kita membina Smart. Kita membina Smart untuk mengatasi masalah seperti yang saya sebut tadi dalam jawapan saya.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Banjir, banjir.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Jadi saya minta Menteri Besar dari Selangor untuk memahami isu supaya tidak nampak bodoh dalam Parlimen ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tarik balik, tarik balik, tarik balik, tarik balik.

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Tarik balik! [*Dewan riuh*]

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Tarik balik.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri yang tak faham!

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Soalan saudara kalau kita...

**Seorang Ahli:** Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk sekejap. Duduk, duduk, duduk. [*Dewan riuh*]

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Itu sudah melampau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ikuti dulu arahan Speaker. Duduk dulu, duduk dulu. Yang Berhormat Kota Melaka duduk, Yang Berhormat Ampang duduk, Yang Berhormat Gombak duduk. Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey, saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, okey.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak dengar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tan Sri, dia tarik balik mikrofon tak *on*. *On* dulu baru tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Yang Berhormat Gombak ya, duduk dulu Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak *on* tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, ya lah. Yang Berhormat Gombak duduk, duduk.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ha, sekarang dah menyala.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ha, tarik balik.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, ya. Apa saya tarik balik?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ha, itu kurang bijak tu.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Kurang bijak ya?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, duduk dulu. Duduk Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey lah, saya tarik balik. Saya tarik balik.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tan Sri, peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Saya tarik balik perkataan 'bodoh'...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bintang, jangan campur lagi Peraturan Mesyuarat. Sila duduk dulu, sila duduk.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** ...Akan tetapi nampaknya tidak bijak. *[Dewan riuh]*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, duduk dulu. Yang Berhormat Bukit Bintang, tak apa. Duduk dulu. Duduk, duduk. Duduk dulu.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey, saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah senyum. Saya nampak, saya dengar. Walaupun tidak buka *mike*, dia tarik balik. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dia tarik balik perkataan *unparliamentarily* itu.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey, saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tarik balik.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Tidak, sedikit penjelasan *[Dewan riuh]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tak ada ruang untuk penjelasan.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Sebab kalau kita ada duit...

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan Dewan Undangan Negeri Selangor. *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Ini kerana kementerian ini, saudara di dalam Kabinet. Kita menggunakan RM2 juta duit pembayar cukai.

**Seorang Ahli:** Bilion

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** RM2 bilion, RM2 ribu juta duit pembayar cukai. Jadi, saudara kata itu untuk hanya benda tertentu.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Sesi soal jawab mana ada penjelasan.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Fikirlah seluruh Kuala Lumpur tadi.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Sesi soal jawab tak ada penjelasan.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Jawapan tak munasabah, itu yang tak boleh itu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dua-dua Yang Berhormat Menteri duduk? Boleh dua-dua Menteri duduk?

**Seorang Ahli:** Saudara, duduk saudara. Duduk saudara!

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pencemaran pasal banjir Yang Berhormat Menteri, pencemaran pasal banjir. Itu yang ada kena mengena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri yang sana itu pun ikut duduk juga. Boleh? Yang Berhormat Menteri duduk dulu.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri tak faham.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Batu Pahat, duduklah!

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Bukan saya yang tak faham, Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada sebelah yang tak faham.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri yang tak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang sana itu pun duduk juga. Kita bermula daripada pagi tadi begitu baik.

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk, duduk.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Kenapa suruh saya duduk?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, sesi soal jawab mana ada penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa. Duduk dulu, duduk dulu.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Batu Pahat, Menteri tolak markah. KPI tak lulus.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hoi, *backbencher* kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham terhadap tugas masing-masing untuk membela nasib rakyat. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menjawab mengikut apa yang dia fikir kebaikan rakyat juga dan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak begitu juga. Saya dengar dua-dua tetapi apabila berhujah, biarlah ikut peraturan mesyuarat. Kalau peraturan mesyuarat itu mengatakan begini, jangan langgar peraturan mesyuarat.

Itu juga tanggungjawab saya. Kalau saya gagal mengawal Dewan dalam persidangan begini. Saya gagal, kalau saya dikenakan KPI. Jadi, jangan kegagalan saya itu diakibatkan oleh kegagalan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kalau itu yang berlaku, terpaksa saya bawa Peraturan Mesyuarat 40,41,42 dan 43. Ha, itu yang kadang-kadang saya sakit. Sila, isu itu sudah selesai. Kalau ada lagi daripada Yang Berhormat Menteri, teruskan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Kita nak beritahu dengan lebih jelas supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat faham apa matlamat pembinaan Smart Tunnel ini. Smart Tunnel ini adalah *storm management* dan *road tunnel*. Jadi matlamatnya yang pertama yang saya telah sebut tadi. Saya huraikan dengan begitu panjang lebar dan selain itu, matlamatnya adalah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di mana ianya dibuka untuk laluan kereta di antara bulatan Kampung Pandan dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban berhadapan dengan pangkalan TUDM Sungai Besi.

Itu adalah dua matlamat utama *tunnel* ini dibina. Jadi, saya harap Yang Berhormat faham. Mengenai masalah pencemaran, sampah dan sebagainya itu, kita mengakui itu memang masalah tapi SMART tidak dibina untuk menyelesaikan masalah sampah dan masalah pencemaran. *[Dewan riuh]*

Jadi, Yang Berhormat dan Yang Amat Berhormat kena faham. Yang Berhormat kena faham dengan jelas. Jadi kalau Yang Berhormat perlu taklimat, mungkin SMART boleh bagi taklimat supaya Yang Berhormat lebih memahami apa tujuan supaya Yang Berhormat tidak mengelirukan rakyat sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, okey, terima kasih. Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Jadi, yang kedua, saya perlu jelaskan, dia minta saya turun padang. Saya memang turun padang, saya pun melihat keadaan. Bukan saya hanya turun padang melihat keadaan ini, saya juga turun padang ke Johan Setia, melihat kawasan di Johan Setia yang terbakar.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Padang golf ke?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ha, saya tidak main golf. *[Dewan riuh]* Dengan itu, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ha Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tadi, soalan itu bermula daripada sebelah kiri. Ahli-ahli Yang Berhormat mesti faham. Sebelah kanan, Yang Berhormat Mambong.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dia bangun lambat.

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi sememangnya menjelaskan fungsi-fungsi Smart Tunnel tetapi kawasan tadahan air di mana air banjir yang mengalir melalui Smart Tunnel adalah terhad. Yang Berhormat juga menyebutkan kawasan-kawasan itu tadi. Di Kuala Lumpur, banyak faktor-faktor yang menyebabkan banjir.

Pertamanya, Kuala Lumpur. Terjemahan Kuala Lumpur itu sendiri maknanya lumpur, tanah raya. Oleh sebab tanah rata, maka had kelajuan air yang mengalir di Sungai Kelang tidak laju. Oleh itu, kalau ada hujan lebat sekiranya 200ml dalam satu jam, maka...

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Tan Sri, ini Yang Berhormat Menteri jawab atau soalan?

**Seorang Ahli:** Dia menjelaskan untuk Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** *Shut up!*

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Maka sungai itu tidak berupaya untuk membawa air ke laut. Persoalannya sekarang ialah, kesalahan daripada perancangan struktur ataupun... *structural planning* di bawah kerajaan negeri.



**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, itulah betul.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]:** Sudah Yang Berhormat Shah Alam, jangan bising.

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Oleh yang demikian, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian Yang Berhormat boleh mengarahkan kerajaan negeri untuk meminda prosedur perancangan struktur masing-masing supaya banyak lagi tempat di Kuala Lumpur ini akan tidak kena banjir kalau *structural planning* dibuat dengan baik dan betul.  
[Tepuk]

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat Mambong. KPI nya memang top, bagus.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Patut dia jadi Yang Berhormat Menteri [Dewan riuh] [Ketawa] bukan Yang Berhormat Betong.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia kata *planning* tak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, saya pun dah hilang [menunjukkan isyarat hilang akal]. Okey, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kalau hilang itu, memang tak layak lah [Ketawa]

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Memang kerajaan mengakui bahawa masalah banjir di Kuala Lumpur ada beberapa sebab. Yang pertama adalah limpahan daripada beberapa tadahan sungai di Kuala Lumpur yang banyak. Sungai Kelang, Sungai Ampang, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Gombak dan sebagainya.

#### ■1120

Bagi Kerajaan Barisan Nasional, kita memang ada beberapa program *Smart Tunnel* ada pakej A dan kita ada pakej B yang Kepong sangat minat dan kita harap pakej B ini apabila siap nanti, yang kita harap siap pada penghujung tahun ini bahawa ia dapat mengatasi masalah banjir khususnya di kawasan PWTC kerana banjir di situ adalah disebabkan dari limpahan air di Sungai Gombak dan Sungai Batu.

Satu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Mambong tadi memang masalah struktur. Ini ada banyak masalah di beberapa bandar raya kita di seluruh negara kerana perancangan yang dahulu dan sebagainya.

Maka, bagi pihak kementerian, kita telah pun memanjangkan beberapa panduan termasuk manual saluran mesra alam dan pelbagai panduan yang lain yang dimajukan kepada negeri-negeri. Saya harap Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak pun sudah dapat menerima panduan-panduan tersebut. Harapan kita adalah bahawa kerajaan-kerajaan negeri mematuhi

dan mengikuti segala manual saluran dan panduan-panduan yang telah kita bagi kerana dengan cara itulah kita berharap masalah banjir ini dapat kita kurangkan. Terima kasih.

**9. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah dan jenis apa terbitan filem atau pun dokumentari oleh kementerian bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan; dan
- (b) jika ya, apakah tahap keberkesanan promosi ini serta berapa ramaikah pelancong yang datang ke negara ini melalui promosi ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan tidak menerbitkan filem ataupun dokumentari bagi tujuan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ada melaksanakan program lawatan oleh ahli-ahli media cetak dan elektronik dari luar negara yang dikenali sebagai *Mega Familiarisation*, dengan izin ataupun Mega FAM untuk melawat Malaysia.

Melalui program ini, kementerian menaja tiket penerbangan, penginapan dan mengaturkan program-program pelancongan. Kehadiran ahli-ahli media berkenaan telah secara langsung membuat kementerian dan Tourism Malaysia mempromosikan Malaysia. Mereka akan membuat liputan dan gambaran aktiviti yang berkaitan pelancongan dan disiarkan di negara mereka. Maklum balas yang diterima daripada pengarah-pengarah Tourism Malaysia di luar negara di mana media mereka menyertai Mega FAM ini sangatlah positif. Terdapat banyak petikan-petikan serta tulisan berkaitan pelancongan negara telah diterbitkan di negara berkaitan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sungguh tertarik apabila banyak filem yang dibuat oleh pihak swasta terutama sekali dokumentari-dokumentari. Saya pernah melihat satu dokumentari *Animal Planet* yang telah dibuat di Pulau Mantanani yang mana dibuat secara *Dugong and Din* nama filem ini. Ini satu bahan penarik pelancong kepada negara kita.

Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian merancang perfileman-perfileman *Discovery Channel, Animal Planet, National Geographic* dan sebagainya untuk memperkenalkan budaya, tempat-tempat yang menarik di negara ini sebagai satu bahan penarik pelancong yang setakat mana yang saya lihat tiada sama sekali usaha daripada pihak kementerian untuk mempromosikan latar belakang-latar belakang terutama sekali perfileman, *movie* dan sebagainya di negara ini. Adakah pihak kementerian membuat satu program yang mana pembuat-pembuat filem ini akan mengadakan perfileman di negara ini.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. *Suggestion* dengan izin Yang Berhormat lebih tertakluk kepada Kementerian Penerangan sebab Kementerian Penerangan memang selalu mengambil bahagian dalam filem-filem dan dokumentari di negara kita. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung kementerian tidak menggunakan filem untuk menarik pelancong ke dalam negara. Namun begitu, saya ingin bertanya. Apakah rasionalnya kementerian menggunakan pengarah filem ataupun keluarganya termasuk Datuk Seri Jean Todt yang dilantik sebagai *Malaysian Tourism Ambassador* di mana kos untuk melantik Datuk Seri Jean Todt ini telah mencecah kepada RM593,400. Apakah peranan pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara di mana kementerian terpaksa menanggung kos yang tinggi iaitu hampir setengah juta ringgit. Kos tiket penerbangan Datuk Seri Jean Todt sahaja sudah mencecah RM360,000.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang saya ada, Datuk Seri Jean Todt dan juga Datuk Michelle Yeoh telah ditawarkan sebuah pulau, sebahagian daripada pulau besar di negeri Terengganu untuk membuat promosi negeri Terengganu. Apakah jawapan daripada kementerian tentang perbelanjaan yang begitu besar termasuk pemberian tanah sebahagian daripada pulau besar kepada Datuk Michelle Yeoh dan juga Datuk Seri Jean Todt. Terima kasih.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Depa itu miskin tidak ada tanah kot.  
[*Dewan riuh*][*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang jauh keluar daripada soalan yang asal. Jadi saya nasihatkan kepada Yang Berhormat supaya menulis soalan yang tepat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada keluar daripada tajuk. Soalannya bertanya apakah kementerian menggunakan filem untuk menarik pelancong. Jadi, Datuk Michelle Yeoh ini bukannya pengarah filem?

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya ada bukti di mana Datuk Michelle Yeoh dan Datuk Seri Jean Todt ditawarkan pulau besar, Tuan Yang di-Pertua. Tiket penerbangannya sahaja sebanyak RM360,000. Kos untuk melantik Datuk Seri Jean Todt mencecah RM593,000. Apakah ini tidak ada kaitan dengan soalan asal?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, saya yang menentukan sama ada itu ada kaitan atau tiada. Boleh duduk.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi dia tidak mahu jawab soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dia kata tidak ada kaitan. Maka saya terpaksa buat *ruling* sama ada berkaitan atau tiada. Bukan di antara kamu berdua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ada kaitankah, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, Yang Berhormat Gombak. *[Ketawa]* Baru saya. Ahli-ahli Yang Berhormat, itu makanya terpaksa peraturan mesyuarat diwujudkan. Jadi dalam hal ini, apa pun yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak itu sama ada benar atau tidak daripada dokumentasi yang tadi diangkat demikiannya. Sama ada benar atau tidak, itu bukan tugas saya. Namun begitu, dalam hal ini secara kebetulan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tidak ada kaitan dengan soalan asal. Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

**10. Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan pelajar yang sedang mengikuti Pengajian Juruterbang dan usaha kerajaan dalam membantu pelajar yang kurang mampu membayar yuran yang terlalu mahal.

**Timbalan Menteri Pengangkutan II [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru, pada masa sekarang, terdapat seramai 1,073 pelatih juruterbang yang sedang mengikuti pengajian juruterbang di seluruh negara kita.

■1130

Mengenai usaha kementerian dalam membantu pelajar yang kurang mampu membayar yuran yang terlalu mahal adalah dimaklumkan bahawa kementerian tidak menyediakan biasiswa atau pinjaman kepada pelajar-pelajar Pengajian Juruterbang memandangkan ia tidak berada di bawah bidang kuasa kementerian saya.

Walau bagaimanapun pihak MARA ada menyediakan kemudahan pinjaman untuk membiayai latihan juruterbang di mana mereka bolehlah mengemukakan terus permohonan untuk mendapatkan pinjaman tersebut. Sekian.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 18(1). Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum semalam saya sudah memohon kepada Tuan Yang di-Pertua supaya mesyuarat hari ini ditangguhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) supaya membincangkan satu usul berkaitan dengan isu penyeludupan atau perdagangan manusia yang dibawa dalam laporan Jabatan Negara Amerika atau America State Department.

Dalam usul itu saya sudah mencadangkan penubuhan satu suruhanjaya bebas oleh kerajaan untuk menyiasat perkara ini supaya membolehkan imej Malaysia dalam isu ini. Tuan

Yang di-Pertua telah menjawab menolak permohonan itu dalam kamar dan memberi beberapa alasan yang secara ringkas mengambil pendirian bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya bangun Tuan Yang di-Pertua untuk memohon supaya Tuan Yang di-Pertua mengkaji semula keputusan itu sebab saya nampak apabila meneliti jawapan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Tuan Yang di-Pertua menerima bahawa isu ini adalah penting. Isu ini memang cukup penting. Tuan Yang di-Pertua telah sebut saya berpendapat kerajaan telah dan sedang mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini dan sebagai satu langkah disebut bahawa usaha kerajaan mendapat penjelasan lanjut daripada pihak Jabatan Negara Amerika berhubung isu tersebut cukup menyakitkan saya bahawa Malaysia bersikap tegas terhadap dakwaan yang dikemukakan tersebut. Oleh itu perkara ini tidak perlu disegerakan

Saya ucapkan terima kasih atas jawapan ini sebab saya nampak dalam semangat jawapan ini kita mengiktiraf isu ini penting dan isu ini ada elemen perlu dibahaskan secara segera sebab isu ini perlu ditangani kerana imej Malaysia telah terjejas.

Akan tetapi yang saya dukacita Tuan Yang di-Pertua ialah alasan yang digunakan untuk menolak perbahasan dalam Dewan ini adalah kerana kerajaan telah dan sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini. Bagi saya dengan hormatnya, saya hormati keputusan tetapi bagi saya Tuan Yang di-Pertua harus lebih berkecuali dalam perkara ini. Itu adalah jawapan bagi pihak kerajaan, bukan Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil keputusan. Apa salahnya biarkan kerajaan memberi penerangan di sini, biarlah Ahli-ahli Dewan ini mendengar dan juga memberi pandangan dan kita boleh membantu dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua telah kata usaha kerajaan mendapat penjelasan lanjut padahalnya maklumat tentang isu ini telah tertera dalam dua laporan besar Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Maksud saya, saya habiskan dalam satu minit sahaja. Saya tidak akan untuk maksud *point* saya ini, yang terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Maksud saya apabila Tuan Yang di-Pertua kata usaha kerajaan mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak Jabatan Negara Amerika bermaksud meyakinkan saya Malaysia bersikap tegas. Padahal maklumat penuh dalam hal ini adalah dalam dua laporan tebal, satu oleh Jabatan Negara Amerika sendiri dan satu lagi dalam Laporan *Human Rights Watch* sudah diterbitkan, maklumat semua ada.

Jadi kalau pemerintah sekarang mencari maklumat dan itu digunakan sebagai alasan untuk menolak usul dan menolak perbahasan di sini dengan hormat Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak setuju dan saya minta Tuan Yang di-Pertua mengkaji semula dan menimbang

semula keputusan ini dan biarkan usul ini dibincangkan sebab saya nampak dalam semangat surat ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, saya sudah cukup sabar mendengar.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya sudah habis. Jadi itulah permintaan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat di bawah 18(1) sampai Peraturan Mesyuarat 18(7). Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam soal apabila Tuan Yang di-Pertua atau pun timbalan-timbalannya membuat keputusan, tidak ada soal timbul bahawa ianya boleh dikaji kecuali apabila sesuatu usul dibuat usul persendirian. Itu jelas kan.

Kedua, 18(1) ini sehingga 18(7) adalah usul membincang dan tidak boleh membuat apa-apa ketetapan. Apabila saya menerima usul di bawah 18(1), saya bukan mengambil kira mengenai dengan pendapat seseorang Ahli Yang Berhormat. Saya mengambil kira semua aspek terutamanya sama ada usul yang akan dibawa itu memenuhi tiga syarat.

- (i) Kepentingan orang ramai
- (ii) Isu spesifik dan
- (iii) Perlu disegerakan atau tidak

Akan tetapi yang jelas di situ ialah sama ada saya sebagai Tuan Yang di-Pertua berpuas hati. Apabila saya menimbang semua usul yang dibawa ke pengetahuan saya, aspek ini semua saya ambil kira. Akan tetapi pada masa yang sama, saya juga mengambil kira kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mengatakan siapa.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang cuma mengeluarkan isu dalam satu sudut yang paling sempit iaitu mungkin kepentingan peribadi cuma ingin mahu baca usul itu dalam Dewan dan selepas itu ditolak ataupun perkara-perkara lain. Dalam soal ini ialah saya tidak puas hati bahawa ianya perlu disegerakan untuk menyingkirkan agenda mesyuarat yang telah ditetapkan lebih awal di bawah 14. Maka itu saya menolak.

Akan tetapi kalaulah ada isu yang saya berpendapat bahawa ianya perlu dibincangkan, saya tidak teragak-agak untuk ianya dibincangkan kerana apabila Yang Berhormat Subang mengatakan begitu seolah-olah telah mengenakan kepada saya bahawa saya ikut telunjuk kerajaan. Saya tidak ikut itu. Sudah berapa usul yang saya terima kalau ianya langsung untuk kepentingan negara?

Sebelum saya mengambil keputusan, saya juga minta maklumat-maklumat tertentu daripada kementerian-kementerian tertentu. Saya difahamkan bahawa penyiasatan sekarang ini sedang dilakukan. Kalaupun saya benarkan untuk berbahas di bawah 18(1), tidak ada keputusan juga. Masih juga kerajaan menyiasat sama ada betul atau tidak kerana saya juga mengambil kira bahawa apa pun laporan daripada luar negara itu, saya mengambil kira sama ada laporan itu semata-mata cuma ingin menjejaskan nama negara ini yang baik atau tidak juga untuk kepentingan negara-negara tertentu.

Jadi kepayahan saya di sini ialah kadang-kadang saya bergelut dengan perasaan *consent* sendiri, kepentingan negara, Peraturan Mesyuarat dan kepentingan agenda Ahli-ahli Yang Berhormat yang membawa usul di bawah 18(1). Jadi marilah sama-sama kita perhatikan 18(1) itu. Terima kasih Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akhir dengan ini sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, sudah selesai.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Satu ayat sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, sudah selesai.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini penting sebab ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, sudah selesai.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik, ok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. 11.31...Setiausaha, sesi pertanyaan jawab lisan sudah selesai. Sila.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

### **USUL MENTERI KEWANGAN DI BAWAH P.M. 66A DAN 67B**

#### **PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Usul Menteri Kewangan bagi penguntungan semula peruntukan perbelanjaan menurut Peraturan Mesyuarat 66A dan 67B". **[23 Jun 2009]**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap *breakfast* hari ini tidak begitu menggalakkan Yang Berhormat untuk lebih agresif.

■1140

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, saya harap tidak ada apa-apa kekacauanlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana baru tadi kami bincang mengenai dengan KPI.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh KPI, hari ini pun gagal, tengok ada Menteri. Mana menteri, mana Menteri di depan kita? Lagi, Menteri-menteri gagal dalam KPI.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini sudah mula Yang Berhormat. Yang kita bincang tadi KPI apabila berbahas mesti...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya itu KPI, KRA, semua gagal, tengok mana ada, kosong sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur, KPI yang saya maksudkan ini KPI macam Yang Berhormat Permatang Pauh kalau berbahas. Sila teruskan, sila. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Baik, semalam apabila perbincangan ditangguhkan, saya ada sebut mengenai Yang Berhormat Menteri daripada Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kalau tak silap ada berdiri. Dia ada mencelah dan ada kata bahawa apa perbezaan, tidak ada kesalahan, kesilapan dalam apa yang berlaku di Perak ialah mengenai perampasan kuasa. Oleh sebab saya ada sebut perampasan kuasa ialah *unethical, undemocratic, illegal unconstitutional*. Itulah satu unsur utama kenapa ada krisis kredibiliti, integriti, legitimasi yang dihadapi oleh Perdana Menteri. Kenapa tidak ada harapan rakyat bahawa ada permulaan yang baru.

Yang Berhormat kata apa perbezaan oleh sebab Pakatan Rakyat pun mahu harap dapat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional *effect* kepada Pakatan Rakyat. Ada satu perbezaan yang besar. Apa yang berlaku di Perak iaitu perampasan kuasa ialah *unethical, illegal* dan *unconstitutional*. *Unethical* oleh sebab berasaskan kepada tiga katak. Katak politik, tiga Ahli Dewan Undangan Negeri dalam Perak yang buat apa yang sangat *dishonourable*.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Nanti saya akan bagi jalan, saya akan bagi jalan. Jangan takut.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Bukan, peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh, oleh sebab Barisan Nasional sudah tidak ada *striker*, Yang Berhormat perlu untuk menghalang saya berucap. Mana *striker* Barisan Nasional? *Striker* habis?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia ketagih itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, saya nak dengar itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh, boleh-boleh.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** 36(2), dia mengatakan Menteri Besar Perak yang ada *illegal* sedangkan keputusan mahkamah sudah dibuat dan rayuan dibuat oleh pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu bukan penjelasan. Apa itu?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Duduklah, saya belum habis lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Peraturan mesyuarat apa?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** 36(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya bagi penjelasan Yang Berhormat.



**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Ya. Jadi dia membangkitkan perkara, dia mengatakan haram dan sebagainya Menteri Besar sedangkan ini masih dalam rayuan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tak cakap mengenai Menteri Besar! Mana ada saya sebut Menteri Besar!

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dengar saya punya cakap juga. Saya tahu kalau dah sebut Yang Berhormat, tak payah ulang, tak payah ulas.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** ...Sebab itu hari Yang Berhormat Batu Gajah menyebut bahawa dia minta Yang Berhormat Pandan tarik balik *statement* mengatakan Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa Batu Gajah, ini *point of order* bukan ucapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudahlah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dia cakap sewenang-wenangnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Saya buat keputusan. Yang Berhormat Ipoh Timur duduk dulu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Yang Berhormat Batu Gajah hari itu minta tarik balik, dia kata Yang Berhormat Ipoh Timur dituduh sebagai bukan makhluk...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Hari itu, hari itulah, hari ini, hari ini. Dia tak tahu, balik Batu Pahat lah. Saya pun dari Batu Pahat. Balik Batu Pahat!

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Kalau Yang Berhormat Ipoh Timur bukan makhluk, dia apa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Balik Batu Pahat! Balik Batu Pahat! Saya tidak benarkan, saya tak benarkan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tidak benarkan, saya tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey, duduk Yang Berhormat. Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, dalam peraturan mesyuarat kita Yang Berhormat, tidak ada hubung kait di antara Parlimen dengan kerajaan negeri. Yang di bawah 36 itu, keseluruhannya ialah untuk *protect* ataupun menjaga institusi di peringkat Persekutuan. Jadi saya berharap ini difahami percakapan saya. Jadi dalam keadaan sedemikian, kadang-kadang kalau ada yang mengkritik kerajaan negeri, payah hendak kita halangkan oleh sebab ia tidak termasuk dalam Peraturan 36 Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Ini bukan kes mahkamah ke 36(2)? Yang disebut itu kes mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya mengetahui *sub judice* punya *principal* Yang Berhormat. Saya pernah menghadiri kursus, saya dah pernah menghadiri seminar berhubung dengan *sub judice principal* Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Ini kes mahkamah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tak faham, balik Batu Pahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Kalau Yang Berhormat Ipoh Timur bukan makhluk...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Balik Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Yang Berhormat Batu Gajah kata dia bukan makhluk...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh saya teruskan. Apa ini kacau-kacau? Kaki kacau? Saya tidak sebut mengenai *state matters*, saya sebut mengenai kesihatan demokrasi di negara kita. Saya kata bahawa apa yang berlaku ialah *illegal* dan saya jawab apa Yang Berhormat Menteri semalam mencelah, apa perbezaan. Saya kata perbezaannya besar, apa yang berlaku ialah *unethical* oleh sebab berasaskan tindakan laku yang tidak *honourable*. Tiga orang Dewan Undangan Negeri sehingga hari ini tak berani tampil ke hadapan orang ramai, jumpa pengundi-pengundi oleh sebab mereka tahu apa yang mereka buat adalah sangat memalukan dan mereka tidak berani jumpa orang ramai.

Itu *dishonourable*. Kalau orang yang mahu tukar fikiran, boleh tetapi *honourable*, sebab-sebab *honourable* rela jumpa rakyat, menerangkan kepada rakyat kenapa dia tukar fikiran. Akan tetapi ketiga-tiga katak ini tak berani, sebab itu *unethical*. Saya kata *illegal unconstitutional*, mungkin tidak betul, saya tidak mahu *sub judice* atau apa-apa tetapi prinsip utama ialah kalau ada mahu pertukaran satu kerajaan, perlulah satu Parlimen atau *state assembly* di mana satu undi percaya dikemukakan dan di mana kalau kerajaan kalah, tukar kerajaan tapi ini tidak berlaku.

Semalam saya berkata, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat daripada Pekan patut datang ke Dewan yang mulia ini dengan dapat satu undi kepercayaan tetapi takut kerana tidak boleh dapat sokongan semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Sendiri pun takut sebab itu *no vote of confidence*. Sekarang di hadapan sini. Yang Berhormat Batu Pahat, bolehkah *guarantee* kalau ada *vote of confidence* bahawa 100% Ahli-ahli Barisan Nasional akan sokong. Tak berani, dia tahu tidak akan dapat 100%.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Kerajaan perpaduan pun takut.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Nanti boleh jawab, nanti boleh jawab.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Takut, kenapa takut kerajaan perpaduan?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita tak tahulah, kita tak tahu, tak beranilah takut kata 100% Ahli Parlimen Barisan Nasional akan sokong, tak sokong, kita tahu.

Kedua, itu dua sebab, perbezaan. Tentulah kalau ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang mahu menyertai Pakatan Rakyat, kita *welcome* tetapi atas asas prinsip oleh sebab mereka fikir bahawa itu baik untuk negara, bukan kerana mahu jadi katak politik, mahu jadi *opportunist*, tidak. Kita tidak mengalu-alukan *opportunist* tetapi kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Batu Pahat datang sini, oleh kerana percaya apa kata rakyat yang sekarang berjuang, kita *open arms, welcome*. Akan tetapi mesti rela jumpa rakyat dan satu masa untuk mengadakan satu pilihan raya kecil.

Itulah perbezaan, apa yang berlaku, pendirian Pakatan Rakyat dan apa yang berlaku mengenai perampasan kuasa dalam Perak yang menjadi satu *equalised heel* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak komited kepada prinsip-prinsip demokrasi, kepada prinsip-prinsip beretika. Saya harap Yang Berhormat faham. Oleh sebab itu, kita nak lihat, sebab itu apa yang berlaku di Perak, kita ada *tree of democracy*, kita ada dua Menteri Besar, dua Speaker. Malu kepada rakyat, bukan sahaja kepada Malaysia, kepada dunia.

Yang Berhormat Menteri yang mencelah semalam. Dia Pengerusi *Commonwealth Parliamentary Association*. Saya cakap tahniah oleh kerana inilah satu jawatan yang tinggi tetapi dia lupa tanggungjawab beliau. Sebagai Pengerusi *Commonwealth Parliamentary Association* patutlah mempertahankan, membela prinsip demokrasi dan semua hak-hak keistimewaan *legislator*. Akan tetapi dalam perkara perampasan kuasa di negeri Perak, Pengerusi CPA Yang Berhormat Menteri, gagal, cuai, tidak bertanggungjawab dalam perkara ini. Apa CPA ada buat di bawah pimpinan beliau sebagai *Chairman of Commonwealth Parliamentary Association*. Malulah saya kata kepada Menteri, nasib beliau tidak ada di sini.

Kita di sini sangat *co-operative*, positif, dalam kenyataan *joint statement* Pakatan Rakyat. Dua hari lepas sahaja kita kata kita mengambil sikap terbuka dan bersedia untuk bertemu dengan kepimpinan Barisan Nasional bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan negara dan rakyat seperti usaha pemulihan ekonomi, peningkatan kualiti pendidikan, mengembalikan semula integriti institusi kehakiman, memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, skandal RM2.5 bilion Port Klang Free Zone(PKFZ), salah guna kuasa kepimpinan polis, sementara kes jenayah semakin meningkat, membanteras rasuah dan menjana urus tadbir yang baik, menjalankan pilihan raya yang bebas dan adil, membubarkan DUN Perak serta menjalankan pilihan raya dengan segera bagi menyelesaikan krisis perampasan kuasa negeri Perak.

## ■1150

Inilah tawaran Pakatan Rakyat. Beranikah Barisan Nasional respons untuk kebaikan negara, untuk kebaikan Malaysia, untuk kebaikan 27 juta rakyat Malaysia? *Dare* Barisan Nasional *respond to our offer* Pakatan Rakyat? Beranikah?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Putatan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Ipoh Timur. Soal rampasan kuasa ini. Saya tidak lihat ada rampasan kuasa di negeri Perak. Itu prerogatif Sultan untuk melantik siapa yang *command* majoriti, itu yang kita lihat.

Saya tidak lihat mana perkara yang bercanggah dengan undang-undang. Jadi soalan ataupun tohmahan Yang Berhormat, soal rampasan kuasa itu tidak timbul sama sekali. Semua orang tahu, semua orang sedar tidak ada rampasan kuasa di negeri Perak. Mana?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mencilah. Saya rasa terperanjat. Yang Berhormat Putatan tidak nampak pun itu satu rampasan kuasa rakyat untuk memilih kerajaan. Setuju atau tidak, ini satu rampasan hak rakyat untuk menentukan siapa yang hendak memimpin negeri Perak. Setuju atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah di negara kita kenapa kita dilanda krisis keyakinan pimpinan Kerajaan Barisan Nasional ialah pemimpin-pemimpin mereka *blind, deaf and mute*. Ada mata tidak lihat! Ada *eye as see not, ear as hear not, mouth they speak not or talk rubbish*. Itulah masalah. Sebab itu populariti rating Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 45% sahaja.

Sebab itu *the poll in the MCA* Presiden Ong Tee Keat bahawa patutkah MCA keluar daripada Barisan Nasional, 78 kata keluar daripada Barisan Nasional. *[Tepuk]* Sebab itu kenapa rakyat di Sabah dan Sarawak tunggu masa untuk perubahan selain daripada Yang Berhormat Putatan. Siapa boleh kata tidak lihat apa yang berlaku dalam Perak bukan satu rampasan kuasa.

Sebenarnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjadi penganjur rampasan kuasa itu ialah *the bigger political robber in Malaysia*. *The bigger political robber* di Malaysia merampas hak kuasa politik rakyat Malaysia. Siapa nafikan? Siapa berani berdiri nafi? Diam.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Betul dalam *your heart, you have a stone of a heart*. *[Ketawa]* Semalam Yang Berhormat kata *you have a stone of a heart*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dia *murder English language*. Tidak payahlah! Jangan bunuh *English language* di sini. Adakah *heart of a stone? The stone of a heart*, apa itu?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat merampas hak orang lain untuk bercakap. Yang Berhormat bercakap lama sangat sejak semalam lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *The bigger political robber.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Merampas hak orang lain untuk bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Rampasan kuasa. *Your heart of a stone or stone of a heart? Which one? Which one? Heart of a stone or stone of a heart? Can you make simply for you English? [Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Merampas hak orang untuk bercakap. Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih daripada dua, tiga jam.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat Ipoh Timur...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sebab itu saya kata bahawa Pakatan Rakyat...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Dewan Rakyat bukan untuk *you* seorang sahaja!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa ini? Saya berucap, *who has the floor?*

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Duduklah, Duduklah!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Siapa? Siapa menjadi perampas sekarang? Perampasan *floor* ini?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat ini bukan untuk Yang Berhormat Ipoh Timur seorang sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini bukan UMNO lah! Balik!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Shut up!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh, *shut up!* Tengok! Lagi ada apa? *[Ketawa]* Itulah perangai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur tolong fokuskan kepada ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah tiga jam!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa itu? Tidak boleh tahan? Keluarlah, keluarlah!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bukan tidak boleh tahan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Cari Pasir Salaklah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Dewan Rakyat masanya penting, bernilai. Bukan *you* hendak main tunjuk wayang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat dalam Dewan yang salahlah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah! Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yalah!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* ingat *you* pandai sangat!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yalah! Yalah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak sudahlah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tiga jam lebih daripada semalam!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tahu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa Dewan rakyat untuk dia seorang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Kalau *you* tidak mahu dengar, *you* keluar!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada nilai bercakap! *No KPI!* [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, baik. Itu tingkah laku, perangai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin.....

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itulah perangai Yang Berhormat Ipoh Timur!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Syabas! *Some more, some more. Come on!* Mahu teriak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa mahu teriak?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Some more, some more!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat tolonglah, tolonglah! Ini Dewan Rakyat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Some more* lah. Lagi, lagi?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You try to provoke.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *I want to provoke? Yes, I ... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak, minta tolonglah Yang Berhormat. [Dewan riuh] Saya minta Ipoh Salak, [Ketawa] Saya pun sudah jadi kelim kabut.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur fokus kepada subjek yang di hadapan kita Yang Berhormat. Saya mintalah, kalau kita hendak berkehendakkan orang lain ikut peraturan, kita sendiri kena ikut peraturan juga.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Di sini saya mahu *refer* pada dalam *The Star* hari ini.

*“PKFZ Probe under wraps for now - Anti-Corruption Commission (MACC) is not obliged to disclose the progress of investigations into the Port Klang Free Zone (PKFZ) to the Public Accounts Committee (PAC).”*

*PAC member William Leong (PKR-Selayang) said MACC Commissioner had informed the PAC that the PKFZ issue was still under probe and Section 29 of the MACC Act 2008, does not allow the commission to disclose any information about the investigation to the PAC”.*

Kalau begitu apa guna Yang Berhormat *Chief Commissioner* datang ke MACC? Buang masa. Akan tetapi dia tidak begitu senyap apabila dia buat kenyataan akhbar mengenai Menteri Besar Selangor, mengenai *cars and cows*, sehingga MACC yang sekarang dikenali sebagai *Malaysian Agency for Cars and Cows* bukan *Malaysian Anti-Corruption Agency* tetapi *Malaysian Agency for Cars and Cows*. Kenapa *Chief Commissioner* yang menghadiri *PAC meeting* semalam mengenai Port Klang Free Zone skandal enggan bekerjasama dengan Parlimen.

Kalau begitu apa gunanya? Apa perbezaan *Chief Commissioner* MACC daripada orang-orang yang lain? Saya rasa ini satu *parliamentary contempt* yang dibuat oleh MACC *Chief Commissioner* dan kita patutlah ambil perhatian yang berat. Kalau begitu tidak guna mengadakan seorang sebegini. Sepatutnya kita pecat *Chief Commissioner*, tukarlah *Chief Commissioner*.

Dalam *The Star* hari ini, “*Lim knows the fact, says Ong ... deliberately misled the Dewan Rakyat on the Port Klang Free Zone (PKFZ) scandal”.*

*“DAP parliamentary leader Lim Kit Siang deliberately misled the Dewan Rakyat on the Port Klang Free Zone (PKFZ) issue despite knowing the facts of the project, Transport Minister Datuk Seri Ong Tee Keat said.*

*“Ong said Lim knew about the RM25 per square foot land purchase as he was engaged in the debate in Parliament, in 2007.*

*“He rudely interrupted my ministerial statement by accusing me of not referring to the Cabinet decision on Oct 23, 2002, that the land should be acquired at a lower price of RM10.16 per square foot.”*

*“What Kit Siang conveniently omitted to mention was that the decision on Oct 23, was subsequently superseded by the Cabinet in its meeting on Nov 6, 2002,” he said in his blog yesterday.*

*“Ong challenged Lim to admit that he had deliberately misled and confused the public by failing to disclose the full and proper account of Cabinet decisions on the PKFZ project”.*

Wah! Cabar saya *disclose full account about* apa yang berlaku dalam Kabinet. *[Ketawa]* *This is a fantastic.* Ini tidak boleh dipercayai.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak boleh dipercayai ya?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak boleh dipercayai.

*“The DAP leader may not be a Cabinet member but the Parliamentary Hansard, dated Sept 4, 2007, clearly recorded that the decision of the Cabinet on Oct 2, 2002 to purchase the land at RM25 per square foot continued to stand for the reasons mentioned in my parliamentary statement.*

*“Ong said Lim knew this and he was in fact engaged in a debate on this matter on Sept 4, 2007.*

*“He even posted excerpts of the Hansard in his blog the very next day.*

*“And yet he chose to suppress this important fact from the public for the sake of a political gimmick bent on rescuing his fading political career.”*

Tak tahu siapalah.

#### ■1200

*[Ketawa]* Apa itu? *I am not interested in exchanging every text with anybody.* Saya sekarang disalahkan oleh kerana saya tidak mendedahkan apa yang berlaku dalam Kabinet. Saya rasa kali yang pertama. Betul, saya tahu mengenai Kabinet *decision* 6 November oleh kerana Yang Berhormat Perdana Menteri Kewangan masa itu, melaporkan kepada Dewan Yang Mulia ini mengenai maklumat ini. Akan tetapi, masa itu hari Isnin apabila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang sebenarnya *Minister for International Air Shows*. Bila dia kemukakan kenyataan *Ministerial*, dia tidak membenarkan saya untuk bertanya dan saya barulah boleh *get in* mengenai adalah Kabinet *meeting October 23, 2002*. Saya mana ada masa untuk *get in* ada lagi mesyuarat kabinet November 2006. Sebab itu, kita mahu tahu semua maklumat mengenai keputusan-keputusan Kabinet, mengenai perkara ini.



Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, saya harap bahawa dalam jawapan beliau, dia akan memberi Dewan Yang Mulia ini dan negara ini senarai satu akaun yang sepenuhnya mengenai penglibatan Kabinet dalam Port Klang Free Zone *scandal* pada mulanya. Pada mulanya, kita tahu bahawa pada 2 Oktober 2002, Kabinet ada membuat keputusan untuk, mengenai memperoleh tanah tersebut dan ini ada dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan atau *Minister for International Air Shows* dan berasaskan maklumat bahawa projek itu berdaya maju, *viable*, pertama. Kedua, tidak perlu bantuan kewangan kerajaan. Ketiga, semua isu-isu perundangan mengenai tanah sudah selesai. Itu keputusan Kabinet, 2 Oktober 2002.

Bukankah benar seminggu kemudian, 9 Oktober 2002 Kabinet berbincang lagi perkara PKFZ dan bersetuju mengenai pelaksanaan keputusan 2 Oktober 2002, mahu tunggu laporan daripada Kementerian Kewangan dan Kamar Peguam Negara. Bukankah benar seminggu lepas itu, 16 Oktober 2002 Kabinet dimaklumkan oleh Peguam Negara pendirian Peguam Negara bahawa tanah itu tidak patut dibeli oleh kerana *too many encumbrances* dan bahawa transaksi melalui *willing buyer willing seller*, tidak tepat. Pada 23 Oktober, bukankah benar bahawa Kabinet berbincang perkara lagi ini dan oleh kerana laporan yang dikemukakan oleh Peguam Negara, membuat keputusan bahawa tanah itu diperoleh melalui *Land Acquisition Act* dengan harga RM10.16 psf dan menolak cadangan bahawa membeli dalam pasar terbuka, *open market willing buyer willing seller* sebenarnya tidak *willing*. *I think winning about it iaitu* pada RM25 psf.

Keputusan dibuat pada 23 Oktober bahawa *Land Acquisition Act* digunakan dan Kuala Dimensi Sendirian Berhad, *turnkey development project* diberi peluang untuk membina, untuk visit infrastructure, membangun infrastruktur yang pokok dengan harga yang akan dirundingkan tetapi, perlu dimuktamadkan oleh Menteri Kementerian Kewangan dan perlulah dimaklumkan kepada Kabinet kalau melebihi RM100 juta.

Bukankah ini semua benar? Betul. Pada 6 November, Kabinet balik kepada pendirian untuk *hold* keputusan 2 Oktober bahawa belilah tanah itu RM25 psf, *willing buyer willing seller*. Kenapa? sebab kita tahu kenapa, kenapa Kabinet *flip and flop* tentang perkara ini. Sungguhpun adalah sebab-sebab yang penting, kenapa? Kenapa keputusan dibuat oleh Kabinet pada 23 Oktober 2002 bahawa tanah diperoleh melalui *Land Acquisition Act*? Apa sebab-sebab yang mempengaruhi Kabinet untuk membuat keputusan 23 Oktober 2002? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan Yang Mulia ini. Bukankah antara sebabnya oleh kerana tanah tersebut adalah *too many encumbrances*, adalah lapan gadaian, adalah lima kaveat? Bukankah benar? Bukankah benar bahawa antara sebab adalah *misrepresentation* yang dibuat oleh Kuala Dimensi berkenaan tanah itu sehingga mungkin *fraudulent misrepresentation*?

Bukankah benar bahawa satu sebab ialah isu *willing buyer willing seller* tidak timbul kerana KDSP tiada berkemampuan membuat pemindahan hak milik kepada kerajaan tanpa bebanan atau *transfer of title free from encumbrances*? Bukankah benar bahawa antara sebab

ialah maklumat korporat yang diperoleh melalui, mengikut maklumat korporat yang diperoleh Kuala Dimensi, Kuala Dimensi ada di sini? Kuala Dimensi adalah sebuah syarikat yang menanggung bank liabiliti. Adakah benar?

Bukankah benar antara sebab yang ditimbang ialah oleh kerana bahawa masa itu Menteri Besar Selangor, Khir Toyo, dia ada memaklumkan bahawa mereka yang mengendalikan Jabel Ali Free Zone International di Dubai, sudah memberi jaminan bahawa ada 400 syarikat bersedia untuk melabur di Port Klang Free Zone, masa itu disebut sebagai *Mega Distribution* di Pulau Indah. Sebab itu, hab tersebut perlu dibina dengan segera. Semua. Bolehkah kita, satu *confirmation*? Kita mahu tahu kenapa bon, empat-empat bond *illegal unlawful* diberi kelulusan retrospektif. Empat bon ini satu, yang dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Ling Liong Sik 28 Mei dan tiga dibuat oleh Chan Kong Choy 23 April 2004, kedua 8 Disember 2005 dan ketiga 23 Mei 2006 yang menyatakan bahawa kerajaan pada setiap masa akan memastikan LPA atau Lembaga Pelabuhan Klang akan memenuhi semua obligasinya mengikut tempoh dan jumlah yang ditetapkan. Inilah, saya ada *copy letter of support*, dalam Inggeris yang baca *we shall at all time in the future ensure that PKA or Port Klang Authority is in the position to meet and do meet on a full and timely basis their liabilities in respect of the repayment amount for so long as an amount in respect of the repayment remain outstanding. Guarantee, iron clad guarantee*. Bukankah ini sebenarnya...- Sorry?

**Seorang Ahli:** *Sovereign guarantee.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Sovereign guarantee, ya sovereign guarantee.* Berdasarkan *letter of support* ini, beberapa siri terbitan bon telah diterbit bagi membiayai pembelian dan pembangunan tanah. Bukankah ini? Kenapa Kabinet membenarkan? Bolehkah...

■1210

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa ini? Yang Berhormat Ranau...

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** *Standing order.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Standing order... Painful now, very painful now, must stand up, standing order...*

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, order 44(1). Tuan Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang Ahli, yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri. Kelmarin, itu juga ucapan Yang Berhormat. Ulang lagi. Mohon...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ucapan empat tahun yang lalulah, diulang-ulang. Bukan kelmarinlah. Dia jual goreng pisang tak laku punyalah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Samalah kau dulu.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Mohon keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi keputusanlah. Yang Berhormat Ipoh Timur minta singkatakan jawapan, oleh sebab... Yang Berhormat, bukan berlandaskan *point of order* yang diberi, sebab *point of order* itu pun tak betul juga... [Ketawa] Yang pentingnya Yang Berhormat, orang lain hendak bercakap, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timur dah bercakap satu jam 20 minit.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sebenarnya ini di bawah peraturan 66, ialah mengenai *Supply Bill*. *Supply Bill* ada peruntukan 13 hari untuk dasar, 20 hari untuk komiti, 43 hari patut kita bincang ini. Ini mengikut peraturan 66, sebab itu kita perlu masa. Inilah... kita baca peraturan mesyuarat, patutlah ada 43 hari untuk perbahasan usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bolehlah. Longgar sikit masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya boleh jawab Yang Berhormat itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tidak *repetitive*. Apa perkara yang saya timbulkan kali yang pertama. *Fresh, fresh cook from the oven. Fresh from the oven. Everything new.* Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab, dan sebenarnya ini mustahak. Saya boleh teruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya hendak jawab Yang Berhormat punya itu tadi. Ya, sebenarnya kita di bawah 66A, Yang Berhormat. Ia tidak ada...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Memang Yang Berhormat tahu, sebab saya nak ingatkan Yang Berhormat juga. Jadi, dalam 66A ini, dia tidak ada jangka masa, Yang Berhormat. Itu *discretion*. Sebab itu Yang Berhormat, saya bagi nasihat dengan Yang Berhormat... Tunggulah saya cakap dulu Yang Berhormat. Tunggu saya cakap dulu. Jadi, saya nasihatkan Yang Berhormat, singkatakan. Bagi peluang dengan orang lain..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] *I'm not repeating the point. All this about... As I said, fresh from the oven.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Mana *oven*, sudah rosak, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Fresh from the oven.* Sekarang ada. Saya tidak tahu, *oven Transport Ministry*, atau *oven Finance Ministry* lah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of order.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order?*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Yes.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Sit down, please.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Championing your boss, championing your boss? Ask your boss to come.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Be seated, please... [Ketawa].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Cakap, cakap Orang Putih. Okey, Yang Berhormat Kinabatangan, apa dia?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan 35(1), dia berhujah, kena menghadap dengan Tuan Yang di-Pertua. Dia pusing sana, pusing sini. Dia mengundang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oh, oh. Tidak boleh tahan lagi. Tidak boleh tahan lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia kena berhadapan dengan Tuan Yang di-Pertua. Inilah *standing order* nya. Janganlah putar-putar sana sini. Macam kena panas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Okey, saya tidak mahu lihatlah Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, itu betul itu. Lihat saya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun].*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya. Saya tidak mahu lihat dia. Kalau mahu lihat, lebih baik saya pergi Sandakan. Saya tidak ada mahu lihat dia. Jika mahu lihat, lebih baik saya pergi Sandakan. Sandakan ada... *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bintulu mencelah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Bintulu? Okey... *[Ketawa].*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Ipoh Timur. *You* hari-hari ucap dalam sana, keluar macam-macam keadaan. Sila keluar. Keluar sana kita cerita. Sila keluar Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita di sini Ahli Parlimen, kita...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Don't say the immunity in the whole.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita di sini Ahli Parlimen, bukan samseng. Kalau mahu jadi samseng, jangan datang ke Parlimen sini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cerita luarlah. Cerita luar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita Ahli Parlimen, bukan samseng... *[Dewan riuh].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan guna perkataan samseng pada Ahli Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ....Tingkah laku macam ini bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak, tidak Yang Berhormat. Tidak Yang Berhormat. Dia berdiri mencelah. Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu tingkah laku seorang samseng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya pun tidak ada bagi kebenaran kepada dia. Yang Berhormat sendiri yang bagi kebenaran pada dia tadi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak. Saya tidak mahu bagi. Okey. Ini...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur bukan makhluk...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tadi baca *letter support*, satu ayat tidak baca habis. Baca sikit sahaja. Kenapa tidak baca habis surat itu? Surat baca habislah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** RM12.5 *billion* nampaknya bukanlah angka yang besar untuk sesetengah orang. Lu orang yang kata inilah LP... *Port Klang Free Zone* satu *gold mine*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ucapan, bohong punyalah. Tidak adalah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Satu lombong emas kepada siapa? Akan tetapi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*].

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itulah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah Yang Berhormat. Okey, okey Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Ipoh Timur... [*Dewan riuh*].

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Bolehkah kita membenarkan orang...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ....Kalau tidak ada berani, jangan cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bolehkah Yang Berhormat... Dia sudah melanggar peraturan mesyuarat. Ada *vested*. Dia ada *vested interest*. Mana boleh kepentingan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Bintulu, sudah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, apa mesej yang betul... [Dewan riuh]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bolehkah macam ini? *The whole, the Parliament to ransom.* Bolehkah kita benarkan orang yang ada *personal interest... the whole Parliament to ransom.* Kalau ini bukan samseng, apa ini? Kalau ini bukan samseng, apa ini? Bolehkah saya... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Kepentingan orang ramai, negara mengenai RM12.5 *billion*. Di sini, saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, saya mahu tanya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya mintalah kamu *repeat* dekat luar sana. Saya ambil RM12 *million*. Pergi luar sana cakap. Jangan cakap dalam Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya... *the full account* mengenai RM12.5 *billion Port Klang Free Zone scandal*. Kenapa untuk dua tahun sekurang-kurangnya, Parlimen dan negara adalah *mislead* atau *deceived*. Oleh sebab...

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Mohon penjelasan. Mohon laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak adalah. Dia cakap bohong punya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Tidak diberi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cakap bohong, mana boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggu. Tunggu. Tunggu Yang Berhormat Ipoh Timur. *Point of order.* Mana satu *point of order*?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, saya teruskan. Saya teruskan.

**Seorang Ahli:** Duduklah Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Jangan takutlah. *Truth hurts. Truth hurts.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa *truth hurts*?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bukan boleh cakap suka hati saja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya cabar sama kamu pergi luar sana apa fasal tidak berani? *Truth hurts* atau apa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]...Tetapi Parlimen tidak boleh di... [Dewan riuh].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur, pindahlah tempat lain. Orang sudah faham apa Yang Berhormat sebut itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *So, why not...*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Pasir Salak, jangan layan orang gilalah. Yang Berhormat Pasir Salak bela Yang Berhormat Bintulu nampak.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Suka-suka cakap. Dia ingat Parlimen ini bapa dia yang punya?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...*You* punya bapa saja pandai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak, minta tolonglah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Biar dia cakap suka-suka hati?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia bercakap Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Abused, abused. Abused!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, ini mustahak. Apa yang lebih mustahak ialah kita patut saja lihat bahawa Parlimen ini..., Dewan tertinggi ini tidak boleh di *held to ransom* oleh sebab ada orang yang tidak mahu terus di... cakap di sini. Ini mustahak. Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Kenapa... tahun selepas kabinet pada Julai 2007 buat keputusan..., buat sekurang-kurangnya lima keputusan. Sekurang-kurangnya lima keputusan. Yang pertama, untuk memberi..., saya sudah cakap di sini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana dia tahu ini OSA semua. Dia dapat maklumat dari mana?... *[Dewan riuh]*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dia tahu apa saya cakap OSA. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, kenapa pada Julai 2007, apabila kabinet membuat keputusan, yang pertama, untuk memberi retrospektif kelulusan harga *Port Klang Free Zone project* meningkat daripada RM1.088 *billion*...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Bagi laluan. Mahu Putatan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Nanti. RM1.08...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kita lihat dari segi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Putatan, tidak payah, Yang Berhormat. Kalau hendak bercakap, lepas ini saya bagi. Lepas ini, saya cakap, siapa nak cakap, lepas ini saya bagi. Yang Berhormat Ipoh Timur pendekkan ucapan.

## ■1220

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Straight question* kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa apabila keputusan dibuat oleh Kabinet pada Julai 2001 bahawa retrospektif kelulusan kepada peningkatan kos PKFZ daripada RM0.88 bilion kepada RM4.632 bilion, pertama. Kedua, beri pinjaman mudah kepada Port Klang Authority RM4.632 bilion mengenai bon dan ketiga, untuk memberi retrospektif kelulusan kepada *four letter of support* yang dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan yang tidak ada kuasa, yang langgar undang-undang, langgar *Financial Procedure Act* dan sebenarnya salah laku, sebenarnya *creep crime*, sebenarnya patut diheret ke mahkamah, masuk penjara. [Tepuk] Kenapa sampai sekarang kita tidak diberitahu *the full story of the...*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cakap di luarlah. Baru boleh dibawa ke mahkamah. Jangan cakap di sini.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bukankah benar bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu tanya dan saya mahu jawapan daripada Menteri... [Disampuk] Dia mahu sabotaj. Kenapa takut? Begitu takut dengan apa yang saya ucap. Kalau saya cakap tidak benar, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh nafikan. Ini senang. Ini mustahak. Orang yang mahu sabotaj *truth* dalam Dewan yang mulia ini. Bolehkah kita benarkan. Kalau begitu, apa guna Parlimen di sini kalau *truth* tidak boleh dikemukakan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta laluan, Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Keempat, saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masa itu Kabinet ada buat keputusan untuk melantik *independent accountants* untuk siasat, kenapa tidak dibuat? Lagi, Kabinet ada buat keputusan melantik satu pasukan *taskforce* supaya siasat, kenapa tidak berlaku. Kelima, Ketua Setiausaha Negara (KSN) adalah ditugaskan untuk ambil tindakan disiplin terhadap mereka yang bertanggungjawab, kenapa tidak ada *action*?

Di sini oleh kerana Kementerian Kewangan kata mereka tidak tahu bahawa *four letter of support* ada dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan sehingga Disember 2006, apabila *lead arranger* untuk bon ini maklumkan kepada Kementerian Kewangan, saya mahu tanya Kementerian Kewangan, bukankah ini kecuaiian Kementerian Kewangan? Bukan sahaja Kementerian Pengangkutan adalah cuai, adalah melanggar prosedur *Financial Act*, kenapa? Saya mahu tanya *Ministry of Finance*, kenapa boleh membenarkan. Tidak tahukah empat bon yang bernilai RM4.6 bilion ada dikeluarkan bahawa menggunakan berasaskan *letter of support* yang tidak *lawful*, kenapa?



Adakah mereka dalam Kementerian Kewangan tidur? Masa itu Yang Berhormat dalam Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidur dalam Kementerian Kewangan hingga perkara ini tidak tahu. *[Tepuk]* Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh jawab. Adakah dia tidur sehingga tidak seorang pun dalam Kementerian Kewangan tahu mengenai satu jenayah yang berlaku. Sehingga sekarang negara menghadapi skandal RM12.5 bilion.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Ini jangan bohong Dewanlah, Ipoh Timur. Ini *totally self-fanatic*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kalau apa yang saya cakap tidak benar, Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah ucap tetapi saya percaya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri *has no personal interest, okay*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta sama dia, empat kali saya keluar bon itu, saya mahu tahu sekali berapa saya *issue*?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Ada personal interest*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia kata RM4.6 bilion. Hari ini saya mahu cabar dia. Berapa bon saya keluar? Kalau dia tipu, saya memohon Dewan, *refer* sama dia pergi *Select Committee*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tahu, ini prosedur

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya menegakkan prosedur dalam Parlimen, Yang Berhormat. Kalau orang berucap, kalau tidak puas hati, di luar sana Yang Berhormat cabar dia.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Pergi luarlah, pergi luar.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Parlimen tidak boleh di *held to ransom*.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, kenapa ini boleh berlaku. Bukankah ini menunjukkan kelemahan dalam Kementerian Kewangan, sistem Kerajaan Barisan Nasional. Mana boleh, mana boleh.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ipoh Timur, bagi laluan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa yang berlaku...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kita lihat dalam segi profesional.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa yang berlaku sangat jelas. Kabinet, ya mungkin *cought*, dengan izin, *between a rock and hard place*, tidak ada pilihan selain daripada *bailout* Port Klang Free Zone oleh kerana bon yang diterbitkan oleh Kuala Dimensi, Yang Berhormat Bintulu. [Tepuk] Akan tetapi kenapa...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Akan tetapi kenapa...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang dia panggil, bukan saya panggil.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...kementerian...

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kenapa Kementerian Kewangan membenarkan perkara ini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You don't play with the people*, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sebab itu apabila *Public Accounts Committee* mahu jumpa, mahu siasat perkara ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Wakil Rakyat gilalah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...saya ada cadang bahawa Pengerusi PAC, Yang Berhormat Padang Besar, Dato' Seri Azmi Khalid patutlah *disqualify himself* oleh kerana bukan dia ada *personal interest* tetapi oleh kerana *conflict of interest* ada berlaku. Masa itu beliau adalah seorang *Minister*.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, ada di sini. Nanti, saya akan bagi jalan. *I will give a way to you but let me finish first*.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Okey.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya kata bahawa Yang Berhormat perlulah *disqualify himself*, tidak patutlah duduk dan *conduct enquiry* PAC mengenai Port Klang Free Zone. Bukan saya kata bahawa Yang Berhormat ada *personal interest*, tidak, tetapi oleh kerana beliau adalah Menteri pada 2007. Bahagian keputusan Julai 2007 mengenai RM4.6 bilion *bailout* dan sebab itu adakah Yang Berhormat tahu masa itu bahawa RM4.6 bilion sekarang boleh *balloon* kepada RM7.453 bilion sehingga RM12.453 bilion. Kalau Yang Berhormat tahu, adakah Yang Berhormat sebagai anggota Menteri dalam Kabinet dan di sini pun ada Menteri-menteri Kabinet yang lain, saya mahu tanya mereka, kalau mereka tahu, apabila mereka memberi kelulusan retrospektif kepada empat *letter of support* yang tidak sah, mereka yang

bertanggungjawab patut diheret ke mahkamah, patut pergi penjara oleh kerana RM12 bilion terlibat.

Kalau tahu, ini tidak tamat di sana. RM4.6 bilion bukan terus menjadi RM4 bilion tetapi menjadi RM12.45 bilion, akan kah mereka buat keputusan untuk meluluskan atau rasa lebih baik, siasat dengan lebih mendalam. Kalau masa itu kita buat begitu, bagaimana boleh jadi Pengerusi PAC sekarang untuk siasat perkara ini. Saya bukan kata Yang Berhormat patut *resign* sebagai Pengerusi PAC tetapi dalam perkara ini, *on your own conflict of interest is very clear*. Saya harap Yang Berhormat bolehlah kecualikan, *disqualify yourself from the enquiry into the PKFZ scandal*. Okey, saya bagi jalan kepada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Okey, terima kasih, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bukan Ahli Parlimen dari Kangar, saya Ahli Parlimen Padang Besar. Yang keduanya, saya membawa perkara ini, satu surat yang ditulis oleh Ipoh Timur meminta saya tarik diri dan saya bawa perkara ini dalam Mesyuarat PAC. Antara yang menyokong saya kekal dalam PAC, dalam mesyuarat yang membincangkan PKFZ, dua adalah dari parti pembangkang. Bermaknanya anggota parti pembangkang pun juga bersetuju bahawa saya di situ. Jadi *conscience* saya *clear* dan kita membuat kerja dengan telus, tanpa memihak kepada sesiapa. Hanya kerana kerajaan mahu menegakkan, mahu membetulkan segala yang tidak betul. Itu pendirian kami dalam PAC dan saya rasa sebagai mewakili Barisan Nasional, itu pendirian Barisan Nasional.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih, terima kasih. Kita tahulah sekarang apa ertinya *conscience of* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ipoh Timur, Ipoh Timur, berapa panjang lagi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa ertinya *conscience* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ipoh Timur, berapa lama lagi hendak berucap?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Lagi satu jam.

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya bagi Yang Berhormat 20 minit lagilah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** 20 minit? Perkara ini pun belum habis...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Orang lain pun hendak cakap Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ada lagi 10 perkara. Boleh bagi 15 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** 15 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** 15 minit.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih, mengenai penjelasan itu, tetapi ia menunjukkan bahawa sampai sekarang Yang Berhormat tidak faham mengenai *conflict of interest*. Betul ada dua orang Ahli Pakatan sokong Yang Berhormat teruskan, tidak kisah, tidak apa. Apa yang mustahak bukan pendirian anggota-anggota PAC tetapi pendirian Yang Berhormat sendiri. Yang terlibat di dalam keputusan Kabinet Julai 2007 dan sebenarnya sebagai anggota pentadbiran yang bertanggungjawab... RM12.5 bilion *PKFZ Scandal*. Yang Berhormat patut menjadi *witness, should be cross examined* oleh PAC dan bukan duduk sebagai pengerusi *to cross examine anybody*.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *You're in a box, you're not going to sit in a bench.* Itulah, itulah *standard* Yang Berhormat. *In the box, not to be sit in the bench.*

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur adalah pendapat peribadinya. Akan tetapi pendirian majoriti Ahli-ahli PAC menyokong saya dalam mempengerusikan mesyuarat, dan yang penting Ahli-ahli Pembangkang, dua daripada lima Ahli-ahli Pembangkang bersetuju supaya saya teruskan. Jadi *conscience* saya *clear* dan kita tidak memihak kepada sesiapa. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Pembangkang sokong, itu menunjukkan kita ada demokrasi dalam Pakatan Rakyat, *how free we are, how liberal we are?* [Tepuk] Akan tetapi tidak mengapalah, *we leave it to your conscience* lah. Sama ada... sebab itu kenapa Yang Berhormat duduk di dalam dan tidak menentang apabila cadangan dibuat bahawa Tun Dr. Ling Liong Sik dipanggil, apabila cadangan dibuat Datuk Seri Chan Kong Choy dipanggil, Yang Berhormat tentang. Oleh kerana sebab itu tidak patut di sini, tidak patut duduk di sana. Kenapa Peguam Negara belum dipanggil? Peguam Negara ada buat kedudukan bahawa *four letters of support, illegal*, salah guna kuasa, salah laku. Adakah panggil beliau? Kenapa MACC? Ya?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak berdebat dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Semua yang dibincangkan dalam PAC akan diedarkan dalam Hansard. Yang Berhormat boleh melihat apa yang disebut, apa yang saya sebagai Pengerusi menyebut dan apa yang orang lain sebut. Selepas itu barulah saya cadangkan Yang Berhormat boleh buat komen, positif atau negatif. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Thank you.* Bukankan benar bahawa MACC *Chief Commissioner* ditanya semalam bahawa adakah apa-apa jenayah berlaku apabila *four letters of support* dibuat tanpa melanggar *Financial Procedure Act*, MACC *Commissioner* pada masa itu kata tidak ada apa-apa salah, walhal Peguam Negara kata itu salah. Pendirian... Kertas kepada Kabinet, Yang Berhormat ada baca? Julai 2007 bukan? Adakah? Ingatkah?

**Seorang Ahli:** Adakah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kenapa tidak panggil Peguam Negara? Kenapa tidak panggil Tun Dr. Ling Liong Sik, kenapa tidak panggil Datuk Seri Chan Kong Choy, kenapa tidak panggil Datuk Seri Chor Chee Heong, kenapa tidak panggil Yap Piang Hong, kenapa tidak panggil Ting Chew Peh, kenapa?

**Seorang Ahli:** Jawab...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin. PAC telah buat keputusan untuk memanggil Peguam Negara sesudah PAC memutuskan apakah soalan-soalan yang akan dikemukakan. Kita tidak mahu PAC membuat soalan-soalan seperti Yang Berhormat Ipoh Timur bangkitkan kiri kanan, sampai tidak tahu pangkal dan punca.

**Seorang Ahli:** Bodoh...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Jadi kita buat secara profesional dan 30 hari bulan ini kita akan berbincang apa soalan-soalan yang akan ditanya kepada Peguam negara. Itu bermakna kalau perlu kita akan panggil Peguam Negara.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bolehkah kita diberi jaminan bahawa PAC akan siasat mengenai *four letters of support*, asal-usul skandal ini. *Four letters of support*, kenapa boleh dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan. Kenapa Kementerian Kewangan langsung tidak tahu? Adakah dia siasat? Adakah PAC siasat? Akan panggil Menteri Kewangan masa itu, bekas Perdana Menteri?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini macam dialog...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dia... Saya jawab dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya cukup yakin Yang Berhormat akan buat apa yang patut.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih. Saya akur kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Okey [Ketawa] Sebab apa yang kita lihat, kita tidak mahu PAC menjadikan satu *cover up* untuk *PKFZ Scandal*.

**Seorang Ahli:** Ya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita pun tidak mahu PAC menjadi satu *cover up* dan apa yang kita perlu ialah satu *Royal Commission and Enquiry*. *Royal Commission and Enquiry* untuk siasat segala aspek *PKFZ Scandal*, oleh kerana inilah *scandal of scandals*. *Mother of scandals, of all scandals in Malaysia*. *Mother of all scandals*, ibu semua skandal-skandal di sini. Yang Berhormat *Minister of International Air Shows*, dia sangat garang, sangat hero di luar, di dalam saya kata dia pengecut, bukan sahaja kemukakan satu *Ministerial non-statement*, tetapi mengenai ketirisan satu Sekolah Rendah Cina. RM30 ribu, dia jadi hero... Mengenai salah laku,

salah guna kuasa, skandal RM12.5 bilion. Yang Berhormat, Presiden MCA lari, pengecut. [Tepuk] RM30 ribu dia hero, RM12.5 bilion dia pengecut. Dia kata bahawa surat...

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Ketawa] okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Peraturan Mesyuarat 36(12) mengelirukan Dewan. Tuan Yang di-Pertua, semasa *Ministerial statement* dan sesi soal lisan, diperjelaskan RM12.5 bilion ini adalah jangkaan, andaian yang dibuat oleh Pricewaterhouse. Itu pun menjelang tahun 2051, termasuklah RM5 bilion *interest* yang dikenakan kepada PKA kalau mereka tidak membayar ataupun lambat membayar *soft loan* tersebut.

Akan tetapi disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai skandal penipuan. Ini mengelirukan sebenarnya, ini yang buat kita rasa Yang Berhormat Ipoh Timur memang sebenarnya adalah kaki putar belit [Dewan riuh] Tuan Yang di-Pertua. Dia ini pun sebenarnya bukan makhluk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak apalah. Kita maafkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, saya satu sahaja...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya menggulung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya dengar Yang Berhormat mengatakan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** ...Yang Berhormat Menteri itu tadi. Perkataan Yang Berhormat guna tadi sepatutnya, tidak boleh dilontar dengan Ahli Parlimen, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu tidak boleh digunakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sungguhpun itu betul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat mengatakan perkara yang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, sungguhpun itu betul, tidak boleh digunakan istilah itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tidak mengatakan ia betul Yang Berhormat. Ada satu perkataan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *But*, itu betul. Saya boleh *justify*. Saya sudah *justify*. Dua contoh, di luar kata rela untuk menerima *debate*, di dalam sini takut. Di luar *hero*, *inside*

*coward*. Kedua ialah mengenai RM30 ribu ketirisan Sekolah... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, perkataan-perkataan *coward* ini Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak boleh digunakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jangan diguna Yang Berhormat, tidak boleh diguna Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Dia *coward*, tetapi saya tidak guna *coward*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya memahami bahasa orang Yang Berhormat. Saya tidak mahu Yang Berhormat menggunakan perkataan *coward* kepada mana-mana Ahli Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Okey.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, adakah ianya benar bahawa jumlah RM12.5 bilion itu wujud kerana kerajaan tidak ada... Bukan kerajaan, LPK, Lembaga Pelabuhan Klang tidak ada wang untuk membayar wang hutang mereka untuk kerja-kerja yang dibuat oleh pihak Kuala Dimensi. Oleh sebab itu, *interest-interest* yang baru diadakan dan dikenakan supaya mereka dapat meneruskan pinjaman yang sedia ada di sana. Oleh sebab itu, bukannya kerana *soft loan* tidak dibayar, ianya adalah kerana LPK tidak ada wang untuk membayar hutang-hutang yang ada di dalam LPK buat masa ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya betul. Apabila tahun 2007 saya sebut mengenai RM4.6 bilion, saya pun diserang macam sekarang saya diserang Yang Berhormat Batu Pahat. Mana ada RM4.6 bilion, sekarang RM7.4 bilion, RM12.5 bilion, dan di sini saya mahu akhiri dengan pertanyaan yang terakhir kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Bukankah benar apabila *bail out* keputusan dibuat oleh Kabinet Julai 2007, sebab yang utama ialah antara lain, oleh kerana Lembaga Pelabuhan Klang sebuah Badan Berkanun Kerajaan, tidak boleh dibiarkan menjadi *insolvent* dan jaminan kerajaan perlu diberi untuk mengekalkan keyakinan pelabur ke atas bon yang diterbitkan. [Tepuk] Bukankah sekiranya Lembaga Pelabuhan Klang tidak dapat menebus balik bon yang diterbitkan, ia akan memberi imej yang negatif terhadap kerajaan, di mana kerajaan diugut untuk *bail out* dengan wang rakyat RM12.5 bilion.

#### ■1240

Kenapa satu kerajaan sampai satu tahap di mana perlulah di *help to ransom*. Parlimen tak boleh di *help to ransom* kalau begitu lebih baik kita bubar Parlimen, *election* yang baru. Terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

12.40 tgh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan rasa kesal di atas sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai seorang Ahli Parlimen yang veteran yang sudah lama patut menjadi contoh kepada kita Ahli-ahli Parlimen...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Wah, wah, wah!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Yang semua ini terutama bagi kita yang baru-baru. Saya dapati seolah-olah kebebasan untuk bercakap itu tidak ada had, tidak ada batasnya. Boleh bercakap sesuka hati dan melemparkan bukan sahaja sekadar tuduhan tetapi membuat *judgement*, dengan izin menghukum. Bukan pertanyaan. Perkara-perkara yang dikemukakan kepada Menteri bukan pertanyaan sebenarnya tetapi adalah merupakan kesimpulan dan juga penghakiman yang dibuat di atas isu-isu yang dibangkitkan.

Ini saya kira bukanlah cara Parlimen ini digunakan. Parlimen ini digunakan untuk mengemukakan soalan. Tanya apa yang tidak puas hati bukan menghukum dan minta penjelasan daripada Menteri tetapi diulang-ulang beberapa kali supaya mendapat perhatian. Ini ramai pelajar generasi muda yang menghadiri memerhati kita. Inikah contoh yang hendak dibawa oleh pemimpin yang konon hendak memerintah negara ini? Saya tidak fikir ini satu cara yang betul.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, sudah hendak balik. Takut. Semalam dia kata saya takut.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Sorry, no time for you.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, *no time*. Itulah sikap...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Very sorry.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itulah sikap keangkuhan dan sikap yang tidak baik ditunjukkan oleh seorang pemimpin veteran. Kelayakan apa? Kelayakan saya tidak tengok sudah berapa tahun jadi wakil rakyat, tidak ada kelayakan pun.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu masalah, tidak ada.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Biar kebaikan yang dibawa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Ipoh Timur cuma ingin orang lain dengar apa yang dia hendak cakap. Dia tidak mahu mendengar apa orang lain hendak cakap. Itulah dianya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dia menganggap bahawa kita yang baru ini tidak boleh, tidak pandai, tidak ada pengetahuan, tidak layak. Inilah contoh seorang pemimpin yang saya rasa kita sangat kesal dan saya percaya generasi muda tidak bolehlah mengambil ini sebagai contoh.



Tuan Yang di-Pertua, dibangkitkan soal isu Port Klang. Isu Port Klang sebagaimana yang telah dinyatakan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan yang dibuat semalam tetapi Yang Berhormat Ipoh Timur tidak berpuas hati dengan jawapan itu. Dia ungkit balik, ungkit balik. Jadi macam mana hendak menjelaskan kepada orang yang degil yang tidak mahu menerima penjelasan yang dibuat dan dia membuat andaian-andaian yang belum tentu betul.

Saya ingin menyatakan sebagai satu contoh projek Proton yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir tempoh hari saya juga di antara orang yang mengkritik Tun Dr. Mahathir waktu itu dengan projek Proton. Satu projek yang membawa kerugian kepada kerajaan dan juga kepada negara kita tetapi saya menerima hakikat bahawa saya silap dari segi membuat kesimpulan itu kerana kita dapati Proton merupakan satu projek nasional. Memanglah memerlukan jangka masa yang panjang untuk menjadi satu projek yang berdaya maju. Akan tetapi kita yang tidak begitu berpandangan jauh kita terus menghukum bahawa projek Proton pada masa itu adalah satu projek yang merugikan kerajaan dan merugikan wang rakyat tetapi kita dapati kemudiannya...

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Proton telah dapat mengumpul keuntungan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Baru-baru ini rugi RM400 juta.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...yang boleh membayar balik kerugian yang ditanggung sebelum itu dan sekarang mungkin dalam keadaan ekonomi yang begini tidak stabil. Bukan sahaja syarikat Proton, banyak lagi syarikat yang menanggung kerugian. Kita tahu di Amerika sekalipun General Motors sebuah syarikat gergasi dengan izin *the biggest automotive company in the world* pun begitu juga menghadapi masalah dan kerajaan Presidennya Barack Obama terpaksa menyuntik wang begitu besar untuk menyelamatkannya. Satu *bail out* yang terbesar di dunia.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Akan tetapi bagi pihak kita yang kononnya pakar dari segi ekonomi, yang pandai, yang mendabik dada tahu segala-galanya sebelum ini kita mengkritik *bail out*. Kita kata Kerajaan Malaysia mengamalkan *bail out* menyelamatkan *company* itu dan *company* ini dan kita mengkritik tetapi hari ini Kerajaan Amerika di bawah pimpinan Barack Obama membuat amalan yang sama *bail out* menyelamatkan beberapa syarikat demi kepentingan ekonomi Amerika dan ini telah dilakukan oleh kerajaan kita dalam masa krisis tempoh hari. Dilakukan untuk menjaga kepentingan ekonomi negara kita Malaysia ini diselamatkan satu dua *company*. Hendak diistilahkan sebagai *bail out* apa salahnya kalau sekiranya untuk kepentingan negara untuk mereka yang bekerja di syarikat-syarikat untuk menstabilkan ekonomi. Tidak menjadi satu kesalahan.

Kita selalu memandang sempit, selalu memandang serong, selalu merendah-rendahkan kebolehan orang lain untuk melaksanakan apa-apa tindakan, memperkenalkan apa-apa dasar yang perlu demi untuk kepentingan negara. Yang tidak belajar ekonomi pun berlagak pandai ekonomi. Yang tidak ada belajar kewangan pun berlagak sebagai pakar kewangan. Yang bukan *lawyer* pun berlagak sebagai pakar dalam bidang undang-undang. Doktor pun hendak cakap ekonomi. Doktor pun hendak cakap pasal undang-undang. Doktor hendak cakap itu, doktor hendak cakap ini.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Pasir Salak pakar apa?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya tidak pakar mana-mana dan saya tidak mahu menjadi jaguh dalam bidang yang saya tidak tahu. Saya bercakap sekarang perkara mengikut fakta.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Fakta di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat PJ Utara apa berdiri ini? Kalau hendak berdiri lama-lama macam itu kat luar berdiri. Dia tidak bagi peluang Yang Berhormat.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dia tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dia punya *floor* Yang Berhormat. Saya bagi peluang dia bercakap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya berdiri di sini tunggu. Saya tidak bising!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat hendak gaduh dengan saya kah macam mana ini? Saya suruh Yang Berhormat duduk ataupun keluar? Duduk ataupun keluar Yang Berhormat? Dia tidak bagi peluang dengan Yang Berhormat untuk mencelah.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dia tidak kata tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tadi kita sudah dengar Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap Yang Berhormat.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak buat salah pun!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dengar cakap saya Yang Berhormat!

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak buat apa-apa!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya berdiri di sini sahaja. Saya tunggu dia bagi peluang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Peraturan dalam Dewan tak boleh berdiri macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dia tidak kata tidak boleh! Kalau tak boleh saya duduk. Kalau dia tidak kata tidak boleh saya berdiri minta jalan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Itulah..

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk sekejaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dengar, dengar Yang Berhormat. Kalau saya suruh duduk Yang Berhormat kena duduk. Walaupun dia bagi, saya suruh duduk, duduk juga Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Suruh dia keluar Tuan Yang di-Pertua! Lawan tauke pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kita kena berani dengar orang lain punya cakap juga Yang Berhormat.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya berani! Saya berani dengar, saya tidak buat bisung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat keluar daripada Dewan sampai habis petang ini. Sila Yang Berhormat. Sila keluar Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat dengan lebih mengambil berat tentang peluang Ahli-ahli dalam Dewan ini mengikut peraturan mesyuarat. Saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, baik Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apa yang berlaku semasa ucapan Yang Berhormat Ipoh Timur lagi teruk. Kita pun diam-diam sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, itu Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Pasir Salak...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apa salah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya dengar Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apakah salah pelanggaran mesyuarat yang dibuat oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua guna budi bicara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya sudah dengar permohonan Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...dengan *wisely* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya sudah dengar Yang Berhormat. Baik Yang Berhormat. Saya sudah dengar Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya sudah buat keputusan. Kalau tidak setuju pakai peraturan 43 Yang Berhormat. Saya rela lihat usul yang dibuat atas keputusan saya. Saya kata duduk, dia tidak dengar duduk. Tunggu Yang Berhormat Pasir Salak hendak bagi ruang. Kalau Yang Berhormat Pasir Salak tak bagi ruang satu hari, dia berdiri satu hari. Ini sudah melanggar peraturan Yang Berhormat. Yang sebenarnya, dalam Dewan...

■1250

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, dengarlah ulasan saya. Apa yang dilakukan tadi, tabiat Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kinabatangan jauh lebih teruk daripada apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua tidak menyuruh mereka keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat. Dengar, dengar Yang Berhormat. Saya ...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara hanya hendak mencelah dan Tuan Yang di-Pertua halau dia keluar satu hari. Ini tidak munasabah dan di *seen to be fair*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan *seen to be fair*, saya pohon kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat, saya sudah dengar Yang Berhormat, saya sudah dengar.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tahu keputusan adalah muktamad. Apa-apa rayuan boleh melalui Peraturan Mesyuarat 43. Ya, ini memang betul yang disebutkan dalam peraturan mesyuarat tetapi penggunaan kuasa Tuan Yang di-Pertua mestilah adil. Apa yang kita lihat tadi, tabiat Yang Berhormat Pasir Salak itu jauh lebih teruk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, okey duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kenapa tidak kita halau dia keluar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dengar percakapan saya Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat Pasir Salak. Semasa Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap, saya suruh Yang Berhormat Pasir Salak duduk, dia duduk. Saya suruh Yang Berhormat Bintulu duduk, dia duduk Yang Berhormat. Dia tidak membantah arahan saya. Di sini Yang Berhormat, arahan daripada Tuan Yang di-Pertua itu kena dia ikut Yang Berhormat. Kalau tidak, kita hilang kawalan Yang Berhormat. Ini yang penting. Jadi, saya tidak hendak dengar ini lagi. Yang Berhormat Pasir Salak bersedia.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tadi ada kawan-kawan mencelah, Yang Berhormat Ipoh Timur berucap, kita dalam masa menunggu untuk mendapat kebenaran Tuan Yang di-Pertua pun kita dipermainkan dan diperlecehkan. Akan tetapi, apabila mereka bangun dan dalam masa Tuan Yang di-Pertua hendak membuat keputusan, saya tidak memperlecehkan. Saya tidak memperleceh, saya berdiri menunggu Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan.

Akan tetapi, gelagat Yang Berhormat Ipoh Timur tadi berlainan sekali. Saya hendak perjelaskan tolonglah kawan-kawan daripada sebelah sana dan sebelah sini juga perhatikan kelakuan Yang Berhormat Ipoh Timur ini.

Yang Berhormat Ipoh Timur ini, daripada DAP memang kuat menghasut. Termasuk menghasut kawan kita daripada PAS, daripada PAS dihasut. Ini mengingatkan saya kepada peristiwa Nabi Adam dihasut oleh Iblis. *[Ketawa]* Iblis menghasut Adam supaya makan buah yang Allah SWT tegah. Tujuan Iblis ialah untuk memperdayakan Adam dan Hawa. Iblis ada di dalam al-Quran. Jangan mempermainkan, orang Islam terutamanya. Bukan Islam pun saya dengar sudah minat. Jadi, tolong dengar cerita ini, cerita al-Quran.

Jangan baca al-Quran atas pentas untuk tujuan politik bukan untuk tujuan menghayati dan untuk mempercayai ajaran al-Quran itu.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ada pertanyaan?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh saya minta penjelasan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh, boleh.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau boleh, Yang Berhormat Pasir Salak sebutkan siapa yang dimaksudkan iblis ini?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya rasa Yang Berhormat Kuala Selangor orang yang bijak pandai. Dia kelulusan PhD tetapi jangan jadi PhD yang lagi satu itu. Palsafah Hasad Dengki, PhD juga. Biar jadi PhD yang betul-betul. Saya rasa, saya bercakap Yang Berhormat Kuala Selangor boleh faham. Saya hendak sebut di sini iaitu, tidak apa lah kalau tidak ada dengar pun tetapi dia ada rekod, boleh rekod dalam Hansard.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ada pertanyaan apa lagi.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sebentar tadi disebutkan bahawa DAP menghasut PAS ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum habis lagi cerita.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dan disebutkan bahawa Adam dan Syaitan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum habis lagi cerita.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya ingin bertanya siapa iblis, siapa Adam?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Siapa Iblis, siapa yang dihasut. Saya belum habis. Saya baru memulakan cerita perbandingan bagaimana Allah SWT telah memberitahu Adam supaya menjaga dirinya, supaya jangan terpengaruh dengan hasutan. Jangan makan buah itu, tetapi dimakan. Ini kerana, Adam hendak dihasut dengan tujuan kononnya Allah SWT tidak bagi makan buah itu supaya dia tidak boleh jadi Malaikat.

Hasad dengki yang wujud ini, yang akhirnya memperdayakan Adam dan Hawa. Saudara Yang Berhormat Kuala Selangor tahu apa yang terjadi. Kemurkaan Allah SWT. Hukumnya, telah dibuang daripada Syurga. Oleh sebab itu, Syaitan telah dihantar ke dunia ini untuk menghasut manusia. Jangan gelak, jangan ingat pandai sangat. *You try to trap me* dengan izin?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini kepakaran Yang Berhormat Pasir Salak kah bab agama, tafsir?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya. Tafsir apa? Ini al-Quran, *you* jangan main-main. Yang Berhormat, *you* baca ini. *You* hendak saya baca ayat-ayat al-Quran ini?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit, saya hendak dengar ayat mana? Cuba bacakan sedikit ayat mana.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Masalahnya, kita tidak ada masa panjang hendak baca.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bacakan sedikit ayat mana kalau pakar sangat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengar dahulu saya hendak cakap. Saya tidak pakar, tetapi saya juga orang beragama. Saya juga orang Islam, saya percaya

kepada Allah SWT, saya juga mengikut hukum. Jadi, jangan hendak memperkecilkan seolah-olah Yang Berhormat Kuala Selangor sahaja yang tahu bab agama.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Akan tetapi seolah-olah mencabar saya untuk menunjukkan kebolehan, kita di sini bukan hendak cabar mencabar dari segi kebolehan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, DAP telah menghasut di antara orang-orang kita terutamanya rakan-rakan di dalam PAS. Kononnya, jangan terima perpaduan ini. Kerjasama dengan UMNO ini sebab kita boleh memerintah dengan kuasa kita sendiri. Jangan terima.

UMNO, kita bersedia untuk berbaik-baik. Apa salahnya? Saya hendak ucap tahniah kepada rakan-rakan yang mengutarakan idea untuk bekerjasama dengan UMNO. Perdana Menteri pun ada sebut, Timbalan Perdana Menteri pun sebut dengan baik, kalau sekiranya hendak berbaik.

Akan tetapi, DAP telah mengugut. Betul tidak DAP telah mengugut? Saya tidak salahkan pimpinan PAS yang melontarkan satu idea yang baik, yang diikuti oleh Timbalan Presidennya. Akan tetapi, mereka yang berada di dalam sana yang merasakan kedudukan mereka tercabar...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Pasir Salak Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sejauh ini, dalam pelaksanaan apa pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, hendak bagi?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sama ada di Kelantan mahu pun di Terengganu dahulu, yang menyekat pelaksanaan, apa pun yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan mahu pun Terengganu apakah DAP atau UMNO yang menyekat segala pelaksanaan syariat yang hendak dilaksanakan di Kelantan. *[Disampuk]* Siapa, jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Di mana perjuangan PAS hari ini untuk meletakkan hukum hudud? Di mana sekarang ini perjuangan PAS untuk menubuhkan negara Islam. Kerana DAP, takut kepada DAP!. Takut kepada DAP, DAP tidak bersetuju hukum hudud, tidak bersetuju dengan perjuangan negara Islam. PAS, oleh kerana diyakinkan oleh DAP boleh memerintah kerajaan, maka dengan sebab itu akur membuang perjuangan yang di bawanya selama hari ini. Betul kah tidak?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menyokong apa?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini semenjak bila pula Yang Berhormat Pasir Salak jadi wakil DAP.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini nampak, memperkecilkan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sejak bila pula Yang Berhormat Pasir Salak jadi wakil DAP? Boleh bercakap bagi pihak DAP?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sejak bila pula? Sambung, sudah pukul satu. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya DAP setuju tidak dengan perjuangan PAS untuk menegakkan negara Islam dan juga menegakkan hukum hudud. Tanya dahulu, ya tolong jawab Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor. Bukan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak apa, Yang Berhormat Kuala Selangor serah kepada saya untuk jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dia tidak hendak Yang Berhormat jawab Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Salak sila.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya jawab? Saya sanggup jawab, saya boleh jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tunggu dahulu, bagi peluang dahulu saya dengan Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa pula dengan Yang Berhormat Kuala Selangor? Bukan dia seorang sahaja dalam PAS.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh, boleh selepas ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau Yang Berhormat Pasir Salak hendak tahu, DAP lah jawab. Kenapa perlu saya yang jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itulah menunjukkan bahawa...



**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya kata, kalau soalan itu untuk DAP, kenapa saya perlu jawab?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Eh, sudah duduk bersama tidak tahu apa pendirian DAP. Macam mana ini?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Hari ini rakyat memerhatikan yang menyekat pelaksanaan ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak jawab soalan saya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Syariat adalah di kalangan UMNO, dan bukan DAP.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** DAP tidak menghalang kita dengan perjuangan kita.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu bukan jawapan kepada soalan saya.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia benarkan, dia...*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Salak ada panjang lagi ucapan kan. Duduk Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak apa Yang Berhormat, duduk, duduk Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dia tidak ada *point* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini, nanti kita bincang di luar lah kalau macam ini Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam pukul 1. Persidangan pada pagi ini kita tangguhkan dahulu. Kita sambung semula pada 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Pasir Salak untuk meneruskan perbahasan.

**2.33 ptg.**

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini juga menyokong tindakan kerajaan untuk menyalurkan semula peruntukan-peruntukan mengikut jabatan-jabatan yang berkenaan kerana bagi saya, saya percaya kepada tujuan kerajaan berbuat demikian iaitu bagi memastikan perjalanan kerajaan dapat dijalankan dengan baik demi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Sebagaimana yang kita tahu,

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru telah menekankan berhubung dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat kita. Dalam pada itu juga beliau menuntut supaya kejayaan diutamakan kerana tanpa kecemerlangan dan kejayaan dalam kerja-kerja yang dibuat, maka tidak mungkin bagi kerajaan memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin untuk rakyat.

Jadi dengan sebab itu, saya percaya adalah perlu bagi semua kita yang berada di dalam Dewan ini untuk menyokong dan tidak mempertikaikan perkara ini. Saya rasa agak kesal di atas sikap berprasangka yang wujud, yang ditonjolkan oleh sesetengah daripada Ahli Dewan Rakyat ini yang mana kita melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setelah beliau dilantik menjadi Perdana Menteri bukan sekadar membuat pengumuman yang jelas dan nyata iaitu beliau berhajat dan inginkan satu kerajaan yang boleh benar-benar memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat. Maknanya kepentingan rakyat diutamakan sama ada dari segi ekonomi, dari segi pelajaran, kebajikan, kesihatan, keselamatan, dan sebagainya. Beliau telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan kita juga melihat tindakan yang beliau ambil sebagai menyokong pernyataan yang dibuat dan dasar yang diumumkan supaya ia tidak menjadi retorik semata-mata.

Kita melihat bagaimana beliau dalam kesibukan, dengan sedaya upayanya turun padang berjumpa dengan rakyat, mendengar rintihan rakyat sama ada di dalam bandar atau pun di luar bandar. Kita sedar bahawa seorang Perdana Menteri tentunya mempunyai masa yang terhad untuk berjumpa dengan rakyat secara *direct* atau pun secara langsung dan juga mengendalikan isu-isu yang berhubung dengan kepentingan rakyat secara *hands on* dengan izin. Akan tetapi walaupun demikian, beliau cuba dan kita lihat keikhlasan beliau dan beliau juga sensitif atau prihatin kepada tuntutan rakyat dan tuntutan negara kita di mana rakyat menghadapi masalah ekonomi dunia sekarang yang berkekrisis. Rakyat menghadapi kesempitan ekonomi, menghadapi masalah pekerjaan dan sebagainya. Rakyat juga menuntut supaya persekitaran dijaga dengan baik, menuntut supaya keselamatan negara dan keselamatan rakyat dijaga oleh kerajaan supaya kita boleh hidup di dalam keadaan aman, tenteram, dan sentosa.

Semua ini, didengar dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh beliau dengan sebab itu apabila Yang Berhormat Ipoh Timur mencemuh dan menghina Perdana Menteri tanpa memberi peluang kepada beliau untuk menunjukkan keberhasilan kepimpinannya sebagai perdana Menteri, saya kira ianya sudah keterlaluan. Sudah keterlaluan dan tidak boleh kita dengar dengan telinga yang pekak dan membenarkan beliau membuat kenyataan-kenyataan yang tidak baik terhadap pemimpin negara kita.

Saya hormat kepada pemimpin baik parti pembangkang atau pun kerajaan. Kita perlu hormat-menghormati di antara satu sama lain barulah dengan itu kita boleh bekerjasama. Pihak pembangkang Pakatan mengumumkan bersedia untuk bekerjasama membincangkan kepentingan rakyat tetapi sikap yang ditunjukkan saya kira menjadi penghalang kepada kemungkinan atau menghalang kepada mewujudkan peluang untuk berbincang dan bekerjasama

sebab kerjasama memerlukan satu suasana di mana ada hormat-menghormati, percaya-mempercayai dan dengan itu sahaja baru kita boleh menjalinkan hubungan.

■1440

Ibarat hubungan suami isteri, kalau suami isteri sudah tidak percaya antara satu sama lain, bagaimana boleh dia hidup sebagai satu keluarga yang aman damai dan boleh bekerjasama untuk kesejahteraan keluarga. Begitu juga di mana-mana institusi sekali pun. Jadi dengan sebab itu, kalau sekiranya pakatan pembangkang merasakan betul-betul ikhlas untuk mengambil bahagian dalam menangani masalah rakyat, masalah negara, apa salahnya kita kendurkan ketegangan yang wujud di antara kita sesama kita dan kita membersihkan hati kita, jiwa kita daripada perasaan dengki, perasaan berasa bongkak, angkuh.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Nak bagi laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun Yang Berhormat. Nak bagi jalan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih. Saya minat dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak sama ada setuju, kalau kita ingin mewujudkan suasana yang membolehkan kerjasama, suasana yang juga harmoni. Adalah lebih baik kita adakan satu keadaan, di mana kita boleh bina keyakinan atau dalam bahasa Inggerisnya *confident building* dalam suasana politik sekarang, di mana isu Perak belum kita selesai. Jadi, macam mana kita nak adakan kepercayaan terhadap satu sama lain bila suami isteri, kalau suami yang sudah rampas harta isteri atau sudah bergaduh tentang pemilikan sesuatu itu, bagaimana kita boleh bekerjasama?

Kita juga lihat bagaimana Ketua Pembangkang sendiri telah didakwa, *dicharged* dengan satu dakwaan yang sangat menghina, yang sangat memalukan masyarakat Malaysia. Adakah ini *prerequisite*, prasyarat supaya kita ketepikan tindakan-tindakan musuh-memusuh dengan meletakkan satu kondisi yang kita boleh bekerjasama? Setuju tak Yang Berhormat?

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]:** Boleh saya sambung sikit?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Satu-satulah.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]:** Satu-satu?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha. Campur banyak-banyak ini susah nak jawab. Saya tak berapa pandai sangat.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]:** Selalu macam menteri pandainya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak, saya tak berapa pandai sangat. Jadi kena jawab satu-satu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu. Kita perlu ada kaedah bagaimana menyelesaikan pertikaian. Kalau ibaratnya Singapura dengan Malaysia

ada pertikaian berkenaan dengan Pulau Batu Putih. Mesti rujuk kepada pihak yang boleh membuat keputusan kerana kaedahnya begitu. Kalau kita hendak mendapatkan keputusan mengikut kepuasan kita, itu susah. Jadi inilah yang berlaku di Perak.

Kita telah menunjukkan sikap yang saya rasa adil, sikap yang *gentleman*, demokratik. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat menyatakan bahawa BN tidak demokratik. Saya rasa ini tidak betul dan apabila Pakatan menguasai Dewan Undangan Negeri Perak dengan 31 kerusi berbanding dengan UMNO atau Barisan Nasional 28 kerusi pada bulan Mac pilihan raya kita dahulu, Barisan Nasional menerima pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Pakatan walaupun kita tahu bahawa yang dilantik itu seorang yang sepatutnya tidak dilantik kerana tidak mengetuai parti yang dominan dalam pakatan itu, tetapi dia sanggup.

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia sanggup kerana kerusi, kerana kuasa, kerana keinginan nak jadi Menteri Besar, dia boleh terima. Eh, ada dia di sini. Ha ada dia nak tanya, okey. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak yang telah memberikan ruang kepada saya. Pertamanya saya merasakan bahawa apa yang dinyatakan tadi itu banyak tidak benarnya.

Keduanya, saya menyatakan bahawa apabila 31 kerusi gabungan PAS, Keadilan dan DAP, kami membina satu Pakatan Rakyat bagi mengurustadbirkan negeri Perak 10 ½ bulan itu di atas kehendak rakyat, bahawa calon-calon yang dipilih itu adalah calon yang dipilih oleh rakyat, tetapi pada 5 Februari apabila tiga daripada wakil rakyat kami disembunyikan, dihilangkan, dilenyapkan daripada rakyat negeri Perak sendiri, tiba-tiba muncul di Putrajaya enam hari selepas itu bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat ketika itu Timbalan Perdana Menteri.

Ini merupakan satu penganiayaan, satu penghinaan kepada rakyat. Jadi saya nak tanyakan, kalau tadi Yang Berhormat Pasir Salak menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu memberikan penghormatan kepada rakyat, maka saya nak tanyakan, adakah bahawa merampas kuasa negeri Perak itu satu penganiayaan dan satu penghinaan kepada rakyat negeri Perak? Kalau rakyat perlu didahulukan, tidakkah hari ini rakyat negeri Perak, seluruh rakyat Malaysia mahukan Dewan Undangan Negeri dibubarkan.

Jadi, di manakah retoriknya yang menyatakan bahawa mahu mendahulukan rakyat sedangkan rakyat sendiri mahukan dibubarkan Dewan Undangan Negeri. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Pasir Salak jelaskan. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Kita pun kasihan jugalah dengan nasib Yang Berhormat. Dulu jadi Menteri Besar, kemudian tak jadi Menteri Besar, kemudian jadi balik Menteri Besar 24 jam, lepas itu tak jadi balik. [*Ketawa*] Kasihan, kasihan dia. Jadi, kita pun kasihan, tetapi tak berupaya membantu.

Minta maaf. Tadi saya sebut calon Menteri Besar, ini Pakatan punya Menteri Besar ya pada bulan Mac. Saya kata bukan datangnya daripada parti yang dominan dalam Pakatan. Betul tak? Adakah PAS dominan dalam Kerajaan Negeri Perak masa itu? Tolong jawab, tolong jawab. Kenapa duduk?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak boleh macam itu Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Eh, tadi Yang Berhormat Ipoh Barat pun boleh tanya-tanya.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Boleh jawab, saya jawab, saya jawab.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Tuan Yang di-Pertua, sikit penjelasan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini penjelasan sahaja. Tadi Yang Berhormat Bukit Gantang sebut tentang disembunyikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sikit kebimbangan, sebab Yang Berhormat Bachok ini dah lama tak nampak. Dua kali soalan dia naik, dia tak datang menjawab. Saya takut dia hilang, takut disembunyikan ataupun diculik kah, sebab takut wujudnya Kerajaan Perpaduan. Boleh tak kita buat laporan orang hilang sebenarnya? Sebab ini membimbangkan, politik ini dia tak kira Parti Islam ke apa, dia kalau dah nak marah, macam-macam boleh berlaku. Yang Berhormat Bachok ini dah lama hilang ini Tuan Yang di-Pertua, perlu dibuat aduan polis.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, okey. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejaplah, saya nak jawab itu tadi. Nanti saya bagi Yang Berhormat Machang, eh Yang Berhormat Bachok kah? Saya bagi, *don't worry, we are all friends* dengan izin. Tak apalah tak jawab, saya tolong jawabkan iaitu Menteri Besar Pakatan pada bulan Mac tahun lalu datang daripada parti PAS, Yang Berhormat sekarang Bukit Gantang. PAS bukan yang dominan, yang dominan kita tahu ialah DAP. Itu hakikat, fakta. Saya bukan buat fitnah.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Betul kah tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, jadi macam mana? Dan saya nak bagi tahu ini, saya pun tahu. Walaupun saya duduk di Kuala Lumpur dalam Dewan Rakyat, tetapi Dewan Undangan Negeri itu saya pernah duduk. Saya mengikuti perkembangan di Dewan

Undangan Negeri Perak. DAP bertungkus-lumus untuk mendapatkan calon mereka menjadi Menteri Besar. Betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul, betul. *[Tepuk]*

■ 1450

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong jawab. Pasal apa tidak dapat? Kerana Perlembagaan Negeri Perak yang tidak mengizinkan dan tidak membenarkan. Kalau Perlembagaan membenarkan, Yang Berhormat Pantai Remis kah, Beruas kah akan menjadi Menteri Besar Perak. Yang Berhormat Bukit Gantang jangan mimpi, jangan berangan. Duduk di situ sebagai Menteri Besar hanya sebagai boneka kepada DAP. Boneka! Itu sebab dalam tempoh 11 bulan Pakatan Rakyat di Perak, apa yang dia buat?

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tunggu sebentar, ini tengah sedap ini... *[Dewan riuh]*.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tengah sedap, duduk dulu. Tengah sedap, duduk dulu. Nanti anti klimaks lah kang.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Tadi kata nanti..

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *My floor*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya nampak Yang Berhormat...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* tak tahu ini Setiausaha Agung AMSU, Universiti Malaya, *you know..*

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *You* sebut-sebut DAP, sekarang DAP nak jawab. Minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya akan bagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong, ikut peraturan. Saya nampak Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* jangan nak tunjuk demonstrasi apa sini. Ini kepala demonstrasi dulu. Sama dengan itu, Ketua Pembangkang... *[Dewan riuh]* Dengan izin, *you were not around at that time.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah Yang Berhormat. Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini pun baru, Yang Berhormat Bachok pun baru kemudian. Ketua Pembangkang tolong bagi tahu, duduk dulu nasihatkan dia... *[Dewan riuh]*. Tolong duduk, kejap. Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Bachok pula, *sorry.*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Tadi janji dah, pakat kat luar tadi bagi laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Bagi laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lepas kita tengah sedap ini. Anti klimaks. Betul tidak, betulkah tidak? Segala dasar yang dibuat oleh pakatan pembangkang 11 bulan semuanya untuk kepentingan DAP. Betulkah tidak?... [*Tepuk*] Kenapa tidak berani bercakap soal perjuangan PAS sebagai Menteri Besar selama 11 bulan? Tolong Jawab.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Machang itu duduk.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih, tadi dia janji kat luar, dia takkan macam ni, dia dalam terbalik tetapi tak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biasalah tu.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Pertama, Menteri Besar dilantik dari kalangan orang yang mendapat kepercayaan dan sokongan majoriti. Dia tak kata dari seorang yang mewakili parti majoriti. Yang ini, tentulah Yang Berhormat Pasir Salak lebih tahu. Dia tak payah *spend* yang itu. Contoh, siapa yang dapat kepercayaan majoriti untuk menjadi Menteri Besar di Terengganu? Idris Jusoh, ya tidak?

Akan tetapi yang terpilih Ahmad Said. Siapa yang dapat kepercayaan majoriti di Perlis? Shahidan tetapi yang terpilih Md. Isa Sabu. Tahun 1969 Tuan Yang di-Pertua, saya nak cakap sikit. Tahun 1969, di Selangor, kedudukan kerusi adalah 20 Perikatan, 20 Pembangkang. *Stalemate* tak boleh pilih Menteri Besar. Akan tetapi untuk tujuan memilih seorang Menteri Besar Dr Tan Chee Khoo, pembangkang waktu itu menyokong, kemudian dia beralih ke meja pembangkang. Jadi terbukti. Jadi saya fikir ada sedikit kekeliruan di sini itu *point* yang pertama, sikit lagi. Sikit saja penjelasan yang pertama.

Yang kedua kalaulah 11 bulan memerintah dan Menteri Besar Perak memberi tanah kepada orang Cina miskin, orang India miskin, Orang Asli, orang Melayu miskin, dianggap boneka, memberi tanah kepada orang miskin dianggap boneka, kita sanggup digelar boneka seribu kali. Memberi tanah kepada Cina miskin, Melayu miskin, India miskin, Orang Asli miskin dan ini polisi 11 bulan kita memerintah. Gelarlah kita 1000 boneka sekalipun. Kita terima.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Pasir Salak, saya nak habiskan hujung lagi. Jika tidak tak lengkap hujah saya tergantung. Kalaulah amalan pemimpin UMNO memberi gunung kepada tauke judi di Genting dianggap amalan yang terpuji, selamat maju jaya. Kalaulah memberi sebuah bukit kepada tauke judi di Bukit Tinggi, dianggap kerja mulia dan terpuji, selamat maju jaya. Kalaulah memberi sebuah pulau di Terengganu

kepada seorang tauke judi dianggap kerja mulia, selamat maju jaya. Ini beza Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional, Yang Berhormat Pasir Salak. Beri tanah orang miskin dengan bagi tanah dan bukit dan gunung kepada tauke kaya, itu amalan UMNO, Barisan Nasional. Itu yang membezakan kita Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih, saya turunkan sedikit nada, terima kasih atas peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, boleh turunkan nada juga.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, dapatlah beza antara Yang Berhormat Ipoh Timur dengan Pasir Salak. Kita bagi peluang, bertanya. Bukan satu soalan, dua soalan, tiga soalan. Ini dia, kita Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Kita tak takut menjawab soalan. Boleh tanya seberapa banyak nak tanya sekalipun. Kita ada jawapan menunggu. Ada jawapan menunggu. Satu soalan tadi berkenaan dengan parti tak dominan dengan dominan. Siapa yang nak jadi Menteri Besar. Betul tidak?. Yang Berhormat Machang nak mengesahkan atau dengan izin, *to justify* di mana Yang Berhormat Bukit Gantang boleh dilantik. Kita pun tak kisah. Barisan Nasional pun tak kisah. Itu pilihan, kita akur. Beliau jadi Menteri Besar. Kita tak tunjuk perasaan. Kita tidak berdemonstrasi. Kita tidak menghalang kereta Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kita tidak baring di tengah jalan, kita tidak baling batu... *[Dewan riuh]*. Kita tidak pecahkan kereta orang. Itu beza.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Kita buat di Terengganu sebenarnya. Kita ada buat begitu di Terengganu. Waktu Ahmad Said dilantik, kita naikkan kain pemedang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada minta jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itulah bezanya Yang Berhormat Machang, tak faham? Menyampuk-menyampuk ini pasal apa? Menyampuk lagi.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Belajar dari Yang Berhormat Pasir Salak... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menyampuk, kita tengah bercakap, dia sampuk. Kita lebih tua dari dia, dia menyampuk orang tua. Manalah ni. Yang Berhormat Permatang Pauh tolong ajar sikit budak-budak ini, betul tak? Jangan jatuhkan standard PKR. Itu parti pembangkang, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh ini sahabat saya. Dia seorang yang berkaliber. Seorang pemimpin besar. Jangan jatuhkan martabat dia... *[Dewan riuh]*.

Ini yang merosakkan dia dulu, inilah semua ini. Kalau saya ada keliling dia dulu, tak ada jadi macam ini. Jadi PM dah hari ini. Ini pergi pilih waktu Gombak... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun dah. Bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta penjelasan. Pertama saya tengok Yang Berhormat Batu Pahat ini. Dia tidak faham amalan



biasa dalam Dewan Rakyat. Dia bukan lagi *backbencher*, yang dia nak menyampuk selalu buat apa. Kalau dia ketagih nak *backbencher* pindah ke sebelah sini, jangan duduk sebelah sana.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kemaruk nak bercakap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi saya ingat dia sebagai bekas pemimpin PAS, jadi dia simpati juga dengan masalah yang dihadapi oleh PAS. Itu yang pertama. Yang kedua, saya ingat hujah Yang Berhormat Pasir Salak itu banyak fitnah. Tak betul. Tuduhan yang dibuat kononnya Yang Berhormat Bukit Gantang ini boneka. Ini satu tuduhan yang jahat, Tuan Yang di-Pertua. Sebahagiannya pun telah diperjelaskan oleh sahabat saya Yang Berhormat Machang. Sebagai contoh, pembahagian tanah, tanah-tanah di Negeri Perak. Tuan Yang di-Pertua, saya nak bagikan fakta bukan emosi macam Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sah iaitu Datuk Seri Nizar, yang sekarang Ahli Parlimen Bukit Gantang memberikan hak milik tanah kepada orang-orang Cina di kampung-kampung baru Cina.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 47 ribu lot, benar kita tidak nafikan. Mereka sudah duduk di kampung baru itu sudah dua generasi, tiga generasi. UMNO dan BN tak ambil tahu langsung, masalah penduduk-penduduk di kampung baru.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bersyarah pula. Jangan bersyarah pula.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Belum-belum saya nak bagi fakta.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita bagi peluang nanti, guna elok-elok.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bagi fakta bukan fitnah. Berbeza dengan Yang Berhormat Batu Pahat dan Pasir Salak.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri Besar yang sah juga, dia tolong orang-orang Melayu susah di kampung-kampung tersusun Negeri Perak sebanyak 117,000 lot diberikan hak milik. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, *Utusan Malaysia, TV3, Berita* Harian ini tidak melaporkan jumlah peruntukkan hak milik kepada orang-orang Melayu. Dipadamkan sama sekali, ditonjolkan pemberian hak milik kepada orang Cina supaya orang Melayu marah. Ini memang kerja UMNO.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima Kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebagai parti perkauman dalam negara kita. Itu yang pertama

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih banyak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang kedua...

■1500

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang kedua karang...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang kedua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Later.* Sekarang, bagi saya jawab yang itu dulu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, biar saya habiskan. Jawab sekali sebab kalau saya cakap...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Gombak ini dari dahulu lagi perangai macam ini, tidak berubah lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya kenderkan sedikit. Yang kedua, kononnya Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Perak yang sah memberikan tanah kepada sekolah persendirian Cina. Itu yang dimainkan oleh *Utusan Malaysia*, sebanyak 1000 ekar. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Perak yang sah juga memberi 4000 ekar tanah kepada Kolej Agama Islam Negeri Perak. *[Tepuk]*

Siapa kata dia boneka Cina? Siapa kata dia boneka DAP? Yang jadi boneka kepada tauke-tauke judi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Kota Melaka, "Betul...betul". Baru dua hari dia dengan Yang Berhormat Gombak dah "Betul". Kita kenal ini 30 tahun, *you know?* *[Ketawa]* Ini "Betul...betul".

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Batu Pahat bagi input.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan jawapan saya kepada Yang Berhormat Machang tadi, iaitu soal pelantikan Menteri Besar. Saya hendak *stress* kan lagi ini. Ini pelajar-pelajar ada di sini ini jadi pemerhati. Saya tidak mahu mereka dipesongkan. Saya hendak sebutkan tadi, memanglah seorang yang mendapat sokongan majoriti boleh menjadi Menteri Besar. Cuma, saya hendak pertikaikan, bukan hendak mempertikaikan, hendak membandingkan sikap kita yang *gentleman* dan *democratic*. Kita tidak membantah pelantikan beliau. Biarlah dia hendak lantik jadi Menteri Besar. Dia hendak jadi Menteri Besar kah...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak lantik tetapi rampas.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dahulu mula-mula dilantik jadi Menteri Besar pakai songkok. Apabila sudah jadi Menteri Besar buang songkok. Apa sudah jadi ini? *[Ketawa]* Sekarang sudah tidak nampak macam pemimpin PAS lagi. Betul tidak? Dahulu saya tengok semasa pergi, baru-baru hendak dilantik menjadi Menteri Besar bukan main lagi pakai songkok, tersengih-sengih, sengih, sengih, sengih. Tunjuk macam tokoh pemimpin PAS, tokoh ulama, tokoh tok guru. Lepas itu, semenjak ini sudah hilang songkok...

**3.03 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Mana songkok Yang Berhormat Pasir Salak ini?  
[Ketawa]

**3.03 ptg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ini sangkaan peribadi sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa pula sangkaan? Tengok, ada pakai songkok? Sangkaan apa?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Pasir Salak pun tidak pakai songkok.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya bukan pemimpin PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduklah Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Sudah, sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belum jawab lagi, banyak soalan saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya hendak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi, kita jangan...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia bercakap seorang sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, kita demokratik. Jangan dituduh bahawa kita tidak demokratik. Yang tidak demokratik ialah Pembangkang. Apabila pada bulan Februari yang lalu, kita tidak paksa. Kenapa seorang daripada wakil rakyat ADUN DAP meninggalkan DAP? Kenapa?

Saya diberitahu sebab keangkuhan pemimpin DAP Perak. Keangkuhan pemimpin DAP Perak. [Tepuk] Dia sudah tidak boleh tahan lagi. Saya beritahu ceritanya, mungkin Menteri Besar semasa itu Dato' Seri Mohammad Nizar, dia tidak tahu cerita ini.

**Seorang Ahli:** Dia seorang sahaja tahu benda itu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia seorang OKU, berjumpa dengan Pengerusi DAP Perak, dengan sepupu dia lagi seorang dari Taiping, Yang Berhormat Taiping. Dua beradik ini bukan main angkuh lagi.

Saya tahu, saya dahulu duduk dalam Dewan Undangan Negeri, bagaimana angkuhnya dua orang manusia ini. Saya ingatkan mereka angkuh dengan saya sahaja, rupanya sesama dia pun dia angkuh. Kawan ini mengadu hal, saya dengar hendak minta tolong begitu, begini. Apa jawapan Pengerusi DAP Perak? Kalau kami bagi ini, kamu boleh berjalan betul? *[Ketawa]* Mentang-mentanglah dia seorang OKU.

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Dia punya cerita tidak boleh dipercayai.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa dia?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Peraturan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Peraturan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Ipoh Timur punya cerita semua boleh percaya, ya?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** 36(1).

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Pasir Salak tidak boleh percaya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak, ada peraturan mesyuarat. Ya?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ini perkara ada dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat mana satu Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Adakah ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat mana?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** 36(1).

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Peraturan mana? Peraturan mana? Peraturan berapa?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Adakah perkara parti-parti...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Peraturan mana? Peraturan mana? Peraturan berapa? Peraturan berapa?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Adakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan bising yang lain. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya hendak tanya sama ada...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Peraturan nombor berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. 36(1).

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Adakah dia dalam kementerian mana? Dalam kementerian yang mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, baik. Baik, baik. Cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kalau dia tidak ada benda yang hendak cakap, dia sudah bankrap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dia bolehlah bagilah masa kepada orang lain. Jangan hendak buang masa di sini. *[Disampuk]* Ha, jangan hendak ajar yang...tunjuk teladan yang baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kepada semua murid-murid di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jika kerusi ini ketat terhadap peraturan mesyuarat dalam perbahasan, Yang Berhormat Ipoh Timur tadi pun tidak boleh juga berbahas sedemikian. *[Disampuk]* Saya bagi kelonggaran tetapi ada batasnya. Saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Pasir Salak untuk kembali kepada rang undang-undang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biarkan Yang Berhormat Pasir Salak, biarkan dia dengan perbahasan dia, pendapat dia. Kita juga biarkan Yang Berhormat Ipoh Timur tadi dengan pendapat dan perbahasan dia.

**Seorang Ahli:** Boleh pula?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah. Terima kasih. Duduklah, duduklah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kerana...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk. Duduk, duduk, duduk. *Please.* Duduk, duduk, duduk...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya hendak jalan, bukan mahu perang dengan awaklah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk, duduk, duduk... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bandingan ini tidak tepat. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sudah cakap duduklah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya tanya yang mana satu tidak dalam kementerian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bukit Mertajam, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Apa-apa peruntukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak teruskan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Bukit Mertajam, jangan *double standard* dengan izin. Apabila Yang Berhormat Ipoh Timur buat ucapan, kenapa tidak tegur?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tegur...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagi saya berucap, ditegur.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Ipoh Timur

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenapa?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak kata...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut kah?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang dalam Menteri...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut kah?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Selalu dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, berdialog begini juga tidak ikut peraturan Yang Berhormat. Berdialog begini juga tidak ikut peraturan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Ipoh Timur kata ialah urusan kementerian bukan urusan UMNO. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Pasir Salak dan kaitkan dengan rang undang-undang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah sebut tadi bahawa peruntukan yang dibuat oleh kerajaan ini penting, dan Perdana Menteri kita melakukan yang terbaik mungkin. Kita janganlah prasangka, bagilah dia peluang.

Baru tidak sampai 100 hari, sudah diungkit bermacam-macam. Apa yang hendak diungkit? Saya tidak jadi Menteri pun saya tidak ungit. *[Ketawa]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Itu udang di sebalik batu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Oh, itu kah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya pun sudah lama dalam politik, tetapi saya tidak ada pun ungit-ungkit. Ini yang ungit-ungkit ini fasal apa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *Help, help, help, help.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini yang ungit-ungkit ini fasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah. Nantilah sekejap, tidak ada *chance* menjawab, dia tanya, tanya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Soalan yang pertama tadi pun belum dijawab lagi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, dia belum jawab soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itulah, hendak jawablah ini. Duduklah. Duduk, duduk, duduk. Malu, Ketua Pembangkang pun malu, dia keluar fasal perangai anak buah dia *[Ketawa]* Ya tidak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia bisik dengan saya tadi, dia malu dengan Yang Berhormat Pasir Salak, sebab itu dia keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]* Dia malu dengan perangai anak buah. Dia terpaksa keluar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia kata dia buang masa sahaja dengar Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Betul tidak? Dia terpaksa keluar. Tidak percaya nanti saya tanya dekat luar *[Ketawa]* Ha, kita tanya depan *[Ketawa]* Kalau saya ada, Yang Berhormat Gombak tidak ada. Tahu tidak? Ha. Apa tadi pun? Banyak sangat dia tanya, itu, ini. Ha, saya hendak menjawab kepada Yang Berhormat Machang. Kena jawab ya, Tuan Yang di-Pertua? Iaitu tentang mendabik dada apa yang Kerajaan Pakatan di Perak buat

dalam tempoh 11 bulan, membantu orang Cina miskin. Orang dia miskin, bagi tanah pada orang miskin.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belum habis jawab lagi, peraturan, peraturan. Peraturan apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa peraturan ini?

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** 36(1). Saya rasa dalam rang undang-undang ini hanya berkenaan dengan lapan kementerian...

#### ■1510

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah membuat keputusan terhadap 36(1) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi Yang Berhormat. 36(1) ini adalah perkara-perkara yang dibahaskan memberitahu kita tentang perkara-perkara yang dipinda sahaja, iaitu pada peringkat jawatankuasa. Jika sesuatu perkara itu hendak dibahas, dipinda pada peringkat jawatankuasa, perkara itu sahaja lah yang boleh dibahaskan.

Yang itu pun tidak berapa tepat untuk memberhentikan beliau. Akan tetapi, saya sudah membuat keputusan bahawa saya biarkan Yang Berhormat Pasir Salak untuk meneruskan perbincangan dan telah pun memaklumkan kepada beliau...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... untuk kembali kepada rang undang-undang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya lah, teruslah berilah dia mahu cakap apa-apa pun.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Cakaplah apa-apa pun.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ubat sudah makan lagi ubat? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Mendabik dada membandingkan bahawa Kerajaan Pakatan negeri Perak pada 2008 hingga Februari 2009, kononnya membantu rakyat miskin. Benar kah?

**Beberapa Ahli:** Benar lah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Uar-uar. Tidak benar. Kita ada pegawai-pegawai. Kita boleh pergi ke pejabat tanah itu berapa yang sudah lulus? Cakap sahaja. Cakap. Tidak percaya tanya ini. Yang Berhormat Bukit Gantang. Berapa yang dia lulus? Saya hendak tanya. Betul kah 1,000?



**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Betul kah 40,000? Tidak ada.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu Barisan Nasional merampas kuasa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak usah cakap bohong.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Kita bagi angka.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Yang Berhormat Machang tidak usah cakap bohong.

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Kita bagi angka. Kalau tidak betul tunjukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak betul. Bohong.

**Beberapa Ahli:** Tunjuk angka.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan berdialog Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk-duduk.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Berdiri]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya tidak beri peluang lagi sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak bercakap. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Tunjuk angka pejabat tanah. Tunjuk, beri angka. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya akan beri jawab dengan bertulis. *[Ketawa]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Sekarang. Sekarang. Kita beri sekarang. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya akan beri jawab dengan bertulis. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Macam Menteri. Macam Menteri. *[Ketawa]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** 107,000 lot orang Melayu. 40,000 lot orang Cina. Yang Berhormat kata tidak betul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh yang macam ini Yang Berhormat. Duduk lah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak. Saya ulang balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk. Saya akan beri jawapan secara yang bertulis. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kalau sekadar apa yang dibuat oleh Pakatan di Perak? Saya orang Perak saya tahu lah. Kawasan saya Parlimen Pasir Salak. DUN Kampung Gajah. DUN Sungai Manik. Merayau merata kampung orang-orang parti. Tukar zink bumbung bocor.

Beri sekeping zink. Selepas itu bawa beras sebungkus. Adalah beberapa, satu kilogram, dua kilogram diberikan. Ini dihebahkan ke seluruh negeri bahawa Kerajaan Pakatan prihatin. Bantu rakyat. Pergilah. Hah, tidak tahan... *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri laluan Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini saya cakap fasal Perak, yang Gombak masuk campur mengapa? Duduk Yang Berhormat Gombak duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Isteri saya orang Perak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dia tidak beri laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Berapa isteri ada? Isteri mana satu yang orang Perak itu? *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu. Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri laluan Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak boleh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini adik-adik kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...ini pegawai-pegawai kita...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini beri betis hendak paha.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...tengok macam mana watak pemimpin UMNO.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini beri betis hendak paha. Ini tidak boleh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya beri angka Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bukan buat fitnah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi Yang Berhormat Pasir Salak tidak berani jawab. Saya beri angka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak Sudah jawab tadi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau betul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak akan jawab secara bertulis.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Kita tidak betul, beri angka.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sudah jawab. Saya kata saya beri jawab secara bertulis. Duduklah. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Macam Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, tidak apalah Yang Berhormat Gombak. Biarkan Yang Berhormat Pasir Salak dengan perbahasannya Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong duduk. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat Pasir Salak. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan lah ganggu. Tuan Yang di-Pertua Terima kasih banyak. Semasa. Mana pula ini? Duduk dahulu.

**Seorang Ahli:** Ubat tidak makan lagi?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini hendak tutup Tuan Yang di-Pertua, buka sudah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Biarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah buka Yang Berhormat, sudah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey lah, beri *chance* lah pada Yang Berhormat Gombak. Pendek. Jangan panjang sangat. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Salak. Ini saya hendak ajak pelajar-pelajar kita. Ramai yang hadir. Pegawai-pegawai pun ada. Tengok bagaimana kualiti perbahasan kita Tuan Yang di-Pertua. Di antara UMNO dan Pakatan Rakyat, jauh macam bumi dan langit *[Dewan riuh]* Ahli Parlimen, nanti sekejap.

**Seorang Ahli:** Sudahlah cakap bagus. Yang Berhormat Ipoh Timur pun sama Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Ipoh Timur pun sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh komen yang macam itu Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak menuduh kita ini boneka kepada parti DAP.

**Seorang ahli:** Memang pun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi saya bangun Tuan Yang di-Pertua, saya beri fakta, saya beri angka berapa untuk Melayu, berapa untuk Cina. Kalau tidak betul jawablah. Hendak jawab bertulis belum jadi Menteri. *[Dewan riuh]* Nanti saya buat surat sokongan kepada Perdana Menteri cadangkan Yang Berhormat Pasir Salak. Akan tetapi Menteri apa saya tidak tahulah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan pandang hina. Esok jadi betul baru Yang Berhormat Gombak tahu. *[Ketawa]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Pasir Salak sudah makan ubat kah belum? Sudah makan ubat kah belum? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ini lah Menteri, ranap Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada mengapa. Tiada mengapa Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ranap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]*

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Sepatutnya kita berdebat. Yang Berhormat Pasir Salak buat igauan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau inilah watak Menteri Malaysia, saya hendak lari lah. Keluar lah.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Itu pun menghina itu. Menghina lagi itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat Gombak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau menghina macam itu, esok jadi Menteri Dalam Negeri. Tahu tidak? *[Ketawa]* Jangan main-main. Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Berapa tahun di Perak memerintah. Kita sudah buat macam-macam untuk rakyat. Ada tengok? Ada tengok tidak rekod-rekod Kerajaan Barisan Nasional di Perak? Ada tengok tidak Yang Berhormat Bukit Gantang?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Rekod buruk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita buka ladang rakyat. Ladang rakyat kita buka, jangan 'oh'..apa 'oh'?

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya Lembaga Pengarah ACDC Perak tahu tidak? *[Dewan riuh]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Biar.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ACDC Perak kita buka.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Berpuluh ribu ekar tanah dan kita membahagi...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Ini orang Perak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Dahulu Perak adalah...

**Seorang ahli:** Perak sama Perak lawanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** ..negeri yang...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nampak gayanya saya, saya tidak sangka saya begitu popular. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Telok Intan.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih. Selalunya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Selalunya Yang Berhormat Pasir Salak menyalak, akan tetapi hari ini ketawa sangat.

**Seorang Ahli:** Tidak makan ubat.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Tidak makan ubat ya. Akan tetapi mengenai Perak ya, cagak 50 tahun Barisan Nasional perintah. Tahu tidak di Perak ada beberapa sekolah Tamil tiada kantin pun. 50 tahun. Tiba-tiba kita ada Menteri Pelajaran dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke sekolah Tamil. Wah, dengan isterinya lah. Begitu *artificial*. Ada, saya sebagai bekas Presiden Yayasan Tamil, saya terima laporan. *So artificial, Prime Minister in a Tamil school. Never happened before.* Tiba-tiba, 50 tahun apa *you* buat? *[Dewan riuh]* Jangan cagak, jangan cagak fasal keadilan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Adakah dalam 50 tahun ini, 523 sekolah Tamil diberi bekalan atau peruntukan yang baik, yang cukup?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Baik, Terima kasih.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Ada sekolah di Jerantut.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Okey Terima kasih.

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana jaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak payah berucap Yang Berhormat.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Tidak adil macam itu. Saya diberi laluan, saya kena cagak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Akan tetapi mencelah ada had masanya Yang Berhormat. Tidak boleh panjang sangat.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Ini orang Perak, jangan sangka jahat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan jiran saya. Daripada Telok Intan. Pasir Salak, Telok Intan jiran. Dia kalau dia cagak banyak, nanti saya pasang itu tol, dia tidak boleh lalu nanti. Jangan main-main. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, bergurau, bergurau juga, ya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Telok Intan. Yang Berhormat Telok Intan ini sekarang peguam, ya tidak? Peguam? Berjaya? Peguam yang berjaya? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh tanya yang macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Oh, tidak boleh? *[Ketawa]*

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Peguam yang berjaya, usaha sendiri. Tiada projek dari UMNO. Tiada projek. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya baik. Terima kasih. Inilah dia Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia duduk tidak tahu di negeri manalah, dia boleh jadi peguamkah?

Di Malaysia inilah. Kerana Kerajaan Barisan Nasional masyarakat India dapat sekolah [*Tepuk*] jadi peguam, jadi doktor, jadi akauntan, jadi *businessman*. Arumugam - *businessman*, Ananda Krishnan - *businessman*. Walaupun kata kroni, kroni siapa? Tanya Ketua Pembangkang. Dia tahu kroni siapa. [*Ketawa*] Saya tidak kata kroni dia. Entah kroni siapa, saya tidak tahu. [*Ketawa*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *Backbencher* tidak tahu malu kah macam itu?

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Perak.

■ 1520

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya sekejap. Jadi bermakna, apa pun keadaan sekolah Tamil dalam negara kita ini, yang ada kekurangan di sikit di sana-sini, sama sahaja ada kekurangan seperti di sekolah-sekolah yang lain. Tetapi hakikatnya, masyarakat India, masyarakat India yang telah kita terima sebagai rakyat negara ini, dengan hak-haknya sebagai rakyat Malaysia, yang kita tidak nafikan, kita berikan, hari ini sudah menjadi masyarakat India yang berjaya. [*Tepuk*] Boleh nafikan?

**Seorang Ahli:** Kalau tidak, jual sirih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Beri kepada Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Agak-agaknya masyarakat India di negara lain itu semua tidak jadi peguam (*lawyer*) dan tak jadi doktor. [*Ketawa*] Cuma masyarakat India di Malaysia sahaja jadi peguam (*lawyer*) dan jadi doktor. Tetapi bukan itu isu saya, Yang Berhormat Pasir Salak, sekejap, sabar dahulu.

Semasa kempen di Bukit Gantang yang baru lalu, saya dimaklumkan oleh orang Bukit Gantang bagaimana pada masa arwah Allahyarham Tuan Haji Roslan, Ahli Parlimen Bukit Gantang, yang juga merupakan Pengerusi Yayasan Perak. Pada masa hidupnya, pada masa dia memegang tanggungjawab sebagai Pengerusi Yayasan Perak telah memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar yang hendak masuk IPT seribu ringgit seorang.

Satu petang di Bukit Gantang itu 168 orang pelajar-pelajar dia bagi. Seribu ringgit seorang. Orang UMNO sendiri kata, tak pernah berlaku sebelum ini, kami dapat apa-apa daripada Yayasan Perak, ya? Masa dia ambil Yayasan Perak kosong duit Yayasan Perak. Inilah dia kerja UMNO [*Dewan riuh*] kena sedarlah semua, kena faham sedikit, ya?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa, sekejap lagi, Yang Berhormat Lipis ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lepas ini Yang Berhormat Lipis. Saya hendak jawab Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Titiwangsa pun doktor kan?

Doktor, ya? Perlu belajar duit sendiri kah atau dapat biasiswa? *[Dewan riuh]* Duit sendiri kah biasiswa?

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Apa masalahnya duit biasiswa? Bapa saya bayar cukai. Pak cik saya bayar cukai. Pakcik dan Pak long saya bayar cukai... *[Dewan riuh]*  
*[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Bukan duit bapa Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** ...apa masalah? Bukan duit...*[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Bukan duit bapa UMNO...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dialog, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah sikap takbur dan tidak bersyukur, pemimpin yang dikatakan daripada parti Islam. Memalukan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hujah lapuk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Memalukan..., jadi tadi hendak jawab Yang Berhormat Telok Intan, disampuk oleh Yang Berhormat Titiwangsa yang mengatakan bahawa seolah-olah di negeri lain, orang India semua tidak boleh jadi *lawyer* atau berjaya. Saya tidak mengatakan begitu.

Tahu kah Yang Berhormat Titiwangsa, ada baca kah tidak laporan di India, 600 juta rakyat India berpendapatan tidak lebih daripada dua ringgit sehari? Tahu kah? Mana ada baca? Tidak bacanya, inilah masalah, betul atau tidak? Tetapi di Malaysia ini, bagaimana keadaannya masyarakat dan kita tidak berdengki. Saya sebagai Ahli Parlimen mahukan masyarakat India berjaya.

Saya bagi tahu dan keluar dalam akhbar, saya mahu masyarakat India berjaya, sama berjaya dengan masyarakat Melayu. Saya sayang kepada mereka. Apa salah? *[Tepuk]. There is no problem you know*, dengan izin. *You all* ini..., tuan-tuan, Yang Berhormat parti Pembangkang, yang membuat cerita seolah-olah kita pemimpin Barisan Nasional ataupun daripada kerajaan tidak prihatin kepada masyarakat yang bukan Melayu. Ini tidak betul, ini fitnah...

**Seorang Ahli:** Fitnah jahat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Fitnah jahat. Jangan main jahat-jahat itu. *[Ketawa]* Yang Berhormat Kuala Lipis.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini, saya hendak bertanya sahaja, hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Semasa pemerintahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Pakatan Rakyat, pemberian geran. Pecahan, Melayu 27.66%, iaitu sebanyak 35,663 geran; Cina 57.49%, iaitu



sebanyak 74,125 geran; India 14.85%, iaitu sebanyak 19,146 geran. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Salak tentang perkara ini?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saudara saya Yang Berhormat Lipis, baru-baru ini pun Menteri di Jabatan Perdana ada diumumkan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu fakta saya rasa tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar, Yang Berhormat Beruas, sebentar. Dia tidak bagi jalan lagi, Yang Berhormat. Tidak bagi jalan lagi. *[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu tidak betul. Kami yang mentadbir negeri Perak, kita tahu. Itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** ...saya tanya Menteri Besarlah, bukan *you*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruslah, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tolong duduk Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mana ada ikut peraturan. Mesyuarat di Perak pun naik atas meja. Mana ada ikut peraturannya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, 36(12).

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua? Hendak tunjuk peraturan, dia sendiri tidak mengikut peraturan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Any member who refutes statement that mislead the House is deemed to be in contempt of the House and the member may be referred to the committee of privileges for this offence. [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang mana satu, Yang Berhormat? Fakta yang mana satu?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Lipis katakan tadi, semua peratusan itu dari manakah? Angka...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Saya tanya sahaja, betul atau tidak...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu angka rekaan sendiri. Itu...*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah, cukup...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Biarlah Yang Berhormat Pasir Salak yang menjawab, bukan Yang Berhormat Beruas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, ya. Cukup itu, *You have recited* 36(12), saya akan lihat dan saya akan buat keputusan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tahu dari mana angka-angka itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bukan hendak tahu, Yang Berhormat Beruas minta agar Yang Berhormat Lipis dihantar ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan *over the figure* yang dia bagi. Baik, cukup setakat itu...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya menerima 36(12) daripada Yang Berhormat Beruas tetapi saya sendiri pun *cannot verify* mana satu daripada Yang Berhormat Lipis. Saya sendiri pun tidak boleh sahkan sama ada Yang Berhormat Lipis memberi *figure* yang salah. Biarlah kementerian kelak menjawab dalam perkara ini, ya? *So*, tidak sampailah ke tahap untuk rujuk Yang Berhormat Lipis kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi kalau begitu, kita tidak tahu lagi fakta itu benar atau tidak, ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak apa, jadikan itu sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Ipoh Timur punya fakta betul?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi maksudnya, kita tidak boleh lagi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okeylah, terima kasihlah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:**...Membuang masa dalam isu ini...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Kerana nanti Yang Berhormat Pasir Salak pula yang membuat banyak lagi perkara yang salah ataupun bagi fakta yang silap dalam Dewan ini.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga saudara saya Yang Berhormat Beruas yang cuba nak mengajar dari segi aturan peraturan mesyuarat. Kalau hendak mengajar, berilah contoh yang baik. Saya tengok dalam *tape* yang direkodkan apa yang berlaku di Dewan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Berilah *chance* saya bercakap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Pasir salak, kalau melainkan Yang Berhormat Pasir Salak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini, Yang Berhormat. Tidak boleh, dia berucap, kalau Yang Berhormat hendak berucap, hendak mencelah, kena minta izin, Yang Berhormat. Tidak boleh buat macam ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, *he cannot impute bear faith on my part.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan perbahasan, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dia tak boleh kata saya ini tak baik dan saya ini tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu jika menyentuh sifat. Tak ada pun menyentuh sifat individu di sini. Tak ada, saya mendengar ucapan, kalau mana-mana Ahli Parlimen saya akan tegur, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, saya beri tahu, Yang Berhormat Beruas, silap, tak jaga betul-betul, melepaskan. Dapat dekat orang lain. Cuba jaga betul-betul hari itu, tapi kurang-kurangnya dah dapat Dato' okeylah. Tahniah, ya? Kita ucap tahniah juga. Seorang dapat Dato' Sri...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dapat dekat perompak itu *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Pokok Sena pun dah dapat, apa bising lagi? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada perkara yang berbangkit, iaitu... *[Dewan riuh][Ketawa]* Dah jadi Naib Presiden berlagaklah macam Naib Presiden. Ini Pokok Sena Tuan Yang di-Pertua...

■1530

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang lain itu diamlah, Yang Berhormat. Diamlah ya. Biarkanlah Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Perangai itu biarlah elok sedikit.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Budak-budak lari keluar tengok perangai Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia tengok perangai sebelah sana itulah. Itu sebab dia lari. Perangai loklak itu. *[Ketawa]* Loklak tahu? Loklak. Permatang Pauh tersenyum sebut loklak.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Yang Berhormat bukan loklak sahaja, pelak terus. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Perdana Menteri telah membuat dasar kata kita perlu mendapatkan FDI, perlu mesra perniagaan, dilakukan dengan membuat liberalisasi. Walaupun

itu merupakan langkah yang mencabar bagi beliau kerana ada pihak-pihak yang tidak bersetuju termasuk rakan-rakan juga tidak bersetuju di antaranya, memberi peringatan kepada beliau.

Kita takut ada bahagian-bahagian daripada gagasan perjuangan kita mungkin akan terganggu dan terganggu. Akan tetapi, namun begitu oleh kerana beliau telah diberi kepercayaan sebagai pemimpin untuk menerajui kerajaan dan negara kita ini, kita perlu memberikan kesempatan kepada beliau. Itu caranya. Bukan? Jadi dengan sebab itu kita berikan kepercayaan dan alhamdulillah, kita dapati dalam tempoh beberapa minggu ini, kita melihat perkembangan yang positif.

Positif di mana kita lihat bursa saham juga yang menandakan petunjuk kedudukan ekonomi negara telah bertambah baik dari segi prestasi di bursa saham. Kalau reti saham, tetapi Pokok Sena mana reti saham. Dia tidak tahu bab-bab saham ini. Bursa saham dia tidak reti. Dia cerita hendak bersyarah sahaja, pergi menghasut di kampung-kampung. Itu sahaja kerja dia. Jadi, ini petunjuk. Kalau tidak tahu, belajar. Petunjuk ekonomi, tahu? [Disampuk] Merapu apa lagi? Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Menyampuk]

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [Menyampuk]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia jatuh dahulu, Pasir Salak diam.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga Yang Amat Berhormat mengambil tindakan yang pantas untuk mengangkat ataupun menyuntik satu kekuatan ekonomi di dalam negara kita dalam menghadapi krisis ini dengan *stimulus package* yang pertama dan kedua. Yang pertama, RM7 bilion, yang kedua RM60 bilion. Apakah ini bukan satu perkara yang besar yang dibuat oleh seorang pemimpin kerajaan? Apakah kita hendak melihat seorang pemimpin kerajaan tidak berbuat apa-apa terhadap apa yang dihadapi oleh ekonomi negara? Yang ini yang bukan hasil daripada kerja tangan kita. Ini apa yang berlaku di dunia, krisis ekonomi dunia. Apa yang berlaku di Amerika, apa yang berlaku di Barat?

Kerakusan orang-orang di Barat dan juga di Amerika yang menyebabkan ekonomi di seluruh dunia begini keadaannya termasuk Singapura. Singapura bukan Malaysia sahaja. Dahulu pihak pembangkang mengagung-agungkan Singapura. Kononnya *Singapore* adalah sebuah negeri yang lebih berjaya daripada Malaysia tetapi hari ini ekonominya *constrict*, menguncup lebih daripada 10%. Ia rugi berpuluh-puluh bilion. Temasik Holding rugi berbilion-bilion. Apa yang hendak dibanggakan dengan Singapura?

Dahulu ada daripada DAP, ambil contoh *Singapore*. Sekarang *Singapore* ini tersepit tahu? Mereka memerlukan pasir. Saya kesal dengan Kerajaan Pakatan di Perak yang mengeluarkan pasir beratus-ratus lori sehari semasa mereka memerintah. Betul kah tidak, Yang Berhormat Bukit Gantang?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apa salah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa salah pula? Tidak boleh jawab? Ada jawab, sila.

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** Saya minta supaya Pasir Salak mengemukakan fakta-fakta yang jelas. Itu satu tuduhan yang tidak dapat dibuktikan oleh kerana pengeluaran pasir itu dikendalikan dan juga dikawal oleh Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku, saya diberi laporan berapa banyak, beratus-ratus lori, berdebu naik macam debu puting beliung di masa Kerajaan Pakatan. Menteri Besar pejamkan mata. Bukan *close one eye, close two eyes*. Dua-dua mata dipejamkan di atas penyelewengan yang berlaku. Memang Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan tetapi kenapa boleh diseludupkan, dijual ke Singapura? Kenapa?

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** Ya, ini adalah kalau...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu sebabnya tidak diizinkan oleh Allah SWT untuk memerintah lebih lama. *[Disampuk] [Tepuk]*

**Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]:** Saya minta Pasir Salak jelaskan dengan sejelas-jelasnya oleh kerana ini adalah mengikut kuota yang dibenarkan oleh beberapa agensi dan kementerian kerajaan dan kita mengikut kuota-kuota tersebut.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih banyaklah. Saya rasa Yang Berhormat Bukit Gantang sudah beri jawapan bagi pihak saya. Betul tidak? Terima kasih banyak. Inilah dianya. Kita menyokong kalau sekiranya hendak bantu orang miskin.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini apa pula Shah Alam bangun ini?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak tanya, penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum lagi habis jawab sana.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak penjelasan, hendak penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nanti sekejap. Kita setuju tolong orang miskin tidak kira Melayu atau Cina, siapa pun rakyat Malaysia kita kena tolong. Saya sokong. Kalau ada orang-orang, menteri atau pemimpin Kerajaan Barisan Nasional yang menindas orang miskin Cina, India, saya orang pertama akan melawan. Tahu? *[Tepuk]* Tidak payah Pakatan. Jadi dengan sebab itu jangan buat benda yang begitu yang dikatakan memperjuangkan untuk rakyat. Kita sudah buat. 7 ribu peserta PPRT, rakyat termiskin di Perak ditanggung oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tahu tidak?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bukan dengar saya bercakap pun, tiba-tiba hendak mencelah sahaja.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengar-dengar. Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Pasir Salak, kalau ada orang Cina ataupun orang India miskin yang ditindas, tidak perlu Pasir Salak bela, tidak perlu Pakatan Rakyat bela. Rakyat sendiri sudah bangun dan mereka sendiri telah memilih Pakatan Rakyat untuk memerintah negeri Perak. Pembelaan oleh rakyat sendiri menuntut keadilan.

Yang Berhormat boleh kata kita adil tetapi akhirnya rakyat yang menghukum dan inilah sikap dan sifat pemerintah yang angkuh. Setelah rakyat sudah beri satu pengajaran dan satu isyarat yang jelas, kamu zalim, kamu diganti, kamu diturunkan, mereka mengambil satu tindakan merompak kuasa dari pintu belakang. Tidak perlu hendak bela-bela, rakyat sendiri sudah pandai bela sekarang ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidak percaya, Yang Berhormat Pasir Salak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...bubar Parlimen.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar kita tengok siapa yang sebenarnya kehendak dan pilihan rakyat, kalau berani.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Peluang telah diberikan kepada Yang Berhormat Shah Alam bertanding tetapi kalah. Orang PAS sendiri tidak terima.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya respons kepada itu?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dasar-dasar yang dibuat oleh Shah Alam tidak diterima oleh kawan-kawan sendiri pun.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya respons? Ringkas sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ada jawab lagi?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada, ada

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat elok juga kalau tidak ada...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini Pokok Sena hendak bantu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar saya jawab, biar saya jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pokok Sena hendak bantu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pokok Sena, biar saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Pokok Sena sama Shah Alam...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar saya jawab, *please*, Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak bagi jawab. Dia dahulu?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Please*, beri jalan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong bantu Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak payah bantu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pokok Sena tolong bantu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia bagi saya. Ha, bagi, bagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi ada wartawan di luar, dia cakap dengan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, perlu lagi ada Speaker duduk di sini?  
[Ketawa]

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Amat perlu, Tuan Speaker, minta maaf. Tadi ada wartawan dia cakap dengan saya pimpinan PAS ini cukup hebat sampai begitu ramai pilihan, orang hebat macam Yang Berhormat Shah Alam pun tidak boleh menang. [Disampuk] Akan tetapi UMNO cukup punya teruk sampai Pasir Salak pun boleh menang. [Ketawa] [Tepuk] Saya kalah oleh kerana pilihan yang ada pada PAS cukup hebat. 54 orang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, saya hendak jawab pasal dia tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu mahu jawab tetapi ini sudah soal parti ini, bukan soal lagi peruntukan...

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sudah kalah, cakap kalahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah soal parti.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Timbul lagi. Saya hendak *smash* sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Salak jangan respons kepada soal parti tadi itu. Soal peruntukan yang telah dipinda daripada kementerian ke kementerian yang telah dinamakan semula. *Confine* kepada itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi kah, Yang Berhormat? Ramai lagi rakan-rakan yang hendak bercakap juga.

#### ■ 1540

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya mengambil contoh daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Dia bagi...bercakap panjang-panjang sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Tidak apa Yang Berhormat. Contoh yang tidak baik itu jangan diikuti.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, saya akan cuba. Saya cuba. Yang Berhormat Shah Alam sudah bangun lagi.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Penjelasan. Ini penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini, dia kata kalah pun satu kejayaan. *[Ketawa]* Ini logik mana yang dipakai ini? *[Ketawa]* *chemistry* mana ini? Apa yang saya tahu dia kelulusan *chemistry*. Jadi kalau macam ini saintis jadi gila kita semua. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** 36(12), dia mengelirukan Dewan. Saya bukan kelulusan *chemistry*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lulusan apa? Fizik? Tolong beritahu kelulusan apa?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebelum cakap kena tanya dahulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kelulusan apa?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak menyatakan satu kejayaan. Saya mengatakan dalam PAS, ramai pemimpin yang hebat-hebat.

**Seorang Ahli:** Sudahlah. Sudahlah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan macam dalam UMNO. Minta maaf ya, ini wartawan cakap sampai Yang Berhormat Pasir Salak boleh menang dia kata.

**Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]:** Sudah kalah, sudahlah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 35. Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua buat rundingan untuk perbahasan usul Menteri Kewangan, berapa lama seseorang boleh bercakap sebab banyak lagi yang hendak bercakap dan masa tidak ada. Kita ada minggu depan dan apabila kita sampai giliran berucap, 10 minit, yang tidak ada had berucap ini ialah Ketua Pembangkang. Itu keistimewaan, yang lain-lain ini mengambil masa jadi untuk itu saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tidak larat hendak dengar. Saya hendak keluar. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersimpati dengan sahabat saya Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas tidak mahu dengar saya punya...

**Seorang Ahli:** Rulling. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mahu *raise point of order* terus keluar. *[Ketawa]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Minta maaf, saya hendak dengar. Memanglah, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tengah hari seperti begini elok juga kalau ada perbahasan yang agresif sedikit supaya kita semua tidak mengantuk. Akan tetapi



saya suka ingatkan bahawa perbahasan kita adalah berpunca daripada usul yang peruntukan itu pun sudah diperuntukkan. Mungkin telah pun dibelanjakan, cuma apabila Perdana Menteri merombak Kabinet lepas itu menamakan kementerian-kementerian sudah ada kepada nama lain, cuma meminda itu sahaja. Jadi kita dengar daripada Yang Berhormat Ipoh Timur semua yang perlu dibangkitkan telah pun dibangkitkan. Yang Berhormat Pasir Salak sekarang membangkitkan. Saya nampak daripada *body language*, ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap. Kalau Ahli Yang Berhormat yang lain itu ingin bersikap adil seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, tolonglah singkatkan kepada *point* mana sahaja. Jangan lagi libatkan dengan parti siapa bertanding, mana dan sedemikiannya. Bagi saya kesimpulan saya siapa yang berada dalam Parlimen ini sebagai wakil rakyat semua hebat-hebat belaka. Ketua Pembangkang mahu bercakap lagi kan? Dia sudah mengangguk tetapi dia akur kepada Tuan Yang di-Pertua. Dia senyum, paksa senyum pun. Yang Berhormat Pasir Salak *confined to...*lepas itu...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit lagi lima minit ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mahu esok lepas ini Menteri menjawab kerana saya mahu berapa akta mustahak yang kita akan bincang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas saya siapa berucap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti saya panggillah siapa yang boleh berucap. *[Ketawa]* Itu biarlah saya menentukan nanti. Sila teruskan. Sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, saya kalau Ketua Pembangkang berucap, saya hendak tamatkan lebih awal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau mengikut protokol dia seharusnya yang saya panggil Ketua Pembangkang dahulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, esok, Menteri jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mahu Menteri menjawab esok kerana ada lagi akta-akta banyak yang kita belum bincang.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Telok Intan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Adakah hal ini akan dilanjutkan masa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu nanti saya akan berfikir. *I will cross the bridge when I come to it.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Okay, thank you very much.* Saya cuba pendekkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkan supaya berlaku adil kepada Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Seorang Ahli:** Ya...ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tamat sahajalah tidak perlu pendekkan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Memang dia tidak adil Yang Berhormat Pasir Salak itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sudah sebenarnya cuba memperbaiki cara kita berucap dalam Dewan ini, itu sebab saya *go slow and steady*. [Ketawa] Mengambil masa sedikit. Dia kereta sudah lama tahu tidak? Dia *slow and steady* dan berilah sedikit peluang saya pun tidak pernah mengambil dalam masa sesi-sesi yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada ambil masa berucap panjang-panjang. Yang Berhormat Pasir Mas sahabat saya. Saya rasa berapa kali dia dapat peluang berucap panjang-panjang. Saya jarang-jarang. Kadang-kadang. [Ketawa] Itu perkataan P. Ramlee.

Inilah sekali pun peluang. Berilah peluang. Tadi kata dengar Yang Berhormat Ipoh Timur dum dam dum dam macam hendak runtuh langit ini. Kita dengar ya, jadi saya walau macam mana pun untuk pernyataan sahaja. Saya tidak hendak bercakap lebih panjang. Saya hendak menghormati Yang Berhormat Permatang Pauh daripada Parti Pembangkang, sahabat saya untuk berucap dengan masa yang secukupnya.

Akan tetapi janganlah bantai kuat sangat ya? Bantai sikit-sikit sudahlah. Kita pun serba salah apabila dia bantai kuat kita hendak balas balik pun kawan lama. Ya, tidak? Hendak respons sedikit nanti, fikir juga. Itu dia dengar juga tidak saya cakap itu, dia berbisik pula dia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita berada di dalam Dewan Rakyat ini melakukan ibadah. Satu ibadah kepada Allah SWT. Saya memperingatkan diri saya dan juga rakan-rakan sekalian. Bergurau senda mengkritik dan sebagainya, itu sebahagian daripada tugas kita. Akan tetapi kita melakukan sebahagian daripada amal ibadah kepada Allah SWT. Saya tidak mengatakan kepada pihak sesiapa, saya memberi peringatan kepada diri saya.

Biarlah kita gunakan tempat dalam Dewan ini untuk mewujudkan kestabilan di dalam negara kita ini supaya negara kita ini boleh dibangunkan. Generasi muda ini dapat pembelaan. Kita sudah mendapat kejayaan, duduk di dalam Dewan ini sebagai wakil rakyat. Wakil rakyat, sebagai profesional, sebagai itu dan ini. Akan tetapi masa depan generasi muda ini terletak daripada apa yang akan dibincangkan dan dibahasakan dalam Dewan ini dan kalau masa di dalam Dewan ini habis dengan kata nista, dengan mencemuh, dengan membuat fitnah, tohmah di antara satu sama lain, mana masa kita hendak membincangkan dan menghasilkan buah fikiran yang bernas untuk masa depan negara. Mana dia?

Kita jangan jadikan *Parliamentary Democracy* ini sebagai satu medan untuk menunjukkan gah masing-masing. Yang Berhormat Ipoh Barat dengan cara menunjukkan keangkuhan.

Keangkuhan, ketakburan seolah-olah dia seorang Ahli Parlimen yang empat, lima penggal, dialah jaguh. Dialah paling pandai.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Memang dialah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, seolah-olah dialah jaguh, dialah yang handalnya. Dia tidak perlu dengar cakap orang lain. Orang lain mesti dengar cakap dia satu sahaja. Ini saya rasa berlaku tidak adil kepada generasi muda kita, kepada anak-anak kita yang menunggu apakah hasil...

**Seorang Ahli:** Sendiri syok.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...yang kita ada, boleh dapati daripada perbincangan kita di dalam Dewan ini. Kita menghadapi krisis ekonomi. Kita berhadapan dengan globalisasi. Kita perlu meningkatkan *competitiveness* negara kita persaingan dengan negara lain. Kita menghadapi persaingan, kita tidak mahu negara kita ini ekonomi negara kita ini dijajah oleh bangsa lain melalui proses globalisasi. Kita mahu memikirkan strategi dan tindakan. Sumbangan daripada Pembangkang adalah amat penting.

**Seorang Ahli:** Berceramah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, ceramah. Apa salah berceramah. Yang Berhormat Ipoh Barat kalau tidak mahu dengar keluar. *Out* dengan izin. *[Ketawa]* Bubar Parlimen, bubar Dewan. Pakai lilit kepala. Tidak hormat kepada Perlembagaan. Mahkamah pun mereka tidak boleh terima. Kalau mahkamah buat keputusan yang memihak kepada mereka, bagus, peguam bagus. Kalau tidak memihak kepada mereka, peguam dibeli, dirasuah. Inilah perangai DAP. Yang Berhormat Ipoh Barat, itu lagi seorang itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, sekejap tadi janji sekejap sahaja.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini dia *liatah*, dia *liar*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bingung Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mereka bagi inspirasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap-sekejap lembut, sekejap-sekejap keras.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Pasir Salak naik angin.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia kalau lembut selalu, sekali-sekali kena keras. *[Ketawa]* Keras lepas itu lembut balik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, minta bentara bagi ubat pada dia. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini ubat nampak.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Control pressure* dia.

■1550

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bekerjasama. Apa salahnya. Soal Kerajaan Negeri Perak esok menang Pilihan Raya ke-13, betullah kerajaan. Apa salah kalau boleh menang, kita tidak halang. Lawan, lawan tetap lawan.

Demokrasi, pasal apa hendak bubar Dewan dalam keadaan sekarang? Kita tengah berkuasa.  
*[Ketawa]*

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita berkuasa, hendak bubar itu kerja bodoh!

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat kami menang, rompak pula, rampas pula.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Minta penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Perompak!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini hendak tuduh siapa yang merompak? Dalam Perlembagaan telah disebut, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak menyebutkan bahawa bagaimana caranya Dewan hendak dibubarkan? Jadi apabila mempertikaikan soal Dewan ini dibubarkan tidak dibubarkan, bermakna mempertikaikan kuasa yang ada di dalam Perlembagaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini telah ditafsirkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Jangan dengan Sultan Tuanku, Tuanku, belakang menderhaka kepada Tuanku. Menyokong kah tidak Institusi Raja-Raja Melayu?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** UMNO yang tidak sokong Raja. UMNO yang hina Raja dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi dengan sebab itu...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kerajaan Negeri Perak...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya?

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** ...Minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, tidak, tidak. Saya hendak gulung, hendak bagi Yang Berhormat Permatang Pauh berucap.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Hendak lari, hendak lari.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Takut...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh hendak bagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat, kalau boleh tolong gulungkan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, saya hendak gulung ini. Kalau tidak nanti saya gulung Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Gulung Yang Berhormat Pasir Salaklah, gulung Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak hendak bagi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hendak suruh saya gulung ucapan ke hendak suruh saya gulung Yang Berhormat? Pilihlah antara satu sama lain. *[Ketawa]*

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak hendak bagi kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak bagi?

**Seorang Ahli:** Hai?

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Dia bagi laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang akhir saya yang buat keputusan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mencabar kuasa Speaker.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Kalau takut tidak apalah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Don't hide behind the Speaker.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Inilah tuduhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat, tidak apalah Yang Berhormat. Gulunglah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak gulung...

**Tuan Yang di-Pertua:** Denyutan jantung saya turun naik ini Yang Berhormat. *[Ketawa]* Kesihatan saya terjejas. *[Ketawa]* Tolonglah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita boleh panggil doktor. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, itulah kesimpulannya tadi. Kita hendak kebaikan bagi negara kita dan juga rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Marilah kita bekerjasama dengan memberikan idea, memberikan cadangan dengan yang baik lagi bernas. Ini sudah setahun lebih kita selepas pilihan raya yang lalu. Masih bercakaran, isu politik masih lagi menggugat antara satu sama lain.

Kalau boleh hendak tengok Kerajaan UMNO ini tumbang sekarang. Tunggulah pilihan raya akan datang. Lawanlah, kalau menang, menanglah, kalau kalah, kalahlah. Terima hakikat begitu. Ini bubar Dewan. Kalau bubar Dewan Perak pun esok sudah kalah tidak menerima keputusan pilihan raya. Akan tergugat lagi!

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, dua minit lagi Yang Berhormat, dua minit lagi. Jam empat saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya betul. Jadi dengan sebab itu, saya ucap terima kasih sekali lagi kepada Tuan Speaker yang telah bermurah hati bagi peluang saya berucap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Ya, dan juga kepada rakan-rakan daripada sebelah sana yang sudi bertanya-tanya soalan kepada saya. Saya minta maaf kalau tidak dapat menjawab dengan penuh ya. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Perasan hendak jadi Menteri, Yang Berhormat, perasan lebih. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya tengok peraturan, kalau boleh saya jawab dengan bertulis, saya jawab bertulis... *[Ketawa]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sudah makan ubat Yang Berhormat? Ini sudah makan ubat kah ni?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Kalau tidak... terima kasih, *assalamualaikum*. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila.

**3.54 ptg.**

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyatakan pada prinsipnya sokongan terhadap usaha Kementerian Kewangan untuk mengalihkan dan memindahkan peruntukan berdasarkan perubahan jabatan dan kementerian yang diumumkan oleh Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, ada beberapa pertimbangan serius yang harus kita berikan.

Kita semua akui dan negara hadapi kemelut ekonomi dan walaupun ada beberapa pengakuan seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak, bahawa keadaan lebih baik setelah pakej rangsangan diumumkan, kenyataan itu tidak begitu. Ini diakui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa penguncupan lebih parah daripada sebelum pengumuman Pakej Rangsangan. Baik yang pertama atau yang kedua. Mungkin bukan semuanya berpunca dari faktor domestik, tetapi kenyataannya dengan pengaruh permintaan yang sangat berkurangan, ia amat membimbangkan.

Ada beberapa perkara yang harus diberikan perhatian oleh Kementerian Kewangan dalam keadaan kita menghadapi kemelut sekarang. Pertama, peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri jelas menunjukkan sikap dendam kesumat masih berterusan. Walaupun Perdana Menteri menyebut Satu Malaysia, dan rakan-rakan daripada Ahli Yang Berhormat Barisan

Nasional minta kita supaya memberi sambutan yang positif, saya hendak beritahu bahawa laungan slogan ini, slogan murahan yang tidak dituruti dengan amal. Saya beri contoh, mengikut peruntukan per kapita mengikut negeri-negeri, negeri-negeri yang terbawah peruntukan, paling rendah ialah Pulau Pinang, kedua rendahnya Kedah, ketiga rendahnya Kelantan, keempat Selangor, kelima Perak.

Negeri-negeri Pakatan Rakyat duduk di tahap paling rendah dari segi peruntukan Kerajaan Persekutuan. Apa alasan boleh diberikan? Terutama bagi negeri yang miskin seperti Kelantan dan Kedah, diparas yang begitu rendah peruntukan walaupun yang diuar-uarkan itu Satu Malaysia. Perak kerana semasa mereka merangka, mereka fikir mereka masih belum berjaya menawan, maka Perak daripada segi peruntukan per kapita - 230, Selangor - 221, Kelantan - 179, Kedah - 172 dan Pulau Pinang - 119.

Mengapa harus dihukum rakyat begitu rupa? Saya tidak menafikan keperluan kita menambah peruntukan negeri-negeri terutama negeri-negeri yang miskin. Terengganu, mahupun kawasan Pahang, Sabah dan Sarawak. Akan tetapi dasar yang jelas tidak telus dan menunjukkan dasar yang *discriminative*, gunalah KPI apa pun yang telah diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, KPI apa? Kalau kerangka dasar itu sendiri tidak menunjukkan kita mengambil sikap yang telus dan adil.

Jadi, ketika kita bicarakan soal pemindahan penguntukan semula peruntukan perbelanjaan, kita harus mengambil kira beberapa salah laku, tindakan *discriminative* yang dilakukan terus menerus. Kalau kita bandingkan dengan sebelumnya, ini tidak pernah berlaku begini. Corak perubahan peruntukan ini hanya berlaku setelah rakyat memilih Pakatan Rakyat di negeri-negeri berkenaan.

Saya harap Kementerian Kewangan dapat meneliti dan memperbaiki kerana zalim kita untuk menghukum rakyat semata-mata kerana mengambil keputusan dan kebijaksanaan memilih parti atau calon yang mereka dukung. Semua yang memilih Pakatan Rakyat atau UMNO Barisan Nasional dikenakan dengan sistem percukaian yang sama. Maka peruntukan itu harus lebih telus dan adil.

Perkara kedua yang saya hendak sebut di sini ialah tentang keperluan kita untuk melihat semula Pakej Rangsangan dan kaitannya dengan peruntukan perbelanjaan tahunan. Kalau kita lihat jumlah pakej rangsangan itu sudah mencecah RM67 bilion. Sudah sampai ketikanya di mana Menteri Kewangan memberikan sedikit perhatian menilai semula peruntukan yang diumumkan dan langkah-langkah yang diambil kerana isu ini bukan isu yang menyentuh kepentingan parti berkuasa semata-mata, tetapi masa depan negara kita.

Berbeza dengan negara-negara lain termasuk negara China yang memberikan peruntukan besar dalam pakej rangsangan ini. Jumlah yang disebut oleh Menteri itu sebenarnya cukup mengelirukan dan tidak tepat. Saya ingin merujuk beberapa kajian selain di KPRU juga dari MIER...

## ■1600

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan sedikit boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saudara Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Permatang Pauh, di mana peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang diberi kepada Kerajaan Pakatan Rakyat khususnya di Perak telah digunakan untuk kepentingan politik parti, iaitu mereka yang menjadi pelaksana kepada projek-projek ini memberitahu kepada penerima bantuan, penerima projek dan juga masyarakat sekeliling bahawa ini adalah peruntukan projek daripada Kerajaan Pakatan Rakyat.

Ini saya hendak beritahu dan ini menyulitkan kalau sekiranya menjadi amalan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau betul mahu ikhlas, apabila menerima peruntukan projek daripada Kerajaan Pusat, beritahulah kepada penerima dan masyarakat bahawa ini peruntukan Kerajaan Pusat. Ini maklumat saya hendak buat tarik perhatian kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Duduk dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bicara hari ini untuk membeza-bezakan Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Saya sebut di sini, peruntukan yang diberikan itu, peruntukan Kerajaan Persekutuan, umumkanlah. Rujukan di bawah Kementerian Pelajaran, umumkanlah. Ia tidak ada kena-mengena dengan kerajaan negeri. Akan tetapi jangan menghukum rakyat terutama negeri yang miskin.

Pulau Pinang adalah negeri yang memacu pertumbuhan, yang membanggakan adalah benar. Bekas Ketua Menteri pun ada. Akan tetapi tidak kesemua rakyat Pulau Pinang itu di tahap dan di paras kehidupan yang baik. Apabila mengambil keputusan mendera, penderaan itu melibatkan masyarakat luar bandar dan majoritinya Melayu. Tengok peruntukan, Pulau Pinang 1.3% daripada jumlah peruntukan. Yang sedih apabila kita lihat Kedah dan Kelantan, negeri yang miskin. Kalau Yang Berhormat Pasir Salak bangkitkan bahawa peruntukan ini disebut akan disalahgunakan oleh Pakatan Rakyat, ini tidak munasabah. Saya pernah duduk di kerusi itu.

Peruntukan Kementerian Kewangan atau kerajaan mesti ikut peraturan-peraturannya. Terpampang di mana-mana, satu lagi projek Barisan Nasional, semua orang tahu. Ini bukan isu yang saya hendak bahaskan pada hari ini. Isu yang dibahaskan ialah, mengapa didera rakyat miskin semata-mata kerana mereka memilih menyokong Pakatan Rakyat? Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, 36(12). Tidak pernah kita di Pakatan Rakyat Negeri Perak seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, semua peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan diagihkan melalui agensi Kerajaan Persekutuan.



Oleh sebab itu saya ingin mengatakan, bahawa tidak pernah Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Perak menyatakan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak, bahawa kita akan berbohong kepada rakyat iaitu wang peruntukan Kerajaan Persekutuan itu datang daripada Kerajaan Pakatan Rakyat.

Oleh yang demikian, melainkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak ditarik balik dengan memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini dan melainkan beliau dapat membuktikan bila masa Kerajaan Pakatan Rakyat pernah berbohong kepada rakyat. Saya memohon agar beliau dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana dalam perdebatan yang saya nampak tadi, banyak fakta penipuan ataupun fakta yang tidak betul telah dinyatakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas, bolehkah saya ditolong supaya kepala saya yang sakit ini tidak sakit lagi? Duduk Yang Berhormat Beruas. Apabila dalam perbahasan begini Yang Berhormat Beruas berdiri, yang sedang berucap seorang wakil rakyat iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh – Ketua Pembangkang. Apa yang akan dihujah itu mesti ada kaitan dengan penjelasan. Bukan untuk berbahas kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang lain.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau pun bercakap, ikutlah peraturan mesyuarat. Kalau kita..

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak, *point of order*. Maksudnya *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang baru *point of order*, apabila sudah bercakap lebih kurang 5 minit!

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tadi saya nyatakan 36(12), saya sudah nyatakan bahawa Yang Berhormat Pasir Salak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Beruas, duduk dahulu. Siapa yang membangkitkan peraturan mesyuarat yang menyalahgunakan, menyeleweng Dewan ada tiga syarat. Ia harus dipenuhi. Pertama, yang buat kenyataan itu, dia tahu kenyataan itu adalah tidak betul dan dia sengaja buat tidak betul. Kedua, apabila dia sedar bahawa kenyataan itu tidak betul, kalau dia tidak berniat tidak betul maka dia boleh tarik balik. Jadi soal-soal seperti begitu, apabila kamu berdiri untuk mengeluarkan peraturan mesyuarat, tolonglah fahami peraturan mesyuarat itu.

Jadi itu tidak ada kena-mengena. Apabila berdiri mintalah penjelasan dari Yang Berhormat Permatang Pauh seperti begini, "Setujukah Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu adalah tidak betul kerana menyelewengkan fakta?" Supaya Yang Berhormat Permatang Pauh boleh jawab. Kaitkan kerana yang mendengar ini semua penuntut yang juga mahu tahu macam mana prosedur Parlimen. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh teruskan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas, tolonglah Yang Berhormat Beruas duduk.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang kedua iaitu tentang pakej rangsangan yang diumumkan. Umumnya kita dalam perbincangan memang menyokong keperluan mengadakan pakej rangsangan dalam keadaan menghadapi kemelut ekonomi sekarang.

Akan tetapi setelah meneliti semula secara terperinci dan saya percaya rakan-rakan di Kementerian Kewangan dan Khazanah Negara akan meneliti, ternyata apa yang disebut sebagai pakej rangsangan itu tidak menepati maksud pertama. Di negara China sebagai contoh, bila diumumkan pakej rangsangan, dijelaskan peruntukan besar ialah di kawasan yang dilanda mala petaka puting beliung sebelumnya dan menelan sekian belanja. 40% daripada seluruh peruntukan, 30% dan 35% lainnya untuk infrastruktur luar bandar, desa, pedalaman seluruh negara China. Jadi 75% itu cukup jelas. Kita bandingkan dengan Malaysia.

Apa yang disebut dari RM60 bilion ini, yang nyata untuk peruntukan pembangunan infrastruktur hanya RM15 bilion. Yang lain termasuk RM10 bilion untuk *ValueCap, injection* kepada pasaran saham. RM25 bilion untuk gerenti jamin bank yang belum berlaku dan hanya akan berlaku sekiranya tersangkut ataupun permasalahan berlaku di dalam bank. Ini semua dimasukkan supaya jumlah itu kelihatan besar. Akan tetapi kesan langsungnya hanya pada projek yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi di peringkat bawah atau peringkat negeri. Ini tidak berlaku dan ada cukup kajian setakat ini yang memberikan angka-angka yang dapat memperkukuhkan hujah kita.

Oleh yang demikian, pendekatan yang diambil dan pengumuman yang dibuat itu bukan sahaja tidak menepati tetapi saya percaya mengelirukan. Sekiranya ini dapat diteruskan dengan memberikan andaian begitu, semua orang, Yang Berhormat Pasir Salak kalau berucap di Pasir Salak iaitu di Hutan Melintang, tidak ada cerita lain RM60 bilion, RM60 bilion. Jadi orang dengar, kagum bukan main.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hutan Melintang bukan Pasir Salak Yang Berhormat, Bagan Datok.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, Bagan dekat, dekat. Jadi, oleh yang demikian saya hanya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat semula kerana berbeza dengan pakej rangsangan yang dilakukan oleh negara jiran terutamanya negara China, saya perhatikan pakej rangsangan itu tidak tertumpu pada usaha menjana pertumbuhan. Ia masuk jumlah besar jaminan bank. Masuk dalam soal *ValueCap* yang dipertikai dari segi ketelusan pelaksanaannya, terutama bila ia bercanggah dan *conflict of interest*, kepentingan-kepentingan syarikat tertentu yang sengaja mahu didukung.

■1610

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Sedar ataupun tidak Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa apa yang disebut tadi agak *misleading*. Contohnya disebut tadi bahawa dana yang telah diketepikan untuk *guarantee fund* ataupun dana yang dijamin melalui sektor kewangan itu tidak ada kesan secara langsung kepada ekonomi dan hanya perbelanjaan kerajaan itu ada kesan yang secara langsung kepada ekonomi. Akan tetapi *impact* daripada dana yang dijamin ini sebenarnya adalah untuk memberi *liquidity* ataupun dana kepada sektor swasta untuk buat pelaburan. Antara masalah kita untuk menjana ekonomi adalah kita terlalu bergantung pada perbelanjaan kerajaan sebab itu sektor swasta kena ambil alih. Ini adalah satu perkara yang Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri tahu sewaktu menjadi Menteri Kewangan.

Jadi, dalam Pakej Rangsangan Kedua ini kerajaan telah kemukakan satu pakej bukan hanya bergantung pada perbelanjaan kerajaan ataupun *government expenditure* dengan izin, tetapi juga untuk merangsang *investment* daripada *private sector*. Oleh sebab itu kita ada dana yang terjamin ataupun *guaranteed fund*. Jadi saya tidak berapa bersetuju bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh katakan tadi bahawa sebahagian besar ini tidak ada kesan langsung. Sudah tentunya sebahagian besar ini ada kesan secara langsung kepada perbelanjaan sektor swasta dan dalam *multiply effect* kepada ekonomi. Terima kasih.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih dapat jawapan daripada “Timbalan Menteri Kewangan”. Pertama, saya tidak pernah sebut bahawa pakej rangsangan ini tidak memberi kesan. Saya menyatakan ada kesan cuma yang mempertikaikan angka. Bila disebut pakej rangsangan inisiatifnya itu inisiatif menjana pertumbuhan secara langsung. Ia nampak kesan. Kalau disebut soal 5% - RM3 bilion untuk inisiatif cukai – sekarang ini dimasukkan sebagai pakej rangsangan. Jadi, kita lihat pakej rangsangan itu ialah dana yang diturunkan untuk menjana pertumbuhan. RM7 bilion termasuk *off budget agencies*. Jadi, apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah mengumpulkan semua dana ini kemudian diumumkan sebagai pakej rangsangan.

Saya hanya pertikai itu. Saya tidak mengatakan tidak ada kebijaksanaan atau kebijakan ekonomi untuk menjana pertumbuhan melalui pakej rangsangan tetapi jumlah itu mengelirukan. Jadi, saya tidak hendak berbantah tentang maksud menjana ekonomi berbeza dengan istilah “pakej rangsangan” itu. Menjana ekonomi melibatkan banyak inisiatif lain termasuk insentif cukai dan sebagainya. Akan tetapi bila kita sebut pakej rangsangan RM60 bilion itu, bagi saya tidak menepati soal pengistilahan dan konsep ekonomi yang hendak dibawa.

Tuan Yang di-Pertua, hal lain yang kita harus kaitkan dengan penjana ekonomi ialah langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri, soal memperkemas jentera kerajaan dan ini juga dengan mengalihkan peruntukan seperti mana yang kita bahaskan pada hari ini dan ini

diperkukuhkan dengan penekanan yang begitu bersungguh-sungguh oleh Menteri bertanggungjawab tentang KPI dan dengan penjelasan panjang beliau tentang KIR dan lain-lain.

Namun saya hendak tekankan hal ini kerana penekanan soal KPI ini lebih menjurus kepada pelaksanaan dan kecekapan pentadbiran. Yang dipertikai dalam sistem yang ada sekarang ialah pengukuhan institusi itu sendiri. Ada beberapa langkah yang positif walaupun dengar ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional dia kata kita bangkang semua. Tidak betul. Banyak hal yang kita dokong. SPRM kita sokong walaupun banyak pertimbangan dan bantahan tentang beberapa peruntukan. Langkah menjamin badan kehakiman yang bebas itu disokong walaupun pelaksanaan tidak ke mana. Akan tetapi selagi KPI itu tidak dilihat sebagai suatu yang khusus menjamin keberkesanan kecekapan pentadbiran tetapi tidak membetulkan kepincangan yang ada pada dasar. Ada langkah mula dengan soal ekonomi, langkah liberalisasi.

Dulu bila saya kemukakan agenda ekonomi Malaysia saya diserang sebagai pengkhianat bangsa Melayu kerana mempertikai Dasar Ekonomi Baru dan diserang sebagai alat kepada kaum Cina untuk mendapat dokongan orang Cina. Sekarang Menteri Kewangan mengambil langkah liberalisasi dari sudut-sudut kewangan. Jadi, apakah saya bantah? Saya bantah kerana bila liberalisasi itu diambil satu aspek, ditinggalkan yang lain ia menjadi kesan yang bahaya dari sudut pertimbangan sosiopolitik negara kita. Oleh sebab itu kalau mahu dirombak, dasar ekonomi itu dirombak keseluruhannya. Kita mesti perkenalkan satu agenda ekonomi yang pertama menekankan keperluan kita pacu pertumbuhan secara kompetitif, kekuatan daya saing yang sekarang diakui. Kita tewas dalam banyak hal kerana kurang kompetitif. Maka dengan sebab itu Menteri Kewangan yang baru mengendurkan beberapa syarat dalam istilah liberalisasi kewangan. Diakui sekarang bahawa kita kalah dari segi kompetitif maka kita terpaksa mengadakan liberalisasi.

Saya mempertikaikan sebaik kita buat begitu kita tidak ambil kira tentang geopolitik negara kita. Oleh sebab itu dalam agenda kita sementara kita menekankan *competitiveness* dan *liberalisasi* soal *affirmative action* yang lebih jelas dan ketara. Program pendidikan, prasarana rakyat, terutama yang kurang bernasib baik dan terpinggir. Majoriti Melayu bumiputera Sabah dan Sarawak mesti diberikan penekanan dalam masa yang sama tatkala kita menekankan liberalisasi kewangan dan perubahan sistem ekonomi negara. Apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini kesan dan bahayanya besar. Kita tekankan dasar ekonomi dari segi membiarkan lebar kesenjangan di antara golongan pendapatan tinggi dan rendah itu dalam tahap yang sama, kemudian kita ambil langkah liberalisasi ekonomi dan kemudiannya kita heboh di kampung bagaimana kita ini menjadi jaguh-jaguh Melayu yang hebat yang baru.

Dasar ini akan lebih menjadikan dan melebarkan kesenjangan di antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah. Oleh sebab itu Kementerian Kewangan dan kerajaan harus berani melihat semula. Kalau hendak jalankan perubahan anjakan dari segi pendekatan yang

lama ia mesti dilakukan secara menyeluruh sementara kita mahu ekonomi kita dipacu dengan lebih pantas, lebih berdaya saing dan kompetitif, jangan kita korbakan agenda *affirmative action* menjamin maslahat masyarakat dan rakyat terbanyak, miskin dan terpinggir dari semua kaum. Oleh sebab itu bila dibahaskan isu dan krisis Perak dalam kaitan pertumbuhan ekonomi, soal tanah dan sebagainya, kita harus berikan pendekatan dan meyakinkan orang Melayu, Cina dan India bahawa pendekatan kita harus baru dan berani dan orang yang terpinggir dan miskin harus dibantu. Kalau tidak jadilah isu yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Saya dengar tadi bila Yang Berhormat Gombak dan Machang bangkitkan, bila tanah pekebun sayur Cina diberikan riuh rendah kita marah bahawa Menteri Besar, Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar telah khianat tetapi bila bagi satu gunung kepada tauke judi bagi satu bukit kepada tauke judi, bagi pulau dia diangguk oleh Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO kerana tauke-tauke judi itu maha kaya dan pembantu besar dalam menjana pertumbuhan dan kekuatan parti. [Tepuk]

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Menyambut sedikit daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sebentar tadi apakah dalam persoalan liberalisasi perbankan dan kewangan; dan khususnya kebelakangan ini yang dikatakan sebagai subsektor perkhidmatan yang keseluruhannya dikatakan oleh Menteri Kewangan untuk menggamit FDI pelaburan asing.

■1620

Pada waktu yg sama mereka mengakui bahawa ekonomi negara terlalu eksport *reliance* maka kebelakangan ini adalah untuk menjana ekonomi berdasarkan *domestic demand*. I minta kalau boleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjelaskan bagaimana bercanggahnya kalau kita sudah meliberalisasikan ataupun membebaskan sektor-sektor kewangan dan perbankan serta perkhidmatan mutakhir ini dengan serangan dan persaingan *MNCs* yang masuk dan kedudukan kita tidak punya keupayaan bersaing.

Adakah ini akan terus menjadikan kedudukan ekonomi, *populations* tidak mahu mengambil garis etnik tetapi negara kita lebih parah untuk berdepan dengan cabaran ini. Apakah boleh kiranya Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjelaskan kalau kita mahu memacu ekonomi dengan *domestic demand*, kita perlu memberikan ruang untuk ia berjaya dengan kata lain mengangkat *income level* rakyat. Kedua, membawa *the national saving* of negara ataupun simpanan nasional yang kebetulan Malaysia mempunyai *national saving* yang agak besar tetapi tidak dilaburkan, *investment rate* nya kurang, maka kita punya kurang lebih 15% daripada GDP ataupun kurang lebih dari RM50 bilion yang tidak digerakkan dan dimobilisasikan dalam mengangkat *domestic economy*. Jadi saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa di sana polisi-polisi *prescription* Kerajaan Barisan Nasional nampaknya huru-hara sedikit dan tidak *consistent* serta *coherence*. Terima kasih.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun saya menyatakan bahawa dari beberapa sudut saya tidak dapat menyangkal kebijaksanaan kerajaan untuk memberikan sedikit kelonggaran dan liberalisasi kewangan. Seperti Yang Berhormat tekankan tadi, ia harus *coherence*, ia tidak boleh dilakukan seolah-olah mengorbankan agenda merakyatkan ekonomi keseluruhannya.

Keduanya, mengandaikan negara ini boleh berpandu kepada *domestic market* (pasaran tempatan). Itu juga satu kesilapan. Kita bukan Cina, kita bukan India malah bukan juga Indonesia. Maka *domestic market* kita sangat terbatas. Kekuatan ekonomi Malaysia masih secara besarnya bergantung kepada keupayaan kita bersaing untuk mengeksport dan ini akan menjadi cabaran sama ada kita mampu, akan berhasil atau tidak.

Saya berikan satu contoh selepas pakej rangsangan berbeza dengan pengumuman propaganda. Sementara kita akui keperluan pakej rangsangan, saya tidak nafikan dan dilaksanakan dengan berkesan dan telus yang dikaitkan dengan KPI akan saya sentuh. Akan tetapi kenyataannya ialah defisit yang berterusan ini dan besar serta membengkak ini juga selain daripada dianggap satu kekangan kepada pertumbuhan dan dasar fiskal, ia akan juga menyentuh keyakinan pelabur. *Estimate*, jangkaan kerajaan untuk tahun 2009 defisit kita 7.6%, CLSA umpamanya menyebut minimum 10.2%, *Mary Linch* menyebut minima 8.3%, *the economies* anggap 8.7% dan nisbah hutang kita kepada KNK itu meningkat sehingga 60% walaupun dianggap masih boleh bertahan tetapi berbanding dengan negara-negara Asia terutama Asean kedudukan hanya Filipina yang lebih parah daripada kita.

Krisis ini juga harus membuka kesediaan kita untuk menekankan supaya institusi kewangan dan perbankan mampu melebarkan jaringan mereka dan ini nampaknya belum ada keupayaan. Bank nampaknya menunjukkan keengganan luar biasa untuk memberikan pinjaman dan ini berkaitan dengan permasalahan sosial yang lebih rumit iaitu berkaitan dengan masalah ah long kerana kegagalan sistem yang ada menyediakan peruntukan kewangan bagi golongan pendapatan rendah dan kecil.

Apa yang kita kaitkan dengan permasalahan sosial dan jenayah yang dikaitkan dengan ah long hanya membuktikan satu masalah pokok dalam sistem kita. Jadi sepatutnya dalam peralihan pemindahan peruntukan ini Kementerian Kewangan perlu mengambil kira hari ini, bagaimana hendak meningkatkan jumlah mikro kredit supaya jangan bebankan golongan pertengahan dan berpendapatan rendah serta jangan sekadar berikan jawapan kita ada institusi yang cukup, kita boleh selesaikan masalah ini pada setiap hari. Kita dapat lihat dan baca bagaimana pegawai kerajaan terutama di peringkat rendah dan menengah, pekerja di kategori itu terus mengalami masalah yang rumit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Pegangan asing dalam MGS (*Malaysian Government Securities*) jatuh mendadak dari RM50 bilion kepada RM29 bilion dari

tempoh April hingga Disember 2008. Hasil tunggakan bon meningkat setelah pengumuman pakej yang kedua. 10 tahun MGS meningkat sebanyak 38.6% pada bulan Februari kepada 4.26% pada 19 Jun, maknanya kos kewangan negara meningkat jauh lebih tinggi setelah diumumkan pakej rangsangan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan dasar bank-bank komersial yang nampaknya enggan ikut Yang Berhormat untuk melebarkan pinjaman supaya dapat mengembangkan ekonomi negara kita dalam keadaan sekarang.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, bagaimana keadaan bank-bank di Amerika yang bankrap, apa sebab bankrap kerana dasar peminjaman yang begitu tidak *prudent*, tidak profesional walaupun selama hari ini menjadi contoh teladan kepada *banker-banker* yang lain di seluruh dunia. Akan tetapi sebenarnya mereka sudah bankrap dan Kerajaan Amerika terpaksa mengambil alih sebahagian daripada saham atau dalam istilah lain dipanggil *bail out* dari bank-bank yang bankrap ini. Bukankah ini satu kepujian di bank-bank kita di Malaysia di mana kita boleh bertahan dalam keadaan kegawatan ekonomi yang amat sangat ini, bank-bank kita masih dalam keadaan yang baik dan tidak ada yang bankrap seperti mereka itu.

Saya harap Yang Berhormat Permatang Pauh dapat melihat dalam... dengan sudut yang penuh keadilan terhadap bank-bank kita di sini yang dikawal oleh Bank Negara.

Yang kedua ialah berhubung dengan Ah Long. Jangan disalahkan kerajaan kalau sekiranya ada orang yang memilih untuk meminjam daripada Ah Long di atas sebab apa juga kita tidak tahu tetapi dari segi mikro kredit yang telah diperuntukkan oleh kerajaan begitu banyak sekali. Soalnya dipergunakan atau tidak dipergunakan, dimanfaatkan, itu terpulang kepada kita dan kempen-kempen penerangan telah diberikan. Apakah kerajaan masih lagi dianggap tidak menjalankan tugas dia, tidak bertanggungjawab? Ada TEKUN, beri pinjam TEKUN banyak yang tidak bayar. Sebahagian daripada Bursa Peminjam TEKUN tidak membayar, apakah ini perlu disalahkan kerajaan? Begitu juga pinjaman SME Bank, MARA dan sebagainya, banyak sekali peruntukan, yang perlu sekarang ini pihak kita semua termasuk wakil rakyat daripada pembangkang memberi maklumat kepada masyarakat umum berkenaan peluang-peluang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pasar Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

#### ■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Pasir Salak. Saya nampak tadi Yang Berhormat Permatang Pauh, Indera Mahkota sudah berdiri, sila jawab sekali. Sila Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi oleh kerana Yang Berhormat Pasir Salak

dah sebutkan perkara yang sama berkenaan dengan bank-bank tempatan. Saya juga berhajat untuk membangkitkan perkara yang sama untuk mendapatkan pandangan.

Dalam liberalisasi 27 sektor termasuk sektor kewangan. Salah satu elemen yang disebut di situ ialah, memberi lesen, membuka tujuh lesen asing perbankan, milik asing untuk beroperasi di negara kita walaupun tertumpu kepada sektor-sektor yang tidak diutamakan oleh bank-bank tempatan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

Namun perkara ini nampaknya agak bercanggah kerana satu masa dulu untuk mengatasi krisis kewangan pertama dulu, bank-bank tempatan digabungkan untuk memperkukuhkan *liquidity* seperti juga yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau tadi, mempertingkatkan kekuatan *liquidity*. Namun apabila kita membuka peluang atau memberi lesen kepada milikan asing untuk beroperasi dalam negara kita, adakah kita boleh jamin yang proses ini mengukuhkan lagi *liquidity* bank-bank tempatan ataupun hanya untuk memberi atau membuka pintu kepada bank-bank asing untuk menguasai ekonomi domestik kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat institusi kewangan dan bank, umumnya di Asean ini jauh lebih kukuh, dan dia ada sejarahnya Yang Berhormat, sebab bila kita hadapi krisis kewangan 1997-1998. Peraturan dan undang-undang baru memperketat, memperkukuh dan syarat-syarat memperkukuh institusi kewangan, mengakibatkan bank kita punyai daya tahan yang lebih, itu kenyataan.

Akan tetapi yang kita pertikaikan sekarang ini ialah pinjaman. Yang Berhormat Pasir Salak mengatakan, lihat bank-bank di Amerika Syarikat yang jahanam. Yang Berhormat, ia jahanam bukan kerana bagi pinjam kepada orang yang berpendapatan sederhana dan miskin, ia jahanam kerana tauke-tauke kaya, sama-sama membantu, merompak keuntungan dalam bank itu. Ini sudah baca, baik Krugman kah, Friedman kah. Umumnya ada satu *consensus*, dua punca krisis kewangan Amerika Syarikat, pertama kerana tamak haloba. Orang yang punyai kuasa menguasai ekonomi dan syarikat kewangan tamak haloba, *greed*. Dan yang kedua, *aversion to risk*, kesediaan cepat mengambil risiko, padahal wang bukan dana mereka.

Jadi saya bersetuju dengan saranan supaya institusi kewangan tetap kukuh dan utuh tetapi jangan korbankan kepentingan golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Orang yang meminjam dari Ah Long, Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka terdesak, Yang Berhormat ingat lagi kuliah asas *Rule of Economics* oleh Profesor Diraja Ungku Aziz, 40 tahun yang lalu teorinya dikemukakan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ingat lagi kah teori itu?

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Masih-masih, *the sarung index*, Ungku Aziz mengatakan nak lihat orang paling miskin, dia ada satu sarung sahaja, dia kaji di Berserah.



Tuan Yang di-Pertua, itu soal perbankan sebab itu kita harus menyediakan program makro kredit yang cukup, peruntukan yang diberikan, bukan soal Tekun, bukan soal pinjaman, ia syarat-syarat. Semasa kita memerhati Amanah Ikhtiar dulu, saya masih ingat 99% wanita bayar dan 95% lelaki bayar. Itu jumlah pembayaran yang cukup baik dan cukup tinggi kerana pengurusan dia lebih cekap dan amanah.

Akan tetapi, kalau pinjaman itu ikut Ketua Cawangan parti politik, ini yang jadi tak bayar ini. Macam pinjaman MARA lah. Saya sebut tadi tentang perbandingan kerana ada alergi berbanding dengan Singapura, saya tak mahu sentuh Singapura hari ini. Saya nak sentuh dengan China, saya sentuh China, ada juga alergi, fasal Chin Peng sekarang ini. *[Ketawa]* Utusan Malaysia kata, saya ini penyokong komunis baru.

Dengan China, China menyediakan dana yang cukup tinggi, hampir setengah trilion, USD586 bilion, cukup tinggi, 14.4% KNK. Jumlah cukup tinggi, kalau saya lihat sebagai seorang yang melihat dari kekuatan mikro ekonomi, bagi saya agak menggerunkan. Malaysia 9% ketika itu dan sekitar USD16 bilion tetapi cuba lihat bagaimana peruntukan di negeri China. Saya sebut tadi, kawasan yang dilanda malapetaka, tapi yang pentingnya ialah keutamaan diberikan kepada infrastruktur - sekolah, jalan desa, pembangunan projek kesihatan kecil dan keseluruhan prasarana desa itu, di negara China, 75% diperuntukkan, di Malaysia 37%.

Siapa yang paling banyak keuntungannya dari pakej rangsangan, mengikut kajiannya. Di negara China, kebanyakannya ialah penduduk desa dan negeri-negeri, kawasan-kawasan, daerah-daerah pedalaman supaya pertumbuhan itu lebih merata, prinsip pengagihan keadilan itu ternyata. Di Malaysia, faedah itu lebih banyak dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat Pasir Salak ada syarikat yang berkaitan, tetapi ini kenyataannya. Jadi sebab itu kita harus bersedia meneliti.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak ada, dulu jadi Menteri Kewangan tak bagi peluang pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, jangan ganggu macam itu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Insya-Allah masa depan. Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kita ambil sikap yang lebih terbuka, saya tidak memilih untuk menolak atau menentang semua. Kalau lihat kenyataan-kenyataan saya, menyokong langkah-langkah yang positif tetapi dalam masa yang sama, pihak kerajaan janganlah buat anggapan semua pandangan yang mereka kemukakan itu tepat belaka.

Lihat sahaja beberapa peruntukan undang-undang yang mahu diasak dan dipaksa, terpaksa dipinda. Jarang berlaku dalam sejarah, undang-undang di *prepare* dengan begitu gopoh gapah semata-mata untuk memenuhi maksud-maksud dan niat-niat tertentu, kerana kurang bersedia mendengar dan meneliti. Saya nak rumuskan dengan menyentuh soal institusi pemerintahan. Saya sebut tadi, pertama - badan kehakiman, apa kaitan dengan pakej

rangsangan dan pertumbuhan ekonomi, selagi keyakinan itu tidak dipulihkan, orang melihat badan kehakiman itu tidak bebas dan adil.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** [*Berdiri*]

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Maka, syarikat-syarikat memilih untuk menyelesaikan soal *arbitration* di Singapura dan di Hong Kong, kita marah, kita kata mungkin syarikat China tetapi tidak. Syarikat Arab yang saya kenal pun ada yang bila saya tanya mengapa tidak gunakan mahkamah Malaysia, dia kata [*Memetik ungkapan dalam bahasa Arab*]. "Minta maaf saudara ku, *problem* banyak", dia memilih untuk menyelesaikan masalahnya di Hong Kong dan di Singapura.

Bagaimana kita nak jana pertumbuhan ekonomi kalau keyakinan *basic* ini tidak ada. Lihat kadar jenayah yang meningkat, kalau orang pilih nak duduk di sini, nak datang masa percutian, dia lihat kadar jenayah begitu meningkat, begitu besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jasin, duduk dulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Mana boleh kita tekankan, kita sebut bahawa pakej rangsangan dan peralihan peruntukan tidak ada kaitan dengan soal keselamatan awam, dalam maqasid syariah itu, soal keselamatan awam itu diletak di peringkat yang *aula'*, yang penting ditekankan. Ini nampak meleset kerana kita tahu imej dan prestasi polis. Bila kita tegur, Ahli Yang Berhormat mengatakan kita ini tidak ada kepercayaan sama sekali kepada polis. Mana boleh saya kata begitu, dari universiti polis jaga saya, Timbalan Perdana Menteri pun dia jaga, sekarang lagi dia banyak jaga.

Jadi saya tidak ada masalah nak pertikai soal *personal* di sini, tetapi umumnya kadar jenayah meningkat. Lihat di Sabah, kadar jenayah di Kuala Lumpur, ia menjadi satu masalah yang besar, tidak terungki sampai sekarang, yang beza hanya kenyataan. Sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Permatang Pauh, saya sebenarnya mendengar dengan cukup tekun sekali ucapan dari Ketua Pembangkang kerana saya hendak belajar tentang pengalaman beliau yang cukup luas terutama tentang ekonomi.

#### ■1640

Jadi kita sekurang-kurangnya hendak melihat kalau boleh pihak pembangkang pun boleh sama-sama menyumbang, secara konstruktif terutama dalam keadaan kita menghadapi masalah yang cukup gawat pada ketika ini. Apa yang saya dapat belajar hanya tentang liberalisasi kewangan apa yang disebut oleh ketua pembangkang tadi, jangan sekali-kali kita korbankan *affirmative action*.

Sebenarnya, apa yang telah kerajaan buat perkenalkan tentang liberalisasi kewangan tempatan dan juga 27 subsektor yang lain ini adalah semata-mata dengan niat untuk

merangsang minat di kalangan pelabur-pelabur asing. Baru-baru ini kita juga telah mengeluarkan lesen untuk bank-bank asing supaya mereka dapat menambah ekuiti daripada 49% kepada 70%. Kita mesti ada matlamat.

Keduanya, dalam keadaan kita menghadapi kemelesetan pada ketika ini, kita belum lagi gawat. Kemelesetan defisit yang akan kita hadapi ini, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebanyak 7% memang kita jangkakan apatah lagi dalam bajet 2009 cukup terang disebut pendapatan kita RM179 bilion tetapi perbelanjaan kita RM206 bilion.

Maka pendapatan dan juga perbelanjaan adalah tidak setara apatah lagi dengan pakej rangsangan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, yang sebenarnya memberikan satu jalan yang cukup terbaik bagi menjana pertumbuhan. Kita hendak lihat kalau boleh..., pada ketika ini kita hendak daripada sektor domestik. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tidak berbeza pendapat dengan beliau dalam hal ini kerana saya menekankan *affirmative action* kerana bila diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang liberalisasi, ia tidak sama menekankan peruntukan besar dalam bidang mikro kredit dan pendapatan sederhana dan rendah. Saya bimbang kalau kecenderungan kita bicara soal daya saing itu dengan mengorbankan ini. Akan tetapi kalau Yang Berhormat memberi jaminan bahawa kerajaan akan bersedia menimbangkan saya tidak ada masalah. Akan tetapi ini harus diberi peringatan.

Saya juga tidak berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Jasin bila beliau menekankan defisit itu terpaksa kita hadapi dalam keadaan ekonomi yang menguncup sekarang ini. Akan tetapi kita harus ingat bahawa defisit berterusan sejak krisis kewangan 1998 sampai sekarang, ini membimbangkan. Bila defisit sesebuah negara itu menjangkau lebih daripada satu dekad ia harus meletakkan kita dalam keadaan waspada dan berjaga-jaga.

Sekadar mengingatkan bahawa defisit kita ini hanya mencatat belanjawan seimbang dan belanjawan lebihan hanya pada tahun 1993 sampai tahun 1997, untuk rekod sahajalah. Akan tetapi saya akui dalam keperluan sekarang untuk dalam menghadapi defisit cuma jangan kita anggap kita boleh selesaikan masalah defisit dengan begitu mudah.

Yang Berhormat minta kalau boleh kita beri cadangan selain menyokong beberapa langkah rangsangan dan kritikan-kritikan terhadap penyelewengan, pembaziran, rasuah, PKFZ, merudumnya stadium. Itu kalau kita tidak bangkitkan masalah. Hendak harapkan Ahli Parlimen Terengganu yang lain hendak bangkitkan soal stadium belum dengar lagilah.

Mudah-mudahan selepas ini. Boleh kita maafkan? Mudah sahaja kita maafkan? RM400 juta *down the train* dan kita diam. Tidak ada siapa yang pegang tanggungjawab. Mungkin kita senarai hitamkan kontraktor tapi bukan kontraktor sahaja. Siapa yang pilih kontraktor? Apa

rekod kontraktor itu? Siapa yang memantau kontrak itu? *[Tepuk]* Siapa yang memberi pengesahan stadium itu supaya selesai. Hal ini harus dikaji.

Saya tidak faham mengapa hal ini dianggap sebagai suatu yang negatif semata-mata. Sengaja saya bagi contoh tadi di antara China dan Malaysia kerana saya lihat walaupun tidak semua dalam sistem pemerintahan China itu kita dukung tetapi dari segi kesungguhan negara China mengatasi masalah ekonomi ini saya anggap sangat positif. Saya sebut tadi umpamanya projek 1.5 trilion yuan dalam bidang infrastruktur disebut jelas projek ini tendernya sedemikian, syarikat begini yang akan melaksanakan.

Kita, projek ini kalau tengok dalam laman web Kementerian Kewangan di mana projeknya? Enggak tahu pak. Siapa dapat? Itu diam-diam, kita uruskan cara..., nanti pakat-pakatliah. Dia tidak telus. Maknanya dalam keadaan kemelut ekonomi begini pun setelah pengumuman tentang Satu Malaysia tetapi ada dua Malaysia. Satu Malaysia negeri Barisan Nasional dan Satu Malaysia negeri-negeri Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat di bawah sekali dan malangnya cara mereka melayan bekas Perdana Menteri itu cukup tidak adil.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bekas Perdana Menteri dari Kepala Batas dari Pulau Pinang tetapi nasib Pulau Pinang setelah beliau meninggalkan kerajaan jumlah peruntukan paling rendah. Kes aniaya betul-betul. *[Tepuk]*

Jadi jangan ingat Permatang Pauh sahaja Pulau Pinang, Kepala Batas pun Pulau Pinang. Tengok layan kepada Pulau Pinang itu paling rendah. Itu baru lagi berhenti sudah begini nasibnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Ketua Pembangkang ada menyentuh mengenai prestasi imej kehakiman. Imej dan prestasi kehakiman merosot kerana mengadakan sebagai ketua hakim seorang yang *corrupt*. Seorang yang *corrupt* baru-baru ini dapat keadilan. Bukan bererti dituduh di mahkamah tapi dia dapat gelaran Tun, Tun Zaki, Tun Azmi. Ini jadi satu sejarah dalam dunia. Tidak boleh mewujudkan satu keadaan di mana seorang anak dan bapa menjadi Ketua Hakim Negara. Satu sejarah yang hitam. Satu sejarah yang tidak boleh dipertahankan. Apa yang harus diadakan adalah untuk membersihkan kehakiman.

Saya mahu tahu daripada Ketua Pembangkang cara bagaimana kehakiman dalam negara ini boleh dibersihkan. Satu cara adalah ini untuk menentukan Ketua Hakim Negara dipecat dari jawatan dia dan dituduh di mahkamah. Adakah jalan-jalan lain yang boleh digunakan untuk menentukan negara ini mengadakan satu kehakiman yang bersih, satu kehakiman yang boleh dipercayai oleh negara ini. Boleh saya dapat penjelasan?

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor ini seorang *voice of concern* untuk mempertahankan sistem kehakiman yang bebas dan adil. [Tepuk]

Oleh itu, pandangan beliau dalam perkara ini harus kita teliti. Banyak yang diumumkan dan bekas Perdana Menteri umumkan beberapa langkah tetapi ternyata tidak ada kesannya sampai sekarang. Kita dedahkan umpamanya video VK Lingam, *correct, correct, correct* sampai sekarang tak ter *correct* lagi. Suruhanjaya putuskan diketepikan. Jadi saya bangkitkan perkara ini. Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional mengatakan mengapa kita pertikaikan soal badan kehakiman. Ini suruhanjaya bebas yang dilantik oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional dan beri pengakuan tentang betapa bobrok, korup sistem dan badan kehakiman bila Ketua Hakim Negara dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the other* Tun, Tun Ahmad Fairuz terlibat dan juga menyebut di situ tentang *fixing the Anwar case, the earlier case. What do you do? What concern are you talking about* dengan izin? *You are speaking from concerns*. Dibuktikan dalam *tape* tidak ada kesan sama sekali kepada kita. Ha, Menteri yang bertanggungjawab sudah sampai bila saya sebut hakim ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Masuk ke dalam Dewan]

■1650

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Jadi, itu tidak. Saya dapat jawapan bertulis daripada SPRM, tidak ada keterangan yang mencukupi. Siapa yang boleh percaya dengan semua ini, dengan *video tape* begitu didedahkan, tidak ada keterangan kerana dia sibuk mengira lembu di Bandar Tun Razak. Dia tidak ada masa hendak cari keterangan apakah yang lebih serius. [Tepuk]

Inisiatif, saya akui. Suruhanjaya kita terima walaupun pada peringkat awal diingat beberapa Menteri menyatakan ini satu lagi pembohongan daripada saya, akhirnya dia terima video itu. Tepat! Kemudian, berbangkit isu yang diterajui oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tentang Ketua Hakim Negara yang ada sekarang. Paling kurang harus ada penjelasan. Tidak boleh ketepikan begitu. Ada pertuduhan tentang rasuah yang melibatkan Ketua Hakim Negara.

Sekurang-kurangnya penjelasan yang teliti diberikan. Kalau tidak kita mengharung ini dan meletakkan sistem badan kehakiman dalam suatu yang tersangka. Jadi, orang fikir Menteri terpaksa pertahankan polis. Polis pertahankan Menteri kerana dua-dua ada kes yang tidak terjawab. Oleh sebab itu, pada pendapat saya perlu ada suatu siasatan dan penjelasan untuk memulihkan integriti badan kehakiman walaupun pelbagai langkah diambil, inisiatif yang umumnya disokong tetapi pelaksanaannya itu belum ke mana. Jadi, saya percaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, duduk Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri ada usul.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****4.52 ptg****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis 25 Jun 2009”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, diakhiri dengan menekankan keperluan kita memulihkan integriti pada badan ini kerana ada kaitan dengan krisis keyakinan yang kita hadapi. Satu persoalan kecil yang kita bangkitkan yang harus diperhatikan oleh Kementerian Kewangan.

Kita lihat badan-badan antarabangsa dan dunia mual pertikai isu terakhir tentang *human trafficking* yang kita nafikan. Kemudian, sekarang *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) menyenaraikan *Labuan Offshore Financial Services Authority* (LOFSA) di antara tiga pusat perlindungan cukai yang tidak memberi kerjasama. Ini akan menjejaskan kedudukan LOFSA itu sendiri. Tidak memberikan kerjasama kerana disyaki menjadi tempat perlindungan dana curi atau dana rasuah atau dana haram.

Kita tidak mahu Malaysia dan LOFSA, Labuan dianggap sedemikian. Oleh yang demikian, hal-hal ini hanya sebagai contoh-contoh kecil bagaimana kita gagal mempertahankan integriti walaupun kita mempunyai keupayaan yang besar. Saya harap dengan langkah kita memberikan kerjasama dan sokongan tentang pemindahan dan peruntukan semula peruntukan perbelanjaan ini, kerajaan mengambil langkah memperbaiki kelemahan-kelemahan dasar yang lebih serius dari sekadar memberikan nama lain kepada kementerian atau jabatan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kita hanya ada sampai pukul 7.00 malam. Selepas itu, saya ingat pagi esok. Jadi, maknanya peluang untuk bercakap tidak berapa banyak Yang Berhormat. Jadi, saya minta Yang Berhormat, kita ringkaskan ucapan kepada 20 minit seorang Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas.

**4.55 ptg.**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada usul Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai dengan Peraturan 66A dan 67B bagi memindahkan peruntukan akibat daripada pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usul ini merupakan usul teknikal tetapi memberi ruang dan peluang kepada kita untuk membahaskan dan membangkitkan perkara-perkara yang difikirkan perlu bagi menjimatkan masa Dewan yang mulia ini kerana sebelum ini ianya sudah pun dibahaskan dengan panjang lebar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini dibubarkan, pelbagai tanggapan dan persepsi telah dikeluarkan oleh banyak pihak sehingga ada SMS-SMS yang disebar di merata-rata mengatakan ini merupakan kementerian yang memang dilihat banyak membantu untuk kaum bumiputera maju dalam pelajaran dan juga dalam bidang perniagaan.

Jadi, apakah penutupan kementerian ini hendak mengurangkan Jemaah Menteri? Kalau itu yang dikatakan kenapa tidak kementerian lain? Maka, sebab itulah timbul macam-macam persepsi tetapi kerajaan sudah pun menjawab sebelum ini dengan mengatakan bahawa agensi-agensi yang sedia ada diserap serta lain-lain kementerian seperti yang ada dalam usul Menteri Kewangan.

Jadi, apa pun Tuan Yang di-Pertua agensi-agensi yang terlibat ini adalah agensi yang cukup penting dalam peranan dan usahanya yang belum selesai terutamanya natijah akhirnya untuk melihat iaitu penyusunan semula masyarakat berbilang kaum negara kita ini adil dalam banyak perkara. Adil dalam pembahagian ekonomi, adil dalam aspek-aspek lain kerana apabila ini tercapai kita percaya konflik etnik tidak akan berlaku lagi di negara kita.

Selagi di mana ada kekurangan, di situ lah adanya keresahan dan masalah yang boleh berjangkit di antara satu sama lain. Maka, kita tahu bahawasanya sesudah kementerian ini wujud sekian lama dengan berbagai-bagai peranan. Pertamanya semasa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan sebelum tamat tahun 1990, macam-macam telah dilakukan dan kita akui ada kegagalan-kegagalan kerana pelaksanaan. Kalau dilihat dalam gambar yang besar, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa tetapi pada masa yang sama, kita lihat ianya juga banyak sudah membantu kemajuan orang-orang Melayu, kaum bumiputera dalam banyak bidang terutama pelajaran dan juga pembangunan usahawan.

Akan tetapi, pencapaiannya sehingga hari ini tidak ke mana-mana. Kalau diambil kita dari segi statistik yang sebenar Tuan Yang di-Pertua, menolak kepentingan yang dipegang oleh institusi yang diwujudkan oleh kerajaan termasuk GLC, GCLC mungkin kedudukan ekonomi kaum bumiputera mungkin beberapa peratus. Walaupun disebut 18%, 20% itu termasuk mungkin PNB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan sebagainya.

#### ■1700

Jadi jauh lagi segi pemilikan harta terutamanya *property*, saham dan dalam bidang profesionalisme pun ikhtisas pun jauh lagi untuk dicapai. Maka sebab itu kita menyuarakan perkara ini bukan kerana kita hendak membesar-besarkan isu kepentingan Melayu walaupun kepentingan itu berapa kali kita katakan dijamin oleh Perlembagaan di bawah fasal 153 iaitu kepentingan kaum bumiputera, kepentingan Melayu khususnya.

Kebetulan pula agensi-agensi yang terlibat berkait rapat untuk mencapai matlamat ini. Dahulu UDA di bawah kementerian ini. Usaha untuk menambahkan unit bilangan milik rumah kedai, tempat-tempat berniaga di bandar-bandar nampaknya juga tidak begitu berjaya. Sedih orang kata Tuan Yang di-Pertua mata memandang Allah SWT sahaja yang mengetahuinya. Akan tetapi ini bukan bererti kita berputus asa. Kita menaruh keyakinan bahawa kerajaan akan terus berusaha. Untuk mengimbangi tentang masalah jurang yang makin lebar ini di antara kaum kerana kalaulah apa pun kita lakukan, hal-hal dasar lain yang boleh memuaskan hati semua pihak selagi jurang ini terus melebar, ianya seperti “api dalam sekam”. Maka sebab itu saya hendak menyentuh pada agensi-agensi ini dan ada juga agensi-agensi ini juga mampu memainkan peranan untuk menolong kaum bukan bumiputera yang berhak perlu dibantu.

Saya hendak rujuk pertama kepada Majlis Amanah Rakyat. Majlis Amanah Rakyat dahulu dikirakan agensi *anchor* lah, *anchor agency* yang cukup terserlah, cukup gah sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk memenuhi cita-cita aspirasi nasional ini sesudah berlakunya tragedi 13 Mei dahulu dan MARA memang sudah berjaya. Akan tetapi di akhir-akhir kebelakangan ini MARA dilihat tidak cukup kewangan dan macam-macamlah. Kalau saya hendak sebut masa panjang termasuklah tajaan-tajaan biasiswa untuk kaum bumiputera.

Semalam Tuan Yang di-Pertua saya hendak bawa usul ditolak. Bolehlah saya ringkaskan. Saya hendak baca beberapa maklumat yang saya terima. Pelajar satu ini saya ada tulis surat ke Ketua Menteri Luar Bandar dan salinan kepada Ketua Pengarah pun ada. Pelajar Encik Mohd Hafiz bin Mohd Ismail. Sudah dapat tempat belajar di Universiti Melbourne, kalau tidak dapat biasiswa mungkin tidak dapat pergi dan pelajar ini menulis surat kepada saya dan juga memasuki web Perkasa dengan menangis-nangis, itu satu. Yang ini pula macam-macamlah. Saya boleh serah kalau Menteri minta saya boleh serah.

Jadi menunjukkan banyak kaum bumiputera yang mendapat tempat di universiti tidak dapat peluang belajar dan pelajar-pelajar ini termasuk golongan pelajar-pelajar cemerlang. Kalau ikut kaedah di bawah fasal 153 Tuan Yang di-Pertua, hak istimewa orang-orang Melayu, mana-



mana pelajar bumiputera saya merayu dan saya minta ini bukan di luar undang-undang. Ini undang-undang negara yang diputus sebelum kita merdeka. Mana-mana pelajar Melayu bumiputera yang mendapat tempat di luar negara, di universiti-universiti ternama pula; Melbourne University, Monash University, Oxford University. Mereka sepatutnya secara automatik dibagi biasiswa tanpa mengira mereka kaya atau pun miskin.

Akan tetapi oleh kerana atas dasar terhadnya kewangan dan seumpamanya, kalau satu keluarga anak lima orang, seorang sudah masuk universiti belum lagi bekerja belum tamat, kerana seorang sudah dapat maka yang lain tidak dapat. Kita *deny*, kita nafi hak mereka. Ini persoalannya. Kalau saya hendak baca semua ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin akan mengambil masa 15 minit atau 20 minit dan tentu akan menyentuh hati sebab saya tidak suka hendak *exploit* lah setengah pihak-pihak lain dijadikan akhirnya sebagai isu politik untuk meraih sokongan politik. Saya tidak sampai ke situ. Cukup saya menyatakan bahawa MARA mempunyai peranan yang penting untuk melaksanakan agenda ini.

Jadi itu hal MARA dan sepatutnya saya memohon lah supaya kerajaan menambahkan peruntukan walaupun yang sedia ada ini dicatat di bawah bajet dahulu dalam pakej rangsangan akan datang ditambahkan lagi dan janganlah ada mana-mana pihak ungkit. Sesudah kedudukan kaum bumiputera seimbang walaupun tidak 50%- 50% pencapaian 30% dalam segala segi dengan kaum-kaum lain. Dalam bidang pendidikan termasuk profesional yang saya sebutkan tadi. Begitu juga pembahagian dari segi hak milik harta apabila tercapai kalau saya panjang umur saya tidak akan ungkit lagi isu-isu Melayu dan bumiputera ini. Cukup setakat itu walaupun ada cadang kaum bumiputera 60%, 60% rakyat Malaysia patutnya ekonomi 60 orang lain 40, saya pun tidak bersetuju.

Saya menuntut supaya pelaksanaan yang 30% itu jadi realiti. Alhamdulillah sudah bagi kita sebab ini boleh membantu ke arah integrasi nasional boleh membantu perpaduan rakyat Malaysia. Itu perkara pokok dan MARA mempunyai peranan penting kena *hands on* dan pegawai-pegawai di bawah MARA pun jangan duduk buat banyak kerenah sangat dengan memberi macam-macam alasan, dengan memberi apa-apa sebab sekadar hendak *eliminate* pelajar-pelajar tertentu yang dapat tempat, hendak bagi pada orang lain. Ini tanggungjawab lah, bertanggungjawablah dosa esok-esok dengan Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta perkara ini di *hands on* dan begitu juga dalam program-program lain yang bertanggungjawab di bawah MARA termasuk Maktab Rendah Sains MARA yakni yang dikira paling berjaya. Kita lihat anak-anak bumiputera yang berjaya sekarang ini pun hasil daripada Maktab Rendah Sains MARA yang patut diperhebatkan lagi yang dahulu rancangannya hendak diadakan di setiap Parlimen walaupun memang dilaksanakan peringkat demi peringkat tetapi ini patut dijadikan agenda utama daripada membina perkara-perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara pertama. Kedua, dahulu TEKUN di bawah kementerian ini juga. TEKUN bertanggungjawab memberi pinjaman untuk melawan kezaliman yang dilakukan

oleh ah long yang memberi pinjaman. Banyak pihak sebut tadi. Yang Berhormat Pasir Salak pun sebut. Saya hendak sebut dalam perspektif begini, betul ada pinjaman-pinjaman peminjam TEKUN. Kerajaan memang boleh kita ucap tahniah lah kerana mengadakan skim berbagai skim pinjaman mikro ini untuk membantu peniaga-peniaga kecil di bawah Agro Bank, di bawah TEKUN dan macam-macam lagi pinjaman yang dibuat tetapi ada juga yang tidak membayar. Bagi yang tidak membayar ini saya percaya sesiapa pun lah, jangan kiralah saya cukup tidak boleh terima bila kata kalau berniaga Melayu gagal. Kaum lain tidak. Kalau kita tengok angka bankrap yang tidak bayar hutang, sama sahaja lah.

Cuma tinggal lagi kalau ada pun yang tidak bayar kita kena ingat yang pinjam bawah TEKUN ini berniaga “kais pagi makan pagi kais petang makan petang”. Pinjam RM2 ribu, pinjam RM3 ribu meniaga kain batik dalam market Pasir Mas contohnya. Market pula buruk, bocor, hendak dapat dua tiga ringgit pun tidak dapat. Duit itulah juga menyara anak-anak. Duit itu lah juga beli beras. Duit itulah juga beli ubat. Jadi tentulah sukar mereka hendak bayar dengan apa yang ditetapkan. Maknanya jangan kita hukum yang tidak bayar pinjaman TEKUN ini secara total tidak bertanggungjawab. Memang pihak TEKUN boleh siasat. Kalau betul ada yang menyalahgunakan ambil tindakan betul-betul tetapi umumnya saya lihat TEKUN inilah yang sedikit memberi nyawa kepada mereka-mereka ini, yang patut dilipatgandakan.

Banyak juga yang tidak tahu lagi walaupun sudah diberi penerangan kerana di kawasan, di peringkat Parlimen ada tiga pegawai TEKUN, tiap-tiap DUN. Pegawai ini hendak kutip hutang lagi, hendak beri penerangan lagi, hendak hebah pada rakyat lagi. Ada kemudahan dan orang kampung ini bukan senang, dia bukan reti hendak isi borang, hendak cari pegawai pun kadang-kadang pergi ke pejabat tidak jumpa, pegawai ini pula duduk di market. Kena ada satu mekanisme yang betul-betul memudahkan mereka ini untuk tahu ada pinjaman ini. Kalau tidak cukup pegawai mungkin boleh tambah secara kontrak, tiga, empat orang supaya menemui setiap mereka ini. Banyak kalau di Kelantan contohnya, ibu-ibu tunggal yang buat kuih-kuih ini, karpap, buat ubi kayu goreng yang jual tart. Banyak dan bertanya kepada saya. Saya boleh bawa pergi saya bawa pergilah. Tidak larat saya hendak urus ini pun.

Jadi kalau tambah mereka ini berkhidmat tentu ramai lagi dapat faedah dan dapat mengelakkan diri dengan ah long. Kita tengok baru ini ah long, sampai jerut leher, cukup zalim. Menteri Dalam Negeri sudah buat kenyataan akan perang habis-habisan. Itu dari sudut undang-undang. Ini dari sudut undang-undang, dari segi sudut kemudahan kena lihat dalam perspektif yang lain. Kalau kita ambil tindakan tegas pun contohnya Tuan Yang di-Pertua, mengedar dadah 39(b), banyak sudah yang digantung. Dahulu dikatakan kenapa hendak gantung kerana hendak jadi sebagai satu *deterrence*, satu pengajaran tetapi bila seseorang itu digantung, keluar sikat surat khabar. Orang tidak tahu, tidak jadi pengajaran. Apakah dalam gambar kalau *accident* bas 400 mati. Mati di Lebanon, mati di Afghanistan kerana *bombing suicide*, keluar gambar

bergelimpangan. Apakah tidak mungkin sekarang ini didedahkan orang hukum gantung kerana dadah, keluar muka depan.

■1710

Ini kerana mengedar dadah. Nama dia siapa, lepas itu dipinda balik undang-undang supaya hukumannya mandatori. Paling tidak hukuman yang satu kata rotan, sepuluh rotan, lepas itu denda RM5,000. Rotan wajib, empat, tiga rotan kah dan gambar mereka ditunjuk waktu dirotan. Ini baru boleh diberi pengajaran sebab cara yang ah long buat ini, pinjam RM3,000, sampai kena bayar RM35,000, rantai orang dalam bilik memang lebih daripada zalim dah, yang patut dihukum tetapi mereka ini meminjam kerana tidak ada tempat.

Jadi macam pinjaman TEKUN ini, ini ia tidak melibatkan sangat soal dari segi penyusunan semula masyarakat dari segi pembahagian ekonomi saya kata tadi hendak sampai 30% kaum bumiputera. Tidak mungkin kita boleh ukur dengan bantuan ini. Ini untuk kais pagi makan pagi. Yang ini mesti dilebarkan untuk semua kaum baik kaum Cina, India, Melayu yang 3,000-5,000 yang dok meniaga ini dibagi semua sekali. Jangan timbul lagi masalah yang kita lihat apa yang dilakukan oleh ah long dan serentak dengan itu, pinda undang-undang supaya mandatori hukuman, supaya tidak berlaku lagi kezaliman ah long ini.

TEKUN ini saya baca akhbar baru-baru inilah, betul tak betul kah saya tak tahu. Saya ada baca akhbar, ada TEKUN lulus pinjaman lepas itu nak *cash* duit tak ada, cek tendang. Ha, itu pun berlaku. Betul kah tidak? Peruntukan biar cukup. Ini Tuan Yang di-Pertua, bantuan TEKUN ini Tuan Yang di-Pertua termasuk Amanah Ikhtiar. Ini bukan sahaja dari segi sifat kemanusiaan kita, kita tak timbul sangat soal dia kutip bayar, kutiplah tapi jangan dijadikan isu. Gunakan betul-betul. Kalau kerajaan rugi sikit pun dia tidak akan... Malah mungkin rahmat itu besar lagi sebab ada macam konsep zakatlah juga. Kita menolong, datang rahmat besar.

Jadi ini patut diberi penekanan secara meluas termasuk TEKUN, Amanah Ikhtiar dan seumpamanya. Itu di bawah Kementerian TEKUN. Ada juga yang meniaga, yang dapat pinjaman TEKUN ini dalam bidang pertanian. Mereka menjual buah durian, buah mangga, buah manggis. Dia beli dengan pekebun-pekebun, dia bawa pergi ke kedai. Kadang-kadang buah-buah ini pula, hari ini dia nak tak ada sebab banyak dimakan tupai. Petani pula tak semua ada senapang hendak tembak tupai. Ada senapang, peluru tak ada. Jadi, kalau boleh cari juga peluru bagi kepada penembak-penembak tupai ini.

Bila datang musim buah-buahan, kena tembak tupai ini. Kalau tidak, siapa yang hendak menjamin bahawa hasil tanaman ini tidak dirosakkan oleh binatang-binatang lain. Ha ini, sebab itu kalau kita banding hasil-hasil buah-buahan daripada Thailand dengan Malaysia, mereka lebih baik sebab selain daripada kesungguhan petani-petani mereka yang saya tengok Tuan Yang di-Pertua, orang Thailand bila dia tanam pokok mangga, dia buka ladang, dia boleh duduk tepi ladang dia itu sampai malam. Dia tak balik pun, dia tunggu. Sampai begitu dia punya *hands on*.

Berbeza dengan kita. Kita, datang binatang, rosak, semua kita tak peduli lepas itu kita menyalahkan orang lain.

Jati diri petani kita pun masih rapuh. Jadi sebab itu saya cadangkan supaya TEKUN, Amanah Ikhtiar ini merupakan satu projek bantuan kewangan bukan sahaja untuk mengatasi ah long, tetapi satu gagasan perikemanusiaan yang saya percaya kalau dilebarkan nanti, banyak orang dapat faedah dan rakyat akan bergembira dan kerajaan pun akan selesa. Itu cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada juga agensi di bawah kementerian ini termasuk yang dipinda ke Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Pelesenan, baru lantik Yang Berhormat dari Tenggara jadi pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Pengerusi-pengerusi ini kebanyakannya orang-orang politik termasuk ketua-ketua pengarah. Jadi, saya haraplah mereka ini betul-betul *hands on*. Kenalah kadang-kadang ada setengah-setengah kerajaan kena, Perdana Menteri kena, Timbalan Perdana Menteri kena, Menteri kena, kerenah di bawah. Kerenah di peringkat ketua kampung, kerajaan kena. Peruntukan cukup, rakyat tak tahu. Jadi, pengerusi-pengerusi ini yang dah banyak jawatan itu tak payah, yang sungguh-sungguh termasuklah Program Pembangunan Usahawan yang diletakkan di bawah MITI. Ini tanggungjawab besar. Betapa banyak pun pelabur-pelabur datang nanti, betul boleh membantu menjana ekonomi negara, boleh membantu membawa masuk *foreign investors*, wujudkan peluang pekerjaan tetapi apa pun kejayaan ini sampai menara kita sampai ke langit pun, kalau kaum bumiputera tidak berjaya dalam keusahawanan, ianya juga dikira tidak berjaya dalam konteks agenda nasional.

Jadi, agenda ini penting. Program-program yang sudah dibuat dulu mesti disusun, ditambah dan kalau daripada segi peruntukan jangan kerenah sangat. Kalau tak cukup syarat sedikit sebanyak pun jangan dijadikan masalah sehinggakan perkara sama berbangkit demi berbangkit supaya pastikan mereka dibantu. Tuan Yang di-Pertua, jadi rumusannya saya tak sempat dah. Cuma saya nak sebut di sini hal sikit Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja hal PKFZ. Kalau saya tak sebut, tak sah sebab seolah-olah orang lain dah sebut, saya tidak ambil berat.

PKFZ ini memang projek besar, dah jadi isu nasional. Persepsi rakyat, ha ini satu lagi kerajaan tak bertanggungjawab dan isu ini sudah jadi isu dan juga sudah dipolitikkan. Saya bangkit bukan untuk mencari keuntungan politik. Saya tidak ada agenda politik cuma tinggal lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak orang yang menyeleweng, yang salah, yang menyalahgunakan kuasa, kalau ada bukti sah, akan diambil tindakan dan saya percaya tindakan akan diambil. Cuma yang saya hairan, saya nak tanya berapa belanja yang dibayar kepada Pricewaterhouse untuk buat *report* ini. Bila *report* ini siap, saya dapat, tujuh kali saya

baca Tuan Yang di-Pertua, malam di umah. Saya baca, saya nak rujuk kepada seksyen 4 - *Matters for The Attention of The Board*. Dia banyak *create* masalah lagi daripada menyelesaikan masalah.

Contohnya, *Issue 7 – PKA should have reduce its funding cost*. Dia patut PKA apa pandangan Pricewaterhouse? PKA *should reduce*, dia kata *could have reduced*. Makna paksa patuh. Jadi Pricewaterhouse pun tidak pasti betul atau tidak betul. Patut kurangkan atau patut tambah. *So* macam mana kita boleh berpandu kepada *report* macam ini? *It just creates more suspicious*. Jadi, dalam soal isu penyalahgunaan kuasa ini, RM5 pun sama, 5 sen pun sama, RM100 bilion pun sama. Bukan soal angka.

Lepas itu, nombor 9 – KDSB, *may have overcharged. May have overcharged!* Patutnya Pricewaterhouse kata KDSB *may overcharge*. Senang kita faham! Kalau macam ini, semua orang boleh buat *report*. Dok main agak-agak, andaian. Banyak lagi! Nombor 11 – *not expressly specified*. Nombor 14 – PKFZ *may not have received value. May, may, may* semua. Jadi tak betullah ini! Jadi kalau inilah laporannya, *Issue 18 – letter of support. Anything could be construed as a guarantee. Could be construed*. Kenapa tak boleh kata *could construe* untuk nak jadi sedap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dah lebih masa.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Jadi bila kita dapat *report* ini, senang kita nak berbahas. Kalau kita berbahas, kita mempertahankan PKFZ nanti atas dasar perniagaan yang *viability*, nanti kita pula dituduh ha, ini bersekongkol, ini ada kepentingan. Kita tidak! Kita bantai pula nanti benda tak betul dipolitikkan, orang yang meniaga jadi mangsa. Tidak betul! Jadi kita kena bersikap profesional. Saya bercakap saya tidak ada agenda. Saya ulang, daripada segi politik tetapi sekarang ini apa sahaja isu yang boleh dipolitik, dipolitikkan. Orang yang meniaga jadi mangsa.

Saya percaya, kalau dikemukakan dengan nada yang baik, fakta-fakta yang betul, bercakap dengan sopan-santun, kita pun boleh sokong. Kita pun boleh faham, bukti satu-satu. Jangan buat *innuendo*, tuduhan dan akhir sekali *conclude* dengan tuduhan-tuduhan yang sedemikian. Tak boleh, berdosa kita! Bukan soal undi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Baik Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya banyak nak bercakap bab ini. Ada peluang, saya sambung sebab saya nak supaya perkara ini ditangani dengan baik-baik sebab sudah pasti ia akan menjadi isu politik yang cukup hebat dan pihak kerajaan juga kena telus dan saya percaya kalau ada ketelusan, tidak ada masalah. Sebelum ini pun besar lagi kes-kes. Asal mana projek ini nanti boleh menjana ekonomi, lebih menguntungkan rakyat, banyak peluang pelaburan.

Jadi banyak lagi Tuan Yang di-Pertua tapi malangnya saya tak ada masa. Masa yang saya bercakap ini sama lamalah bahagian ketawa Ahli Parlimen Pasir Salak. Saya tengok *time*. 20 minit ketawa sahaja kalau ditotal. *He he, huk huk* ha, itu 20 minit. Lepas itu yang tak bercakap pun ganggu-ganggu di bawah ini pun saya dok tengok-tengok tadi, yang tak bangun bercakap pun dok ganggu melalui mikrofon pun 20 minit. Jadi kita kurang dapat bercakap tapi dengarlah apa yang saya cakap tadi.

Saya rasa saya bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Beberapa ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**5.19 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk turut berbahas di atas usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan berkenaan dengan penyerapan kementerian-kementerian disatukan kepada satu kementerian.

■ 1720

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membuat slogan yang diterima pakai oleh semua lapisan masyarakat di seluruh negara, iaitu slogan 'Satu Malaysia. Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Ingin saya menyentuh perkara atau soal yang pertama, iaitu Satu Malaysia yang berasaskan kepada Usul Kementerian Kewangan iaitu perpaduan dan integrasi. Apabila kita menyentuh tentang perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, peranan ini harus dimainkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, tidak mengira kepercayaan, tidak mengira warna dan sebagainya. Ini hasrat yang murni, yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi soal seterusnya, 'Rakyat Didahulukan', iaitu kemesraan wakil rakyat dan pemimpin negara ini terhadap kemajuan rakyat jelata. Seterusnya, peranan sistem penyampaian kita iaitu penyampaian atau *delivery system*.

Apabila saya melihat usul ini Tuan Yang di-Pertua, yang mana jumlah kementerian dikurangkan, iaitu disatukan di dalam satu kementerian. Sebagaimana yang disebutkan atau yang diucapkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, soal MECD yang dulunya dinyatakan tidak berkesan. Saya tidak tahu itu sebabnya kementerian ini dimansuhkan. Saya tidak begitu percaya kerana ramai antara bumiputera yang telah dibantu segala program yang diadakan atau yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui kementerian ini terlebih dahulu, iaitu terutama sekali penglibatan MARA dan sebagainya.

Jadi soal penyatuan kementerian ini, timbullah teguran-teguran dari peringkat akar umbi kepada saya semasa melawat kawasan. Adakah ini satu pendekatan yang baik? *Efficiency* dipersoalkan. *Efficiency* dipersoalkan, yang mana slogan kita itu iaitu 'Pencapaian Diutamakan'.

Jadi, adakah ini tidak menjadi kekangan kepada pihak Menteri untuk memegang jawatan yang begitu meluas terutama sekali kalau kita melihat KTAK dahulu. Kementerian Penerangan telah pun diserap dalam satu kementerian. Begitu luas kalau dianggap kementerian ini, mungkin ada dua setengah kementerian telah pun diserap kepada satu. Ini menjadi persoalan oleh masyarakat kita. Adakah ini tidak akan menjejaskan *efficiency* kementerian masing-masing. Kalau kita lihat KKLW, iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tahniah kerana tugas-tugas pembangunan usahawan ini diberi kepada Menteri daripada Sabah. Memang saya tidak ada kekhawatiran. Memang saya ada keyakinan terhadap kebolehan dan keupayaan beliau dalam melaksanakan terutama sekali melihat daripada segi membasmi kemiskinan di antara bumiputera-bumiputera di Sabah dan Sarawak. Saya rasa ini mungkin adalah satu pendekatan yang dibuat oleh pihak pimpinan negara kita, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat bahawa pentingnya menyelesaikan masalah-masalah kekurangan di dua negeri tersebut, iaitu di Sabah dan Sarawak.

Jadi kalau kita melihat tugas beliau itu agak luas dan termasuklah rakyat bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak ini mengharap besar kepada Menteri KKLW yang baru ini diberi tugas untuk melaksanakan kegiatan pembangunan usahawan di kedua-dua negeri ini. Apabila kita melihat Tuan Yang di-Pertua keberkesanan yang dahulu, saya tidak akan menyentuh atau membangkit, tetapi inilah yang disentuh atau disebut-disebut oleh terutama sekali golongan peniaga-peniaga ataupun ahli-ahli Dewan Perniagaan di Sabah dan Sarawak. Kalau esok saya ada soalan nombor 111, soal ekuiti bumiputera ini, belum lagi mendapat kepuasan hati golongan bumiputera bukan sahaja bumiputera di seluruh negara, tetapi juga amat dirasai oleh golongan-golongan bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak.

Ekuiti yang kita faham sekarang, ada yang menyatakan lebih daripada 40%, ada yang menyatakan tidak melebihi 18% pencapaian ekuiti bumiputera. Peranan kita. Jadi saya harap pihak kementerian yang berkenaan terutamanya pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri, apabila saya melihat peruntukan-peruntukan yang diberi itu tidaklah begitu cantik. Walaupun pihak Ketua Pembangkang menyatakan negeri-negeri miskin telah diberi amat kurang terutama sekali negeri Pulau Pinang, Kelantan dan sebagainya, Yang Berhormat tidak menyentuh soal pengagihan kepada Sabah dan Sarawak. Kalau kita lihat dari segi jumlah *population* dan luas kawasan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang ada di Semenanjung, bukan saya mempertikaikan pengagihan ini, tetapi saya hanya memberi pandangan bagi pihak kami daripada Sabah dan Sarawak bahawa ini harus juga kita pandang. Bahawa kawasan itu juga dilihat sebagai satu kelayakan untuk diberi lebih peruntukan.

Kalau kita lihat peruntukan yang diberi kepada negeri Perak amat besar walaupun ia di bawah pemerintahan pembangkang. Jadi ini bukanlah satu sebab yang dibangkitkan oleh pembangkang sebagai tidak adil. Soal yang sedemikian, saya harapkan pelaksanaan projek-projek terutama sekali infrastruktur yang membantu dan pembangunan yang berhasrat untuk

membasmi kemiskinan di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak ini dapat dilaksanakan sebelum pilihan raya akan datang. Itu amat penting bagi kita, sebab rakyat di sana telah pun memberi sokongan yang sepadat-padatnya kepada Kerajaan Barisan Nasional, dan saya harap tidak mengulang permohonan ini supaya pihak pembangkang tidak dapat menular *influentsnya* kepada golongan-golongan di luar bandar, yang mana memberikan gambaran bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak begitu prihatin kepada keperluan-keperluan orang miskin terutama sekali yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah dengan peruntukan pembangunan usahawan ini yang dahulu kita tidak ada ruang untuk memohon. Walaupun kita telah cuba pada sesi yang dahulu, bahawa usahawan-usahawan daripada golongan peniaga-peniaga kecil ini harus diberi ruang terutama sekali MITI harus juga memberi tempat perniagaan dan perusahaan.

■1730

Saya lihat peranan KKLW pun ada, kementerian apa yang ada dalam usul ini iaitu hal ehwal pengguna pun ada ruang untuk membina tempat-tempat perniagaan atau tempat-tempat penjualan hasil-hasil terutama sekali hasil produk pertanian di kawasan terpencil atau kawasan-kawasan yang perlu dibangunkan untuk memberi ruang kepada golongan usahawan yang kecil ini. Sekian, itu sahaja. Saya mohon menyokong.

5.31 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi kesempatan pada saya untuk turut membahaskan peruntukan semula bajet ini mengikut perubahan Kabinet baru-baru ini.

Apa yang telah pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Kabinet kerajaan ini akan meletakkan satu KPI untuk melihat dari sudut pencapaian untuk memastikan supaya setiap pencapaian yang dicapai itu akan dapat dilihat dan diukur dengan sebaik-baiknya. Apa yang saya musykil di sini ialah sewaktu Perdana Menteri dahulu iaitu Yang Berhormat Kepala Batas sewaktu beliau mula-mula memegang jawatan Perdana Menteri, beliau bercakap soal *report card*, kad laporan yang saya kira tidak banyak beza dengan soal KPI yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini.

Akan tetapi saya tidak tahu apa yang terjadi pada kad laporan tersebut sebab bagi saya sepatutnya kalau kad laporan itu memang betul berlaku pada Kabinet yang lalu iaitu pada zaman Perdana Menteri yang lalu, maka sudah tentu bahawa kita dapat menyusun atur kerja-kerja kita dalam kerajaan untuk kepentingan rakyat itu dapat berjalan dengan baik khususnya untuk mengenal pasti anggota-anggota Kabinet yang betul-betul mempunyai komitmen yang tinggi, yang mempunyai budaya kerja yang baik, mempunyai soal integriti yang cukup baik dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.

Akan tetapi sehingga kini saya tidak pernah pun mendengar dan melihat kad laporan tersebut yang dibentangkan di Dewan ini. Jadi sebab itu saya mohon kepada pihak kerajaan



kalau boleh mendapat tentang pengumuman ataupun pendedahan berkaitan dengan *report card* Kabinet yang lalu kerana sebahagian besar daripada anggota Kabinet yang ada pada hari ialah mereka yang pernah dahulu duduk dalam anggota Kabinet di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dahulu iaitu Yang Berhormat Kepala Batas. Ini sangat-sangat penting untuk kita melihat dan mengukur sejauh mana pencapaian dari sudut kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh anggota Kabinet yang lalu.

Saya juga melihat bahawa kerajaan macam tidak serius dalam soal kad laporan dan dalam soal KPI ini. Saya melihat lebih banyak kepada soal retorik. Saya melihat bahawa ia satu perkara yang cukup baik, tetapi saya melihat dia kepada persoalan retorik untuk memperlihatkan bagaimana kerajaan kononnya mementingkan persoalan-persoalan budaya kerja yang baik, kejujuran, soal integriti dan sebagainya.

Ini berdasarkan kepada soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertanya tentang soal KPI. Antara jawapan yang diberikan bahawa KPI adalah untuk membantu dan mendorong para Menteri untuk berusaha gigih dan mencari langkah-langkah inovatif bagi membuat pembaharuan untuk rakyat di samping memperbaiki sebarang kekurangan dan kelemahan yang mungkin timbul supaya dapat mencapai sasaran bagi setiap KPI.

Kemudian disebut bahawa KPI juga boleh digunakan untuk mengukur prestasi seorang Menteri atau Timbalan Menteri setelah ianya dilaksanakan tetapi oleh itu katanya ianya tidak lazim digunakan untuk tujuan pelantikan seorang Menteri. Jadi apa guna kalau kita buat KPI dan ada kad laporan tetapi itu tidak dijadikan ukuran pertimbangan untuk kita hendak melantik seseorang semula ke jawatan sebagai anggota Kabinet.

Jadi saya rasa bahawa sebab itu saya bertanya tentang soal kad laporan zaman Perdana Menteri yang lalu sejauh mana dapat dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk pastikan supaya kita dapat melihat dan mengukur bahawa anggota-anggota Kabinet ini yang ada di hadapan kita ini termasuk Timbalan Menteri ialah mereka yang melalui proses yang lulus dalam kad laporan. Maknanya kad laporan mereka bukan kad laporan yang merah tetapi kad laporan yang baik, yang biru. Kalau di sekolah dahulu, kalau merah kira teruk dan kalau biru okey.

Akan tetapi sekarang kita hendak lihatlah kad laporan tersebut sebab bagi saya sebarang perbelanjaan dan peruntukan semula untuk dibelanjakan mengikut kementerian-kementerian yang baru ini, ia bergantung juga kepada soal prestasi seorang anggota kabinet dan seorang Menteri. Dia tidak hendak dilihat bahawa dia mesti dilihat kepada soal pegawai-pegawai dan sebagainya. Itu satu tahap yang kemudian tetapi tahap yang pertamanya ialah dia bergantung kepada persoalan bagaimana prestasi seseorang Menteri, Timbalan Menteri dan seluruh anggota Kabinet.

Sebab kalau kita lihat kalau tidak pun kad laporan itu dibentangkan daripada laporan-laporan yang dibentangkan melalui laporan Ketua Audit Negara umpamanya. Laporan Ketua

Audit Negara itu sudah memperlihatkan satu KPI tentang petunjuk sama ada sejauh mana pencapaian baik buruk satu-satu kementerian yang dikendalikan oleh menteri-menteri yang sebahagian besarnya mereka itu masih ada dalam Kabinet. Hatta Kementerian Pertahanan satu ketika dahulu yang pernah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun kalau kita lihat laporan Ketua Audit Negara memperlihatkan satu keadaan yang cukup memalukan kita apabila tidak dapat diuruskan dengan baik sehingga menyebabkan kita telah kehilangan atau pun kerugian sejumlah kewangan yang begitu besar. Begitu juga dengan Kementerian Belia dan Sukan dan beberapa kementerian yang lain. Akan tetapi saya tidak nampak bahawa kerajaan menjadikan itu satu ukuran dan pertimbangan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Masa 20 minit lagi. Saya minta maaf. Duduk dahulu. Saya tidak ganggu tadi. Kalau masa saya panjang, saya beri.

Jadi saya tidak nampak kerajaan menggunakan itu sebagai satu pengukuran untuk hendak melantik atau pun memilih seorang anggota Kabinet. Kalau kita lihat bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam isu PPSMI umpamanya bahawa dia sendiri menyebut memang ada kesalahan dalam pelaksanaan PPSMI yang tidak mungkin berlaku dan sebagainya, kita kena dipertingkatkan dari segi pembelajaran dan pengajaran subjek bahasa Inggeris itu sendiri dan beliau sendiri pernah pun menyebut sebelum ini bahawa kementerian beliau terpaksa membuat kajian semula kerana kajian yang dahulu itu tidak boleh dipakai.

Bermakna bahawa apabila kajian semula, kajian yang dahulu dipakai ini bermakna bahawa KPI Menteri sebelum itu terlalu lemah, maknanya dia tidak mampu membuat satu penghasilan kajian yang boleh memberikan petunjuk untuk memperlihatkan bahawa keputusan segera perlu dibuat untuk menentukan persoalan pelaksanaan PPSMI itu perlu dimansuhkan dan perlu dibatalkan.

Jadi saya lihat di sini bahawa ramai di kalangan anggota-anggota Kabinet saya minta maaf kepada rakan-rakan saya bahawa menunjukkan KPI mereka tersangat tercorot berasaskan kepada apa yang telah saya sebutkan tadi. Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa saya mohon kepada pihak kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi bahawa untuk membentangkan kad laporan yang telah pun dibuat pada zaman Yang Berhormat bekas Perdana Menteri kita yang lalu supaya kita dapat mempertimbangkan dan rakyat dapat menilai kalau pun mereka Menteri-menteri itu sudah dilantik, jadi rakyat boleh menilai dan rakyat boleh nilai sendiri dan boleh kita tahu sejauh mana soal integriti yang ada kepada kepimpinan anggota kabinet dan juga pihak kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat bahawa persoalan isu-isu yang berkaitan dengan KPI ini juga ialah apakah KPI kepada kementerian-kementerian itu hendak dilihat sejauh

mana hendak diukur pencapaian mereka itu dari sudut kepentingan rakyat ataupun kepentingan parti kerajaan yang memerintah.

■1740

Saya bercakap ini kerana saya melihat bahawa seolah-olahnya ada dilihat bahawa peranan kementerian-kementerian tertentu atau agensi-agensi yang tertentu tidak dilihat bukan hanya sekadar untuk kepentingan rakyat, kepentingan negara tetapi hendak juga dilihat kepentingan kepada persoalan parti yang memerintah dalam negara kita iaitu Barisan Nasional. Saya sebut ini berkaitan dengan soal peranan Kementerian Pertahanan khususnya pihak tentera.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu berkaitan dengan soal pilihan raya di Manek Urai. Tentang penglibatan tentera untuk memastikan kejayaan dan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya di Manek Urai. Saya melihat bahawa ini sudah lari daripada KPI yang sepatutnya, sepatutnya kita letakkan KPI kepada anggota tentera ini ialah KPI mereka, petunjuk mereka ialah untuk memastikan soal keselamatan kepada kehidupan, masyarakat dan rakyat dalam negara kita. Bukan KPI mereka ialah untuk hendak diukur dari segi pencapaian mereka itu untuk memastikan bahawa Barisan Nasional menang.

Saya cabar kepada pihak kerajaan untuk menafikan kenyataan yang saya sebutkan ini bahawa bagaimana ada penglibatan tentera diheret di dalam pilihan raya Manek Urai. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO negeri Kelantan mungkin mengetahui tentang penglibatan tentera di Manek Urai ini. Oleh sebab itu saya katakan bahawa ini sudah menyimpang, kita menyalahgunakan bajet kita dan peruntukan semula ini, kita sudah menyimpang. Malah Kementerian Kewangan sepatutnya kena pastikan bahawa duit yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan khususnya kepada anggota tentera ialah untuk keselamatan negara kita, keselamatan dalam negara kita. Bukannya digunakan dan disalahgunakan untuk kepentingan persoalan politik bagi parti yang memerintah dalam negara kita iaitu Barisan Nasional.

Ini saya kira bahawa kita telah menyalahgunakan, satu penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan peruntukan wang rakyat, pembayar cukai sebab yang membayar cukai untuk bayar gaji tentera dan sebagainya bukan hanya daripada ahli-ahli ataupun penyokong-penyokong Barisan Nasional. Jadi sebab itu bagi saya bahawa saya bersedia untuk debat berkaitan dengan soal penglibatan tentera ini kerana saya ada satu fail berkaitan dengan penglibatan tentera di Manek Urai. Jadi sebab itu saya minta satu penjelasan daripada pihak kerajaan, walaupun peruntukan pengurangan semula ini tidak membabitkan persoalan Kementerian Pertahanan tetapi ia merupakan soal perbelanjaan pengurusan, soal perbelanjaan kewangan yang membabitkan soal kewangan negara dan kewangan rakyat dalam negara kita.

Kemudian yang ketiganya ialah persoalan berkaitan dengan MRR2 yang baru-baru ini ada disebut berkaitan dengan ada dua orang Dato' yang disiasat oleh SPRM dan mereka adalah bekas Setiausaha Perhubungan UMNO negeri Terengganu dan juga bekas Bendahari UMNO

negeri Terengganu yang telah pun disingkirkan baru-baru ini. Walaupun disebut oleh Pengerusi Perhubungan UMNO dan juga Menteri Dalam Negeri bahawa pertukaran penyingkiran mereka itu tidak ada kaitan dengan kes tersebut, kata mereka itu kes peribadi dan sebagainya.

Akan tetapi bagi saya bahawa itu satu hal, kes yang membabitkan dua orang Dato' ini yang kita menunggu bilakah pendakwaan yang akan dibuat oleh SPRM. Akan tetapi saya telah difahamkan bahawa mereka telah diberikan ikat jamin sebanyak RM20000 seorang oleh pihak SPRM. Akan tetapi persoalannya, isunya di sini ialah MRR2 ini merupakan satu projek yang memakan belanja yang sangat besar. Persoalan besar di sini yang ingin saya kemukakan ialah sejauh mana keselamatan MRR2, jaminan keselamatan MRR2 untuk digunakan dalam tempoh yang ada ini atau pun dalam tempoh yang akan datang ini.

Berapa tahun kita masih boleh guna MRR2 itu dan sejauh mana jaminan yang boleh diberikan pihak kerajaan bahawa MRR2 adalah selamat untuk digunakan kerana kalau kita melihat daripada laporan yang dibuat oleh Halcrow. Ia menunjukkan satu keadaan yang cukup membimbangkan apabila ada keretakan ataupun kesilapan ataupun kesalahan yang berkaitan dengan reka bentuk. Saya difahamkan bahawa apabila keretakan yang berpunca daripada kesalahan reka bentuk itu bermakna bahawa ia merupakan perkara yang sangat besar, ia memerlukan satu pembaikan.

Saya ingat bahawa kalau tidak silap ingatan saya bahawa kes keretakan ini sudah berlaku dua ataupun tiga kali bermula daripada tahun 2004, kemudian tahun 2006, kemudian ada sekali lagi. Maknanya sudah tiga kali kes keretakan ini yang telah menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat dan rakyat di dalam negara kita. Jadi sebab itu bagi saya bahawa apa yang disebut pula ialah baru-baru ini ada disebut tentang berkaitan dengan mengatakan bahawa kaedah yang dibuat menggunakan CFRP ini adalah tidak sesuai atau pun tidak selamat iaitu kaedah pembaikan yang digunakan, yang dibuat oleh proses pembaikan baik pulih yang dibuat oleh Bumi *Highway* dan sebagainya.

Jadi ingin saya mendapat penjelasan bahawa daripada maklumat terbaru yang saya sebutkan tadi bahawa kaedah CFRP yang dipasang dijangka tidak akan tahan lama dan tercabut seperti mana yang berlaku pada tiang yang ke 28. Ini kebimbangannya, ini laporan yang disampaikan kepada saya. Jadi sebab itu saya ingin mendapat satu penjelasan bahawa apakah jaminan pihak kerajaan tentang hal yang sedemikian rupa.

Jadi sebab itu ingin saya katakan bahawa juga penjelasan yang perlu saya perolehi di sini ialah berapakah kos sebenar pembaikan MRR2, kos sebenar pembaikan MRR2 sebab ini sangat penting kerana ia menyentuh soal kepentingan wang rakyat. Kemudian persoalannya ialah apakah perunding MSZ ini dikenakan tindakan disiplin oleh Lembaga Jurutera Malaysia kerana mengikut laporan Halcrow menunjukkan bahawa ia adalah merupakan masalah reka bentuk. Jadi bila masalah reka bentuk, ia ada kaitan dengan perunding MSZ. Adakah mereka telah diambil tindakan?

Kemudian, apakah tindakan yang telah dibuat ke atas Bumi *Highway*, KKM dan Sukimin kerana mereka merupakan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam projek pembinaan dan pembangunan kepada MRR2. Jadi sebab itu saya mohon penjelasan dalam tempoh masa yang singkat ini. Walaupun saya banyak perkara Yang Berhormat, maklumat-maklumat yang berkaitan dengan MRR2 tetapi saya hendak dengar apa penjelasan Yang Berhormat kerana ini merupakan soal kepentingan rakyat dan kepentingan negara.

Kemudian, berkaitan dengan soal biasiswa ataupun pinjaman MARA ini. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua iaitu sekarang ini ada rungutan di kalangan pelajar-pelajar yang sepatutnya mendapat biasiswa dan pinjaman tetapi walaupun telah diluluskan tetapi duitnya masih belum diberikan. Saya difahamkan katanya MARA ada masalah kewangan, menghadapi masalah kewangan dan memerlukan pam, *injection* daripada pihak kerajaan. Jadi saya hendak mintalah penjelasan bahawa bagi saya ini merupakan keutamaan yang harus diberikan dalam konteks pendidikan ini.

Ramai anak-anak kawan-kawan saya yang belajar di kolej-kolej yang baru masuk ini, walaupun sudah diluluskan, MARA dah *clear* tetapi sampai sekarang tidak dapat lagi pinjaman atau pun biasiswa itu. Jadi saya kira bahawa ini suatu yang harus dilihat sebagai satu kepentingan kepada rakyat dalam negara kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan lawatan Lee Kuan Yew, Menteri Mentor ke Malaysia baru-baru ini. Saya pun terkejut juga soal dia hendak bertemu dengan orang-orang politik, satu perkara yang saya tidak ada masalah tetapi bila dia bertemu dengan isteri Perdana Menteri, saya pun jadi ada sedikit... sebab belum pernah berlaku sama ada kepimpinan daripada negara luar datang ke negara kita bertemu dengan isteri kepada Ketua Kerajaan...  
[Ketawa]

Selalunya kalau dia datang dengan isteri dia, isteri dialah jumpa isteri Perdana Menteri, ini boleh minum teh sekali. Yang saya persoalkan ialah bila ditanya kepada Encik Lee Kuan Yew kenapa dia bertemu dengan isteri kepada Perdana Menteri, dia kata saya difahamkan bahawa mereka ini bekerja di dalam satu *team* yang perlu saya memahami bagaimana mereka bekerja dalam satu *team*. Jadi sebab itu sekarang ini, BN ini dikenali sebagai Kerajaan 'Bini Najib', BN bukan "barang naik" tetapi 'Bini Najib'. [Ketawa]

■1750

Jadi sebab itu saya inginkan satu penjelasanlah bahawa daripada kenyataan yang sebut oleh Lee Kuan Yew ini mengatakan bahawa Perdana Menteri ini bekerja sebagai satu *team* dengan isteri dia. Jadi saya melihat bahawa ini seolah-olah satu dakwaan yang dibuat oleh Menteri mentor daripada Singapore bahawa ada peranan isteri kepada Perdana Menteri ini dalam urusan tugas Perdana Menteri dalam mengurus tadbir negara kita. Jadi bagi saya bahawa sesuatu yang agak pelik apabila kenyataan itu dibuat oleh seorang Menteri mentor dan tidak ada satu penafian yang dibuat oleh pihak kerajaan. Ini menjadikan bahawa...

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya, sila.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Kejap sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Satu minit tinggal sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Bukan sahaja tidak ada penafian Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tidak kira jawapan ada tidak ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dia yakin Lee Kuan Yew ada niat baik, niat suci dalam tindakan dan apa-apa yang dia cakap apabila dia berada di sini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Inilah yang menjadi keluh kesah di kalangan kita semua bahawa bila Perdana Menteri sendiri memperakui ataupun mengalu-alukan tindakan tersebut. Ini yang menyebabkan saya sendiri cukup bimbang bahawa apakah akan berlaku lagi seperti mana berlaku kepada 51,177 ekar tanah yang telah pun didedahkan oleh cikgu Hamzah Osman bekas Setiausaha Kerajaan UMNO Negeri Johor selama 12 tahun di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, telah mengakui bahawa tanah itu telah dijual kepada kepentingan Singapura sebanyak RM370 juta. Ini bukan bagi dekat Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat..

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Bukan seperti mana dakwaan kata Bukit Gantang iaitu Kerajaan Negeri Perak bantu Cina tidak bantu Melayu. Ini bagi dekat Singapura bukan rakyat Malaysia. Pergi jual, pergi lelong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat masa sudah habis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Akhir sekali, begitu juga dengan berkaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat..

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Akhir sekali, satu sahaja. Tidak sampai setengah *second*. Johor City Square, ini juga di bawah masa Menteri Besarnya ialah daripada Pagoh yang sekarang ini menjadi Timbalan Perdana Menteri, iaitu Johor City Square 70% nya ialah *Singapore Investment Cooperation* iaitu GLC ataupun Khazanah daripada Khazanah Holding dari Singapura. Ini bagi saya bahawa tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa "oh, PAS tidak pentingkan soal Melayu," begitu begini dan sebagainya, "Pakatan Rakyat tidak penting soal

Melayu.” Ini bukan soal Melayu, Cina Malaysia, India Malaysia, ini jual negara kepada Singapura. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rembau.

**5.53 ptg.**

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengemukakan semula peruntukan Perbelanjaan Tahun 2009 ekoran daripada penstrukturan semula kementerian-kementerian yang dilaksanakan selepas pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga perkara yang agak ringkas yang ingin saya bangkitkan. Antaranya perkara yang telah disentuh tadi oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Akan tetapi izinkan saya membangkitkan dengan lebih teliti lagi masalah tersebut. Pertamanya masalah yang saya telah bangkitkan dalam soalan kepada Timbalan Menteri Kewangan iaitu masalah yang dihadapi oleh TEKUN. Ini soal memberangsangkan ekonomi.

Bila kita sebut tentang memberangsangkan ekonomi, sudah tentunya kita perlu melihat kepada kegiatan untuk memberangsangkan ekonomi di peringkat akar umbi. Nyata sekali kalau kita ambil apa sahaja teori ekonomi. Teori ekonomi mengatakan bahawa satu aktiviti ekonomi yang berlangsung di peringkat akar umbi adalah yang paling berkesan dari segi kesan gandaannya dan dari segi kesan secara langsung kepada pendapatan rakyat.

Oleh sebab itu masalah TEKUN ini menjadi satu masalah yang cukup besar. Apa yang saya bangkitkan hari itu bahawa ada pelbagai aduan yang diterima oleh wakil-wakil rakyat di mana permohonan untuk pinjaman TEKUN ini walaupun diluluskan tetapi pinjaman itu tidak diberi kepada pemohon. Masalah ini bukan hanya setakat cerita satu dua bulan tetapi permohonan yang telah dibuat pada bulan satu dan telah diluluskan pun tidak diberikan kepada pemohon. Ini memberi satu kesan yang cukup negatif kepada pemohon-pemohon.

Mereka ada masalah aliran tunai (*cashflow*), mereka ada masalah perniagaan dan kita menggagalkan usaha untuk memberangsangkan ekonomi di peringkat akar umbi. Dalam satu kenyataan akhbar Yang Berhormat Tanjong Karang, Menteri yang bertanggungjawab kepada TEKUN ini telah memberi kenyataan bahawa buat masa ini kutipan bulanan bagi TEKUN adalah RM15 juta. Akan tetapi RM25 juta diperlukan bagi menampung pemohon pinjaman baru iaitu jawapannya memberi gambaran seolah-olah kutipan pinjaman itu menjadi dana utama untuk meluluskan pinjaman baru.

Di mengakui oleh Menteri tersebut bahawa 14,000 pemohon baru pada tahun ini membabitkan nilai RM170 juta tidak dapat pinjaman yang telah dipohon oleh TEKUN. 14,000

iaitu RM170 juta. Yang Berhormat Menteri berkenaan juga telah keluaran statistik mengatakan bahawa pada tahun 2007, RM120 juta telah dikeluarkan, pada tahun 2008, RM360 juta telah dikeluarkan. Saya tidak pasti berapa banyak daripada sini adalah pembayaran semula daripada pinjaman dan berapa banyak adalah dana baru daripada kerajaan.

Akan tetapi juga disebut bahawa daripada bulan satu hingga bulan lima tahun ini, RM190 juta diluluskan untuk pemberian pinjaman baru. Menteri juga telah menyatakan bahawa tumpuan mengutip hutang ini tidak dijadikan alasan untuk tidak memproses permohonan pinjaman. Jadi di sini kita ada dua masalah. Satu masalah adalah permintaan yang tidak dapat ditampung oleh kerajaan, oleh kementerian. Satu lagi, adalah masalah pengurusan di mana diperakui oleh Menteri sendiri bahawa kita ada masalah kutipan semula.

Di mana kutipan semula itu diperlukan RM25 juta sebulan, yang mana kita ada hari ini adalah RM15 juta sahaja. Jadi adalah masalah pengurusan dan masalah keperluan. Jadi di sini saya ingin bangkitkan isu ini untuk perhatian Timbalan Menteri walaupun bukan kementerian yang mengendalikan TEKUN tetapi kementerian yang mengagihkan dana kepada kementerian. Bahawasanya kalau saya melihat kepada anggaran perbelanjaan pembangunan peruntukan semula bagi tahun 2009 hanya RM2.9 juta telah diperuntukkan untuk TEKUN di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya minta maaf tidak banyak masa.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Rembau memberi penjelasan mengenai bagaimana TEKUN itu. Apa hubung kait TEKUN dengan pertubuhan UMNO? Ini kerana saya baru terima SMS ini. Dia kata "Saya sudah hantar borang TEKUN ini, tetapi pegawai cakap 'Kak Zu YB Pembangkang, jadi tidak boleh dapat sign kerana kena minta sign Ketua Bahagian UMNO.'" So boleh tolong jelaskan apa hubung kait pertubuhan UMNO dengan TEKUN? Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Di kawasan saya tidak ada masalah dengan TEKUN. Saya tidak ada masalah dengan pemohon TEKUN tidak kira dia punya kecenderungan politik. TEKUN ini diberi di kawasan sayalah kepada sesiapa pun yang minta bantuan melalui Pusat Khidmat Masyarakat Rembau.

Jadi berbalik kepada isu yang sebenar iaitu masalah kekurangan dana dalam TEKUN ini. Kita ada satu masalah pengurusan. Akan tetapi dalam keadaan hari ini adakah kita boleh minta supaya kutipan hutang itu dapat ditingkatkan dengan keadaan ekonomi yang tidak berapa memberangsangkan. Adakah kita hendak mengutamakan kutipan hutang itu ataupun adakah kita hendak tambah dana untuk TEKUN yang menjadi satu isu yang cukup serius di peringkat akar umbi.



Jadi saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya diberi sedikit penekanan, sedikit penjelasan tentang kenapa dalam keadaan yang begitu ketara sekali yang dihadapi oleh TEKUN dan 14,000 pemohon TEKUN yang sampai hari ini tidak dapat dana tersebut. Kenapa hanya RM2.9 juta telah diperuntukkan dalam peruntukan semula perbelanjaan tahun 2009. Kalau jawapannya adalah kita hendak melihat kepada keberkesanan untuk dikutip semula hutang dan sebagainya.

Menteri sendiri kata bahawa itu tidak akan menjadi alasan. Jadi ini adalah satu soalan ataupun satu masalah yang serius dihadapi oleh semua kawasan dan semua Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam masalah tersebut.

■1800

Jadi saya pohon kepada Menteri Kewangan untuk memberi satu tumpuan yang serius kepada masalah TEKUN ini bukan hanya dari segi masalah pengurusannya tetapi juga dari segi masalah kekurangan dana yang dihadapi oleh TEKUN pada hari ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak bangkitkan, apabila kementerian semua ini distrukturkan semula, kita memahami rasionalnya, kita memahami MECD telah dibubarkan bukan untuk membubarkan agensi di bawah MECD tetapi untuk di *deploy* kepada kementerian-kementerian lain agar kerajaan lebih efisien tetapi saya hendak bangkitkan isu soal IKS ataupun SME di Malaysia. Kalau kita lihat hari ini SME Tuan Yang di-Pertua, SME kalau kita ambil sektor perkhidmatan, 87 peratus daripada sektor perkhidmatan adalah SME dan jumlah pekerja dalam SME adalah 56 peratus daripada jumlah pekerja di seluruh ekonomi negara serta SME menyumbang 32 peratus kepada KDNK kita.

Akan tetapi masalahnya pada hari ini, sekali lagi saya melihat bahawa banyak tugas SME ini diserapkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri walaupun ada tugas di bawah Bank Negara, ada tugas di bawah Kementerian Pertanian, ada tugas di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna dan sebagainya.

Jadi satu adalah soal penyelarasan sebab antara kelemahan yang masih lagi dihadapi oleh SME hari ini adalah bahawa pelarasan itu tidak cukup jelas untuk kita membangunkan ekonomi tersebut. Contohnya, kerajaan telah tubuhkan satu *council* satu majlis untuk pembangunan SME, tetapi dengan penyerapan beberapa agensi di bawah MITI, apakah masa depan SME, apakah masa depan terutamanya dari segi masalah-masalah tidak ada *comprehensive framework*, tafsiran SME mengikut agensi itu tidak konsisten, terlalu banyak agensi ataupun saluran yang bertanggungjawab ke atas SME tidak ada cukup data dan maklumat tentang pembangunan Malaysia SME.

Ini adalah satu cabaran yang dihadapi oleh SME yang telah dikeluarkan dalam satu laporan. Jadi soalan saya, memang tepat bahawa dana ini semua diletakkan dalam satu kementerian dua kementerian tetapi apakah keseriusan kerajaan untuk memantau pembangunan SME sebab bagi saya kalau kita hendak melihat masa depan ekonomi yang lebih *sustainable*,

kita kena melihat masa depan ekonomi kecil dan sederhana kerana inilah perlu menjadi *backbone* kepada ekonomi negara kita dan saya minta Menteri menjawab nanti untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai penyelarasan SME dalam struktur kerajaan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, *point* yang ketiga mengenai perpaduan. Ini adalah satu gagasan yang penting di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Satu Malaysia dan antara agensi yang diberi tugas untuk menjayakan Satu Malaysia ini adalah agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu yang berhubung kait dengan aktiviti perpaduan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan mesyuarat**]

Akan tetapi kalau kita lihat dalam penguntukan semula perbelanjaan tahun 2009, kalau kita lihat agensi Jabatan Perpaduan Negara yang mana diberi tugas untuk menjayakan Satu Malaysia ini dan saya mengakui bukan hanya Jabatan Perpaduan yang perlu menjayakan Satu Malaysia ini tetapi seluruh agensi kerajaan tetapi pengkhususan itu diberikan kepada Jabatan Perpaduan Negara. Kalau kita lihat antara agensi-agensi dan perbelanjaan yang diberi kepada Jabatan Perpaduan Negara RM1.96 juta untuk pusat aktiviti perpaduan dan RM419 ribu untuk pusat rukun tetangga, jadi saya kira tidak sampai RM3 juta untuk Jabatan Perpaduan Negara dalam isu penting iaitu untuk menjayakan Satu Malaysia. Adakah dengan penguntukan semula tidak sampai RM1.5 juta ini kita akan melihat satu Jabatan Perpaduan yang mempunyai satu hala tuju yang jelas.

Kalau saya bagi pengalaman saya sebagai wakil rakyat, kalau kita lihat KRT (rukun tetangga) di kawasan-kawasan masing-masing, saya percaya hidup segan mati tidak mahu. Kadang-kadang tidak ada peruntukan untuk menjalankan program, jadi kalau kita betul-betul untuk menjayakan Satu Malaysia ini, kita kena melihat soal perpaduan ini daripada aspek akar umbi. Bagaimana kita dapat menggerakkan penduduk di kawasan perumahan, di taman-taman perumahan untuk menjalankan aktiviti bersama, barulah kita menyampaikan inti pati dan semangat satu Malaysia itu kepada peringkat akar umbi. Kalau tidak slogan yang murni, pendekatan dan gagasan yang murni tidak akan sampai ke bawah. Kalau jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan perpaduan iaitu Jabatan Perpaduan Negara hanya dapat kurang daripada RM3 juta dalam penguntukan semula perbelanjaan tahun 2009.

Jadi saya harap bahawa Timbalan Menteri melihat, menjawab bahawa adakah kementerian, saya tahu ini cuma penguntukan semula dan bukannya secara dasar hendak tambah atau sebagainya tetapi saya minta secara jelas, secara jujur sama ada Kementerian Kewangan percaya bahawa peruntukan yang begitu kecil ini cukup untuk menampung kegiatan *grass root* (akar umbi) untuk meningkatkan lagi perpaduan sebab saya percaya kalau tidak kita buat, saya percaya perkara ini tidak akan berjaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih rakan Yang Berhormat Rembau. Saya hendak tanya pandangan sama ada Yang Berhormat Rembau boleh bersetuju atau tidak oleh kerana kita dalam proses untuk menyusun semula tanggungjawab-tanggungjawab yang ada dalam kementerian-kementerian ini dan yang utama ini Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kementerian ini langsung diserap kepada semua sebagaimana dinyatakan di dalam peraturan 66A dan 67B yang kita bincangkan ini.

Oleh kerana Timbalan Menteri Kewangan sekarang semalam mengusulkan bahawa jumlah yang belum dibelanjakan itu disekat di bawah peraturan perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1997, adakah Yang Berhormat Rembau bersetuju jumlah yang hendak dipindahkan ini juga mengambil kira jumlah yang telah dibelanjakan setakat 1 Januari 2009 sehingga kepada sekatan yang dibuat itu 10 April 2009. Adakah Yang Berhormat Rembau bersetuju yang Dewan ini juga patut meminta supaya kementerian telah dimansuhkan ini mengemukakan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan daripada peruntukan asal belanjawan anggaran 2009 yang lalu dan kita hendak tengok juga berapakah peratus yang telah pun dibelanjakan, ke mana dibelanjakan dan barulah kita boleh tengok *justification* dia dengan izin sama ada baki itu boleh kita pindahkan untuk menjamin *target* ataupun cadangan aktiviti yang hendak kita jana daripada baki belanjawan yang belum lagi kita *allocate* itu. Terima kasih

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya tidak memburuk sangka terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan sebelum ini. Saya percaya perbelanjaan itu mengikut apa yang telah digariskan, cuma saya bangkitkan soal pokok, soal dasar di mana beberapa inisiatif yang penting tidak mendapat peruntukan yang besar. Jadi yang saya sebutkan tadi adalah mengenai Satu Malaysia perpaduan dan saya harap kerajaan tidak menganggap masalah perpaduan ini masalah yang tidak penting sebab seolah-olah kalau kita menggambarkan kepentingan sesuatu isu itu dengan peruntukan yang kita dapat. Maka isu perpaduan ini walaupun saya tekankan sekali lagi walaupun perpaduan ini bukanlah dimonopoli oleh Jabatan Perpaduan Negara tetapi Jabatan Perpaduan Negara sebagai agensi yang cukup penting melaksanakan tugas ini hanya mendapatkan peruntukan yang cukup kecil yang saya percaya tidak dapat melaksanakan apa-apa sahaja.

Kalau pergi kepada laman web Jabatan Perpaduan Negara saya percaya Menteri yang berkenaan ada di sini, laman web tersebut *is quite laughable*, satu laman web yang tidak memberi kesan langsung kepada sesiapa yang mengunjungi laman web tersebut. Jadi saya harap kerajaan dapat melihat perkara ini untuk memastikan penguntukan semula perbelanjaan pembangunan dan juga pengurusan dalam tahun 2009 dapat memberi kesan sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

**6.09 ptg.**

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada 15 Jun 2009 iaitu hari pertama sidang Parlimen yang ke-12 ini, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan telah memberitahu Dewan yang mulia ini daripada jumlah RM7 bilion yang diperuntukkan itu untuk pakej rangsangan ekonomi pertama sebanyak RM6.95 bilion atau 99% telah diagihkan. RM4.02 bilion telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor dan bakinya sedang dalam proses untuk ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian kepada Dewan ini kepada satu faktor yang telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan ini iaitu sehingga 5 Jun 2009, hanya projek bernilai RM1.4 bilion telah siap dilaksanakan. Saya ulang sekali telah siap dilaksanakan.

**■ 1810**

Ini bermaksud bahawa pihak kerajaan hanya belanja lebih kurang 20% daripada wang yang diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Pertama. Dalam bulan Mei 2009 iaitu bulan yang lalu, Maybank Investment Berhad melaporkan bahawa sehingga 12 Mei 2009, hanya RM79 juta atau 11% dibelanjakan. Menteri Kewangan juga mengatakan bahawa Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua sejumlah RM4.2 bilion telah diagihkan sehingga 5 Jun 2009 tetapi hanya sejumlah RM1.2 bilion yang telah disiapkan.

*This work out to about* dengan izin 2%. *Two percent of the RM 60 billion* yang telah diperuntukkan untuk pakej kedua. Kalau kita ambil kedua-dua Pakej Rangsangan ini maka iaitu RM67 bilion kerajaan hanya belanja 3.9% dalam tujuh bulan lalu iaitu daripada November 2008 hingga Mei 2009 untuk memulihkan ekonomi negara. Tindakan kerajaan dalam mengurus Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua tidak meyakinkan dan saya mesti katakan mengecewakan. Ternyata pihak kerajaan tidak memiliki *political will* untuk melaksanakan Pakej Rangsangan berjumlah RM67 bilion ini.

Kalau kita ambil contoh di Australia Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negara itu telah membelanjakan RM10 bilion AUD dalam tiga minggu di bulan Disember 2008 untuk memberi suntikan sebanyak 1.2% GDP *growth* untuk ekonomi mereka pada tahun 2009. Suntikan ini ditujukan sebagai kusyen perlindungan kepada *anticipator recession* dalam negara itu. Oleh sebab kelembapan dan dalam pelaksanaan Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua, negara kita telah hilang atau hilang kesempatan emas, *a golden opportunity* untuk memperlindungan ekonomi kita daripada kegawatan yang melanda dunia ini termasuk Malaysia.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, *we should not be surprised that the Malaysian economy* telah mencatat *negative growth* sebanyak 6.2% termasuk *a decline domestic as well as private consumption* dan juga *export growth*. *The government must share a major responsibility for these*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, *timing and targeting is of astern* dalam pelaksanaan pakej rangsangan atau *stimulus package*. *Timing and targeting is of astern in the implementation*,

dengan izin, *stimulus packages*. Oleh sebab lambat dan lembap dalam menangani krisis kemelesetan ekonomi maka orang ramai termasuk pihak swasta khususnya pihak swasta luar, pekerja-pekerja di Malaysia hilang kepercayaan terhadap kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya hendak bangkitkan ialah peranan wakil Kementerian Kewangan termasuk Kementerian Pengangkutan dan wakil Economic Planning Unit sebagai Ahli Lembaga Pelabuhan Klang atau Port Klang Authorities.

Laporan audit PricewaterhouseCoopers mengenai Zon Bebas Pelabuhan Klang telah menguatkan lagi dakwaan selama ini dan telah diketepikan oleh pihak kerajaan bahawa projek yang dibiayai dengan wang rakyat itu dilanda kelemahan dan kecacatan sejak dari mula *Project Port Klang Free Zone* dilaksanakan lagi. Antara fakta yang disahkan PricewaterhouseCoopers ialah *Port Klang Free Zone* berdepan dengan peningkatan kos kelemahan dalam urus tadbir dan pengurusan projek yang berlaku konflik kepentingan atau *conflict of interest* oleh pengurusan *Port Klang Free Zone* dan pihak kontraktor. Apa yang tidak disebut dalam laporan PricewaterhouseCoopers ialah penyalahgunaan kuasa. *Gross negligence on the part of state authorities, regulators* dan pengurusan Lembaga Pelabuhan Klang yang juga telah mengakibatkan kegagalan Port Klang Free Zone.

Mengapakah wakil Kementerian Kewangan, Pengangkutan dan juga Unit Perancangan Ekonomi ataupun *Economic Planning Unit* senyap apabila penyelewengan berlaku? Adakah mereka intimidasi oleh pihak tertentu atau dibeli oleh pihak tertentu atau terpaksa tutup mata kerana takut penganiayaan terhadap mereka atau mereka bekerjasama dengan pihak tertentu. Jelas, bahawa wakil-wakil kerajaan telah gagal untuk memantau dan menjaga kepentingan bukan sahaja kepentingan kerajaan tetapi juga untuk mempertahankan hak rakyat yang telah mencetuskan isu skandal *Port Klang Free Zone*.

Dalam konteks ini *regulators* dan juga badan-badan kerajaan seperti SPRM, Pejabat *Auditor General, Attorney General* termasuk *Security Commission* memang mengetahui mengenai penyelewengan Port Klang Free Zone empat hingga lima tahun yang lalu tetapi gagal melakukan tanggungjawab mereka. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang timbul dalam soalan Port Klang Free Zone adalah kalau kita tidak dapat percayai wakil-wakil kerajaan atau *regulators*, siapa lagi yang dapat menjamin dan memperjuangkan kepentingan kerajaan dan hak rakyat? Banyak soalan timbul dalam skandal Port Klang Free Zone ini dan saya harap dapat jawapan daripada Menteri berkenaan.

Pertama, mengapakah tidak ada tender terbuka untuk memilih kontraktor Port Klang Free Zone. Bagaimanakah pihak penjual tanah diberi kontrak untuk membangunkan tanah yang sama? Bukankah ini bertentangan dengan dasar Kementerian Kewangan? Apakah tujuan pengurusan LPK untuk menggunakan peguam luar daripada peguam-peguam dalaman atau panel peguam sendiri? Ini juga adalah tentangan dengan dasar kerajaan. Bagaimana mungkin bahawa perjanjian akhir ataupun *final development agreement* yang telah ditandatangani pada

27 Februari 2003, telah berjaya menggugurkan peranan *Independent Quality Surveyor* untuk menentukan perubahan penilaian atau *variation cost*.

Dalam dua draf yang sebelum ini, peranan *Independent Quality Surveyor* ialah untuk menentukan perubahan penilaian atau *variation cost* tetapi dalam *final development agreement*, *variation cost* akan ditentukan oleh LPK sendiri, Lembaga Pelabuhan Klang sendiri. *This is a major conflict of interest and major abuse of power*.

Adakah benar bahawa *the final development agreement* yang ditandatangani pada 27 Februari 2003 tidak disetujui dan tidak disokong oleh Kementerian Kewangan dan *Economic Planning Unit* tetapi perjanjian itu ditandatangani dan dapat persetujuan daripada Menteri Pengangkutan pada masa itu dan ditandatangani oleh Pengurus Besar LPK dan di saksi oleh Pengurus Personel LPK.

Saya juga ingin tahu daripada Menteri adakah benar bahawa *development agreement* bertarikh 27 Mac 2004 ditandatangani secara rahsia dan tidak ada keterlibatan Lembaga LPK termasuk Kementerian Kewangan dan juga *Economic Planning Unit*. Perjanjian ini telah disusun secara peribadi oleh Pengurus Besar LPK dengan menggunakan peguam luar yang sama. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 27 Mac 2004 dan *distamp* pada 9 April 2004 dan Lembaga LPK hanya diberitahu mengenai perjanjian ini selepas 14 hari.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak isu lagi dan saya ada banyak butir hendak bincang, oleh kerana ada masalah masa saya akan habis pada hari ini tetapi saya akan minta penjelasan daripada pihak Menteri...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Sebelum itu..

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, *fiasco* Port Klang Free Zone ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada masa sudah Yang Berhormat. Cukuplah. Tidak perlulah.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Minta penjelasan, sekejap sahaja. Terima kasih. Tadi ada disebut Pengurus Besar LPK, adakah Pengurus Besar LPK yang tersebut Datin Paduka O.C. Phang? Ini adalah Datin Paduka O.C. Phang adalah seorang pengurus besar yang telah menjawat jawatan tersebut semasa Tun Dr. Lim Leong Sik menjadi Menteri Pengangkutan dan juga Datin Paduka O.C. Phang masih di situ sebagai pengurus besar semasa Datuk Seri Chan Kong Choy sebagai Menteri Pengangkutan dan juga seterusnya.

■ 1820

O.C. Pang walaupun namanya tidak dikesan, tidak disebut-sebut oleh MACC tetapi kenapa orang itu tidak dipanggil supaya dapat memberi penjelasan mengenai apa yang telah berlaku dan Lembaga Pengurusan itu, sampai tidak diberi pemberitahuan apabila keputusan yang besar-besar itu telah dibuat tanpa memberitahu Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Terima kasih.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sebenarnya selepas tahun 1999, Pengurus Besar LPK adalah Datin Paduka O C Pang dan beliau yang menguruskan semua *development agreement* dan malangnya sampai ke hari ini beliau belum disiasat lagi. Sebenarnya banyak *report* telah dibuat kepada MACC atau sebelum itu ACA, tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan ataupun belum dipanggil untuk *investigation* oleh ACA, polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, *fiasco* Port Klang Free Zone ini merupakan skandal kewangan yang terbesar di Malaysia dari negara kita. Isu ini tidak boleh di *swept under the carpet* sebab, ini adalah implikasi untuk keyakinan di kalangan pelabur-pelabur asing mahupun tempatan. Akan tetapi lebih penting Tuan Yang di-Pertua, ialah kegagalan *regulators*. Kegagalan *regulators* termasuk badan-badan kerajaan serta kesenyapan pemimpin-pemimpin negara yang tidak mempertahankan kepentingan kerajaan dan rakyat, menunjukkan bahawa negara kita mula menunjukkan ciri-ciri sebuah negara yang sedang gagal, *a failing state*. Kerajaan harus membentuk sebuah *Royal Commission* untuk menyiasat *wrong doings* dan salah guna kuasa di Port Klang Free Zone untuk kembalikan kepercayaan dan keyakinan pelabur mahupun rakyat tempatan dalam institusi tempatan demi menjaga kepentingan kerajaan dan hak rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran.

**6.22 ptg.**

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk teruskan dalam perbahasan ini. Saya ingin menyentuh beberapa perkara khusus kerana kekurangan masa. Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya kira usul Menteri Kewangan ini adalah satu usul *exercise technical* oleh kerana pemansuhan satu kementerian dan juga *realignment* tugas-tugas kementerian-kementerian yang lain.

Akan tetapi apa yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua ialah apabila jabatan-jabatan ini diagih-agihkan kepada beberapa kementerian, ini menyebabkan satu masalah kepada orang ramai khususnya mereka pihak-pihak yang mahu berurusan dengan jabatan-jabatan, kerana mereka ini terpaksa mengejar jabatan-jabatan ini yang dipindah ke kementerian yang berlainan. Hari ini jabatan ini berada di sini, hari esok ia berada di jabatan yang lain. Jadi ini sudah satu akibat daripada *exercise* ini, tetapi saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, tidak lagi banyak apa-apa perubahan rombakan kementerian- kementerian supaya memberikan keselesaan kepada rakyat berurusan dengan jabatan-jabatan.

Terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana telah menghadiahkan Sabah dengan melantik empat Menteri. Kita berharap dengan pelantikan ini, maka Sabah akan *look forward*, dengan izin kepada satu era baru dalam soal pembangunan. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyatakan bahawa saya perhatikan adalah kementerian

yang terlalu besar, contohnya ialah saya lihat di sini Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Dahulu Kementerian Penerangan ini satu kementerian yang berasingan begitu juga kebudayaan dan sekarang ini telah dirangkum dalam satu kementerian. Saya kira Menteri yang bertanggungjawab dalam kementerian ini mempunyai tanggungjawab yang cukup besar dan saya harap Timbalan-timbalan Menteri yang dilantik ini dapat membantu Menteri supaya kementerian dapat berfungsi dengan berkesan.

Satu perkara yang juga menarik perhatian saya ialah soal perpaduan. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Rembau yang baru hendak balik ini... [*Ketawa*] Mengenai hal dengan betapa pentingnya soal perpaduan ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perkembangan soal perpaduan di negara kita ini yang mempunyai gelombang, satu ketika dulu perpaduan ini agak baik tetapi perpaduan baru-baru ini kita lihat perpaduan ini dalam erti yang terperinci, seolah-olah tergugat oleh kerana dilanda dengan perkembangan politik.

Jadi saya berpendapat bahawa soal perpaduan ini harus ditangani dan saya bersetuju dengan saranan rakan-rakan bahawa isu perpaduan ini harus tidak diambil secara remeh. Sepatutnya perpaduan ini mempunyai kementerian sendiri. Walau bagaimanapun, saya lihat bahawa perpaduan ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan seorang Menteri penuh telah dilantik untuk bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perpaduan ini mempunyai beberapa aspek, pertama sekali mengenai *regional*. *Regional* dalam ertinya walaupun masyarakat ataupun rakyat Semenanjung Malaysia, di kalangan rakyat tempatan iaitu di kalangan Melayu, India dan Cina telah mencapai perpaduan, tetapi persoalannya ialah perpaduan antara rakyat Malaysia di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak. Kita lihat dan saya lihat sendiri Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam soal ini masih banyak perkara yang harus diperjuangkan. Umpamanya bukan sahaja di kalangan rakyat biasa tetapi kadang-kadang ada juga pemimpin-pemimpin yang dalam ucapan umum itu tersilap ataupun tersasul.

Ada pemimpin-pemimpin termasuk Menteri-menteri membuat ungkapan seperti seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Apabila ungkapan ini dibuat Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sabah dan Sarawak ini merasakan seolah-olah Sabah dan Sarawak ini sebagai penggenap. Ini harus diperbaiki dan usaha perlu dipertingkatkan.

Satu lagi aspek perpaduan ini Tuan Speaker, ada pepatah Melayu mengatakan bahawa, "*Tak kenal maka tak cinta*". Ertinya dalam usaha kita untuk mengejar perpaduan yang tinggi yang kuat, kita harus di kalangan rakyat Malaysia ini, harus memahami budaya semua kaum-kaum di Malaysia ini. Memahami bukan hanya setakat membaca melalui buku-buku, melalui *mass media* dan sebagainya tetapi adalah lebih baik kalau kita sebenarnya dapat memahami inti pati kebudayaan masing-masing dan sebagaimana kepercayaan keagamaan dan sebagainya.

Setiap rakyat Malaysia harus memperlihatkan penghormatan, *mutual respect* antara kaum-kaum yang lain. *This is very important*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita



membuat program yang dianjurkan oleh agensi yang diaturlah, hanya setakat Rukun Tetangga dan sebagainya. Ini tidak mencukupi, kita harus pergi kepada akar umbi, *the basic element of integration* ataupun *unity* di mana kita menghormati jiran kita. Kita mengenali antara satu sama lain.

Satu lagi perkara dalam perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua ialah ianya harus bermula daripada kanak-kanak lagi. Iaitu anak-anak kita di sekolah-sekolah. Jadi saya amat tertarik dengan satu program yang di anjur oleh Jabatan Pendidikan iaitu dikenal sebagai RIMUP. Setiap sekolah ini diberi peruntukan untuk mengadakan satu program di mana anak-anak kita di sekolah yang berbilang kaum itu dapat bermesra dan ibu bapa dijemput untuk membuat satu program kalau ia kebetulan Perayaan Hari Keamatan di Sabah, maka unjuran program itulah keamatan dan semua anak-anak yang berasal daripada berbilang agama, keturunan itu dapat memahami sebenarnya dari masa anak-anak.

Ini adalah satu program yang baik dan saya pernah dijemput untuk merasmikan satu program dan saya mendapat manfaat dan memikirkan bahawa kita harus *start*. Saya teringat pepatah Melayu, "kalau melentur buluh biarlah yang masih hijau". Betul ya?...

**Seorang Ahli:** Rebung!

■1830

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Rebung. Biarlah yang masih hijau. *We must start from the beginning*, dengan izin. Kalau kita sudah tua Tuan Yang di-Pertua, *our mindset is already rigid* ya, sudah *rigid* ya?

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Berkarat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Berkarat... [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Keras.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Keras, dan bukan senang untuk di lentur. Akan tetapi, kalau kita mula dari kanak-kanak, anak-anak kita melihat bapa-bapa dia bergaul mesra maka, ini akan terus kekal dalam pemikiran mereka apabila mereka membesar nanti. So, saya sarankan kepada kerajaan mintalah, tadi ada mengatakan peruntukan tidak cukup mintalah tambah sedikit dan rancakkan program di peringkat awal lagi, di sekolah-sekolah.

Ini masalah, kesan daripada sistem pembelajaran kita iaitu sekolah-sekolah vernakular, bukan saya tidak menghormati, saya hormati pihak *vernacular school*. Akan tetapi, kesannya ialah sejak kecil lagi, anak-anak kita ini terpisah. Mereka hanya mungkin bergaul apabila mereka ini sampai ke kolej.

Saya, Tuan Yang di-Pertua amat terkejut sekali, berkenalan dengan seorang kawan berbangsa India di Semenanjung baru-baru ini. Dia ini seorang Peguam. Dia menyatakan bahawa mental beliau ini diasuh sedemikian rupa sehinggakan dia tidak mengerti tentang kaum-kaum yang lain. Saya membawa pemandu saya Tuan Yang di-Pertua, dari Semenanjung ini, orang Negeri Sembilan, orang Melayu. Saya membawa di ke Sabah baru-baru ini, pada mulanya

dia hanya tinggal di Sabah satu minggu tetapi akhirnya, dia tinggal di rumah saya sendiri satu bulan. Dia begitu kagum melihat perpaduan di kalangan rakyat di Sabah yang berbilang kaum. Dia minta izin, "*Datuk boleh tunda sedikit penerbangan balik ke seberang*", saya bilang, "*Boleh, no problem satu bulan.*" Sekarang ini, beliau di Kuala Lumpur selalu berkata-kata kepada rakan beliau pengalaman beliau di Sabah. Jadi, saya rasa ini amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh tentang kesan perubahan ini iaitu saya berharap, mana-mana perkara yang telah *committed* oleh Menteri yang dahulu, harus dihormati dan di dokong oleh Menteri baru. Dahulu kita ajukan surat kepada Menteri yang dahulu, berjanji "*Okey I will look into it*", saya akan lihat dan saya setuju ini-ini. Apabila kita rujuk dengan Menteri baru, oh itu Menteri lama. Satu contoh Tuan Yang di-Pertua, ini satu sekolah saya sentuh di sini, Sekolah Menengah Tamparuli II di pekan Nabalu itu, di kawasan saya. Seorang Timbalan Menteri dahulu, Timbalan Menteri Pelajaran datang, dia janji okey, dalam tiga hingga enam bulan sekolah ini akan mula dibuat, dibina. Di pekan Nabalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tanya, ajukan pertanyaan dalam Dewan ini, jawapan yang saya terima ialah, saya kebetulan mendapat SMS daripada rakyat saya, penyokong. Dia cakap, "*Datuk, macam mana itu sekolah menengah yang dijanjikan oleh Timbalan Menteri dahulu, melawat kawasan?*". Saya dapat jawapan di dalam Dewan ini ialah projek itu masih ada tetapi oleh kerana tiada wang maka, ia dipindah ke Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya SMS kembali kepada orang yang memberi SMS dan cakap macam mana ini, apa Datuk buat dalam Parlimen? Inilah saya ingin tekankan bahawa apa jua komitmen Menteri yang dahulu, harus di dokong dan dihormati oleh Menteri baru. *Check* dalam fail. Kalau Menteri lama, dia ada acara *handover*, apa ini, surat serah tugas ya?

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Kertas serah tugas.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Kertas serah tugas, serah tugas ini. Sepatutnya semua yang telah *committed* dahulu itu harus diserahkan, Yang Berhormat, ini yang saya *commit*, teruskan. Saya lihat ini, Tuan Yang di-Pertua, hilang, kita kena ulang balik, kita jumpa Menteri baru, dengan perkara yang sama. Ini yang menyusahkan... [Disampuk] Ini tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah tidak adil kalau saya tidak katakan terima kasih kepada kerajaan kerana saya lihat, pentadbiran baru ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Perdana Menteri baru, nampaknya cepat untuk *respond* kepada surat-surat MP dan sebagainya. Kalau dahulu, kita hantar surat permohonan pada tahun ini, jawapan tahun akan datang. Akan tetapi, saya mempunyai pengalaman...

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Aku tahu... [Tepuk] *Very good!*

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Akan tetapi sekarang ini, saya hantar surat Disember tahun lepas, saya dapat kelulusan dalam bulan April. Terima kasih kerana ada *respond* yang cepat, empat bulan.

Nampaknya, kerajaan begitu serius dengan soal pembasmian kemiskinan dengan Program Cari, *I single out*, Cari. Ini satu program amat cantik dan baik. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan di Dewan ini bahawasanya ada masalah dari segi pelaksanaan Cari ini. Dahulu kita telah diberi penerangan oleh Menteri yang berkenaan iaitu Cari inilah kita cari orang yang miskin dan kita MP diminta untuk membantu dan kita buat program Cari, naik rumah satu per satu, kita buat *record* dengan gambar dan sebagainya. Akan tetapi, malang sekali, datang pegawai peringkat negeri datang buat satu penerangan bahawasanya meminta ketua kampung, JKK kumpul, panggil semua rakyat itu di balai raya dan buat rekod. Bagaimana kita dapat mengenali yang miskin, tidak miskin kalau semuanya berhimpun dalam satu balai raya? Sebenarnya, kalau orang yang daif itu tidak mampu untuk datang ke balai raya, dia tinggal di rumah. Tiada wang tambang dan sebagainya.

Lagipun, pengumuman mengatakan oleh pegawai berkenaan semua mereka yang berumur 60 tahun ke atas layak untuk memohon. Jadi, saya kira ini sudah terpesong lari daripada apa yang diterangkan oleh Menteri. Jadi, saya memberi penerangan kepada pegawai tersebut, kalau inilah cara untuk melaksanakan ini, harapan rakyat begitu tinggi, diminta untuk mengisi borang dan saya takut, khawatir dua tahun kemudian rakyat akan marah kerajaan kerana bukan salah pemimpin tetapi, salah pelaksanaan.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai perbelanjaan peruntukan kerajaan. Kita sudah ada RM7 bilion, RM60 bilion. Memang, banyak sudah wang datang ke kawasan-kawasan, daerah-daerah. Akan tetapi, apa yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, saya lihat sendiri dalam satu peruntukan itu mempunyai jumlah sedemikian dan sistem campur tangan ini maka, harga sebenarnya projek tersebut adalah diukur atau di belanja mengikut BQ projek tersebut. Saya ambil contoh, kalau projek itu diberi peruntukan RM100,000 manakala BQ itu kecil, maka hanya RM60,000 yang dibelanjakan, saya bertanya pergi mana yang RM40,000 itu? Dalam statistik yang diumumkan oleh Menteri sekian besar, tetapi sebenarnya sampai ke tanah itu hanya beberapa peratus. Jadi sampai hari ini saya tidak tahu bagaimana dengan soal *balance* itu. Berbalik kepada Perbendaharaan kepada kementerian, kita minta penerangan daripada JPNS daripada Perbendaharaan, mereka tidak tahu. Jadi saya harap kerajaan dapat memberi penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya harap kerajaan, apabila kita memberi peruntukan kepada sesuatu projek itu, kita harus tinjau soal keberkesanan, *effectiveness* peruntukan itu. Saya ambil contoh, Kementerian Pelajaran telah memberi peruntukan solar hibrid kepada satu sekolah di kawasan saya. Satu sekolah yang mempunyai murid hanya 48 murid, peruntukan solar hibrid ialah RM5 juta. *So, per capita expenditure is very high*, dengan izin. Kita kira, saya lawat kampung dan sekolah tersebut. Kalau *line*, talian elektrik daripada *highway* ke sekolah itu, hanya memakan belanja RM2 juta tetapi kenapa perlu membelanjakan RM5 juta kepada solar hibrid yang hanya memberi kuasa elektrik kepada sekolah yang mempunyai hanya 48 murid. *So,*

*this is not cost efficient.* Jadi, saya harap kita harus berhati-hati dalam perbelanjaan wang kerajaan.

■ 1840

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah soal elektrik di Sabah ini. Saya sudah sentuh beberapa kali. Untuk makluman Dewan ini, program yang paling diminati atau yang terkenal di Sabah adalah, *electrical blackout*. Begitu kerap sekali sehinggakan rakyat Sabah ini, sudah biasa dengan *blackout*. Saya tanya dulu. Ini kali yang ketiga saya tanya soalan ini, apakah sebabnya *electrical blackout* yang begitu kerap sekali di Sabah ini? Dan saya masih ingat, dalam sesi yang dulu, jawapan yang saya terima ialah, grid elektrik itu belum lagi disepadukan. *There's no integrated grid*, dengan izin. Akan tetapi jawapan kali ini yang saya terima Tuan Yang di-Pertua ialah, simpanan elektrik, ataupun *reserve* elektrik di Sabah hanya dalam tahap 10%. Ini jawapan sudah berlainan. Sudah bertukar ini oleh Menteri barukah ini? Ini mungkin jawapan Menteri yang baru. *Reserve* ialah hanya 10%, sedangkan tahap simpanan yang diperlukan dikatakan di sini, ialah 25%, dan dikatakan di sini ada perancangan jangka masa pendek, medium dan panjang.

Program yang terpentas saya lihat ini, ialah untuk mengatasi, *this is so serious*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *We have to take action*. Rakyat Sabah mengharapkan, mana sudah billion-billion yang sudah di umum itu, bagilah sikit, selesaikan perkara pokok ini. Dikatakan di sini, yang paling cepat projek yang dirancang ialah, Projek Loji Jana Kuasa Berasaskan Gas. Mempunyai kapasitinya 190MW di *industrial park* yang hanya siap dalam 2010. Ini hanya 190MW, yang lain itu, 212MW, 213MW. Sampai bila rakyat Sabah ini dapat melihatkan satu bekalan elektrik, yang boleh diharaplah, yang boleh..., seperti yang di...

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** ...Tak boleh harap.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** ...Tak boleh harap, seperti yang dialami ataupun yang dinikmati oleh rakyat-rakyat di Semenanjung. Saya rasa, kalau ada *blackout* seperti Sabah, di semenanjung, di Kuala Lumpur ini, *there will be a riot in the street...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin banyak lagi, tapi *to be fair to others* lah. Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, banyak rakan di sini yang telah menyentuh tentang soal *new police academy*, sama ada, ia dikekalkan ataupun dibubarkan.

Pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya percaya dengan pendapat sebahagian rakan bahawa, sebenarnya NDP ini gagal mencapai matlamatnya dulu. Ada yang mengatakan 60%, 16%. Mereka yang mengatakan, ia telah mencapai sasaran oleh sebab, statistik daripada bank-bank itu dimasukkan, bukan pegangan perseorangan. Saya lihat, ada juga yang mengatakan bahawa pencapaian NDP hanya 16%. Walau macam mana pun Tuan Yang di-Pertua, walaupun NDP ini ditiadakan ataupun diberhentikan, saya masih percaya bahawa

ada satu dasar baru yang lebih menjurus kepada membasmi kemiskinan, tidak kira bangsa dan keturunan, kerana Tuan Yang di-Pertua, di Sabah ini masih banyak. Ada yang mengatakan bahawa kemiskinan di Sabah ini sudah turun daripada 26% kepada 16%. Saya tidak setuju statistik ini, kerana kita lihat dan nampak sendiri.

Satu lagi perkara yang saya sentuh di Dewan ini, ialah mereka yang terperangkap, minta maaf ya Tuan Yang di-Pertua, *one minute*. Mereka yang terperangkap di dalam sistem *Forest Management Unit (FMU)*, mereka ini bukan berubah daripada miskin kepada kurang miskin, tapi dari miskin kepada teruk miskin, lebih miskin lagi, kerana mereka ini terperangkap dalam hutan simpan yang telah diswastakan ini. Mereka tidak dibenarkan untuk berladang, tidak dibenarkan menggunakan kayu-kayuan di sekeliling mereka. Maka, mereka ini bertambah teruk, dan saya mintalah Kerajaan Persekutuan berhubung dengan Kerajaan Negeri supaya, mereka ini yang terperangkap ini, diambil perhatian secara khusus. Jangan biarkan mereka merana sepanjang masa. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu saja yang saya sempat sentuh di sini. Maka, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat, Yang Berhormat akan habiskan dalam masa 16 minit. Jam 7 kita ada usul penangguhan dan besok seperti yang diputuskan oleh Speaker tadi, Menteri akan mula menjawab. Terima kasih Yang Berhormat.

**6.45 ptg.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya juga mengambil bahagian dalam usul yang bertujuan untuk menyelaras beberapa kementerian penting dalam kabinet baru yang diumumkan dan melahirkan Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Sebagai permulaan dalam perbahasan ini, saya ingin menyentuh tentang bagaimana kita melihat isu-isu yang berkaitan dengan integriti, yang akhirnya kerajaan bertindak untuk mengemukakan satu pendekatan mengukur prestasi melalui KPI telah diwujudkan. Ini sudah tentu akan mengundang ataupun menarik sekali lagi pengharapan rakyat terhadap isu urus tadbir negara yang sememangnya menjadi harapan kepada rakyat di dalam negara kita.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang bagaimana kita melihat pendekatan-pendekatan yang dikatakan, cuba untuk diaplikasikan dalam pentadbiran baru ini, dilihat masih lagi di peringkat, yang mana falsafah dan matlamatnya masih tidak menampakkan kejujuran dan komitmen yang tinggi daripada pihak kerajaan. Saya ingin menyebut tentang bagaimana usaha-usaha yang telah dikemukakan, dan rakyat tetap bercakap tentang isu integriti. Isu yang melibatkan tentang, sebagai contoh peningkatan, pendekatan kerajaan daripada BPR kepada SPRM, dan bila akta ini diluluskan, dan wujudnya beberapa peruntukan dalam akta itu. Sebagai contoh, diwujudkan Suruhanjaya Khas SPRM, dan saya juga dilantik sebagai salah seorang daripada anggota itu. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, hampir enam bulan tiada

mesyuarat yang diadakan, dan saya cukup bimbang, segala peruntukan yang ditulis, yang diluluskan dalam akta tersebut hanya tinggal pada nama sahaja, dan tidak dapat menunjukkan betapa seriusnya perwujudan Jawatankuasa Khas tentang SPRM ini.

Sebagai contoh yang telah disebut oleh beberapa orang rakan-rakan sebentar tadi, kita masih lagi menunggu tentang tindakan yang serius dari pihak kerajaan dalam isu rasuah. Apabila BPR di *upgrade* kan, ataupun diberikan nama baru kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ini adalah merupakan suatu pengharapan yang sangat tinggi daripada rakyat untuk melihat berlakunya anjakan dari segi pendekatan, apatah lagi penguatkuasaan adat ini. Kita cukup apa yang dikatakan cukup terkejut apabila isu lembu sebagai contoh, yang dikaitkan dengan Menteri Besar Selangor, sehingga kita melihat Ketua Pengarah BPR, Ketua Pengarah kepada SPRM ini, bercakap mengenai isu lembu ini. Sepatutnya, cukuplah Pengarah di peringkat negeri ataupun Pengarah di peringkat jabatan yang bercakap tentang isu ini. Akan tetapi Ketua Pengarah sendiri bercakap tentang isu lembu ini dan memberikan komitmen yang tinggi terhadap apa yang dikatakan, berlakunya elemen rasuah yang dikaitkan dengan Menteri Besar Selangor.

Akan tetapi baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, bila lahir ataupun runtuhnya bumbung stadium di Terengganu, suatu insiden yang cukup serius. Bagaimana satu keadaan yang sangat berisiko tinggi, kalau ada manusia yang ada dalam stadium itu, mungkin kita mengalami suatu, dengan izin, *massive disaster*. Satu malapetaka besar, kita tidak melihat banggunya Ketua Pengarah SPRM ini untuk menunjukkan sikapnya ataupun menunjukkan komitmennya untuk menyiasat kes yang sebesar ini. Jadi, saya mengharapkan supaya...

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, minta penjelasan sikit.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** ...lanya menjadi suatu *indicator* yang jelas supaya isu apabila BPR itu ditukar namanya kepada SPRM itu benar-benar memperlihatkan suatu pemerksaan dari segi tindakan dan keseriusan kerajaan dalam menangani dan menggarap isu rasuah dalam negara kita.

■ 1850

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, sikit sahaja, saya melihat bahawa kadang-kadang mungkin perkataan, “integriti” itu sebenarnya susah juga untuk difahami, terutama untuk orang kampung, tapi apa yang saya faham kalau tiada integriti itu bermaksud tiada maruah, antara lain lah kan? Jadi di sini saya rasakan tanggungjawab untuk jaga maruah negara ini, sama berat untuk menjaga maruah manusia.

Jadi saya rasa perkataan “integriti”, ini kadang-kadang ia jauh daripada jiwa, terutama jiwa kita, jiwa Malaysia, jiwa Melayu inikan, apa penjelasan.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih sahabat saya dari Balik Pulau. Ini adalah ilham Menteri JPM kita yang jambu ini, Padang Rengas yang inginkan satu perkataan

yang lebih jambu, yang lebih berinovasi, inovatif... tidaklah seksi. Akan tetapi satu perkataan yang mungkin dikemukakan dengan satu niat yang baik, tapi kita tidak mengharapkan tahap itu sahaja. Saya bersetuju tadi bahawa apa pun perkataan yang kita kemukakan untuk kita mencipta satu anjakan, yang lebih penting saya rasa, rakyat ingin melihat apakah hasil, apa yang kita perjuangkan selama ini, untuk melihat sebuah negara yang boleh bertindak dalam pembasmian rasuah. Sebagaimana kita melihat di negara maju yang lain.

Satu lagi aspek yang saya ingin sentuh dalam membahaskan usul ini ialah tentang aspek inovasi, dan saya mengharapkan juga Timbalan Menteri Kewangan yang bertanggungjawab dalam menjawab usul ini, beliau pun orang Kelantan, asli Kelantannya, *genuine* Kelantannya. Saya hanya wakil rakyat Kubang Kerian yang menumpang kasih di Kelantan, saya orang Johor. Akan tetapi apa yang telah disebut oleh rakan saya daripada Machang, ini bukan suatu fakta *hearsay*, bukan suatu fakta yang kutip di tepi jalan, tetapi suatu yang tertera *which had been stated* dalam laporan kewangan kerajaan yang memperlihatkan dan membuktikan bahawa kerajaan memang ada kegiatan cari gali minyak di pesisir pantai Kelantan, yang dulunya kes ini telah pun diperbahaskan dengan begitu serius oleh wakil-wakil daripada Kelantan, dalam sesi Parlimen ke-10 dan ke-11, dan juga Parlimen yang ke-12. yang masih lagi memperlihatkan bahawa kenapa Kelantan masih lagi dianaktirikan dari segi pembahagian hasil yang sepatutnya mereka miliki.

Kita tidak lagi bercakap dalam FDI dalam memanggil atau menggamit perhatian pelabur-pelabur asing di negeri Kelantan, tetapi yang menjadi hak Kelantan. *Yes!* Yang kita katakan di kawasan yang seluasnya 11.3 trilion kaki padu. Ini hak rakyat negeri Kelantan. Yang Berhormat Timbalan Menteri orang Bachok, orang Bachok yang kawasan luar bandar, pesisir pantai dan bayangkan kalau saluran gas itu didaratkan di Bachok, sudah tentu kita hari ini tidak lagi bercakap tentang masalah kemiskinan di Kelantan.

Sudah tentu kita boleh membayangkan akan wujud 'Kerteh II', akan wujud 'Paka II' di negeri Kelantan, yang memperlihatkan pembangunan yang tidak lagi menjadi suatu apa yang dikatakan, dengan izin, *public outcry* bagi rakyat negeri Kelantan. Jadi saya haraplah dengan pembuktian itu, yang menjadi hak rakyat dalam negara kita bahawa dasar *One Malaysia*, rakyat diutamakan itu akan benar-benar menjadi suatu kenyataan. Itu hak rakyat Kelantan, yang saya harap bila Yang Berhormat, dulu Menteri, sekarang dilantik semula sebagai Senator dapat untuk memperjelaskan perkara ini, dan benar-benar menggambarkan bahawa konsep-konsep yang diutarakan ini macam yang disebut oleh Balik Pulau tadi, tidak hanya tinggal pada keindahan nama semata-mata. Padang Rengas tak apa, tak ada nama pun dia memang jambu... *[Ketawa]* Akan tetapi perkataan yang beliau cadangkan itu tidak hanya tinggal pada nama sahaja. Ini sebagai peringatan kita bersama.

Jadi saya harap tentang pembuktian-pembuktian itu yang ada lebih kurang ada tujuh pelantar minyak di Kelantan, cakerawala yang kita telah pun bawa dalam Dewan yang mulia ini,

harap-harap pihak kerajaan akan membuktikan bahawa tidak akan berlaku lagi proses berterusan menganaktirikan rakyat Kelantan, yang merupakan rakyat negara ini, dan sekali-kali tidak akan menjadikan bahawa proses untuk menjadikan rakyat Kelantan ataupun mana-mana negeri Pakatan Rakyat seperti mana yang disebut sebagai *second class citizen* dalam negara kita.

Perkara seterusnya yang saya nak sebut tentang bagaimana saya mengharapkan berlakunya satu inovasi dalam keseriusan kita, dalam menghadapi kes kemiskinan tegar ataupun kemiskinan relatif dalam negara kita. Kita membelanjakan peruntukan yang cukup besar apabila kita menyebut tentang bagaimana seriusnya, dan kita belajar daripada apa yang berlaku di Amerika Syarikat, sehingga kalau kita menelaah beberapa majalah ataupun jurnal antarabangsa di mana, kita melihat ada suatu tulisan yang bertajuk dengan izin, "*There's no way like the American way.*"

Pada hari ini dalam majalah tersebut setelah begitu lama proses kemerdekaan Amerika Syarikat, masih lahir lagi gambaran yang dikatakan, kalau saya mengambil satu pepatah Cina yang menyebut tentang ada suatu gambar yang bernilai seribu perkataan, dalam majalah itu menyebut dan mewarnakan tentang bagaimana kehidupan orang Kulit Putih yang masih bangga dengan apa yang dikatakan *the white supremacy*, dengan di bawahnya satu gambaran tentang warga kulit hitam yang masih tidak dapat menikmati kemajuan dalam negara mereka.

Kalau kita belajar dari proses ini, kita belajar daripada apa yang berlaku ini, kita tak mahu itu berlaku dalam negara kita. Masalah diskriminasi, masalah menganaktirikan, di mana negeri-negeri di bawah Pembangkang, tidak akan berlaku lagi dalam negara ini. Dalam itu juga kita melihat bagaimana kita melayani dan kita menyantuni golongan-golongan yang tidak bernasib baik ini. Sebagai contohnya, kita melihat ada suatu inovasi yang dibuat oleh negara kecil, negara yang ketinggalan jauh yang mungkin namanya tidak disebut ataupun kita melihat ada rakyat negara yang tidak mahu disebut namanya, itulah negara Bangladesh yang hari ini ramai pekerja-pekerja mereka datang ke dalam negara kita.

Namun ada satu aspek yang kita belajar daripada apa yang dikatakan proses inovasi dalam mereka mengambil peranan, seriusnya mereka walaupun di *innitiate*, ataupun dimulakan dengan seorang individu yang akhirnya memenangi satu hadiah *Nobel* iaitu Profesor Mohd Yunus dengan projek Grameen Bank yang kita melihat dari segi faktanya, yang saya ingin kongsi bersama pada hari ini ialah, bagaimana kita melihat ia bermula dengan memberikan pinjaman *micro credit* yang asalnya memberikan pinjaman *micro credit* yang asalnya pada hari pertama memperkenalkan dasar ini, seorang peniaga miskin di Dhaka mendapat pinjaman USD27 sehingga setahun kemudian, mendapat pinjaman sebanyak USD127, pada hari pertama yang diberikan pinjaman, yang akhirnya pada hari ini kita melihat sepuluh tahun kemudian, Grameen Bank di Bangladesh memberikan pinjaman *micro credit* yang bernilai RM192 bilion kepada lebih tujuh juta peminjam...



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya, ini Tuan Yang di-Pertua, membuktikan bahawa kita selalunya menyantuni golongan-golongan kapitalis, golongan-golongan yang berada dalam bank-bank dan lebih bermegah dalam memberikan pinjaman. Orang yang bertali leher besar datang kepada mereka tapi negara yang miskin ini, dengan adanya inovasi yang seperti ini, kita melihat mereka menyantuni golongan yang miskin papa ini, tapi akhirnya hari ini membuktikan bahawa bank ini telah menjadi satu *benchmark* penting dalam dunia yang disanjung oleh orang-orang miskin di mana hari ini kita melihat orang itu, tokoh itu mendapat hadiah *Nobel* yang sangat besar ertinya kepada rakyat yang miskin ini.

Jadi oleh kerana masa tidak mencukupi, saya rasa sekadar itu yang dapat saya berkongsi sama dalam kita membahaskan usul yang penting ini. Terima kasih.

■1900

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Esok Menteri akan mula menjawab. Saya ada usul. Sila bacakan usul.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### **Seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Jerai.

**7.01 mlm.**

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

PDRM merupakan salah satu agensi keselamatan kerajaan tertua yang menjangkau usia 202 tahun pada tahun ini dan dianggotai seramai 93,348 pegawai dan anggota pelbagai pangkat. Agensi ini mempunyai sebuah pusat pentadbiran di peringkat persekutuan, 14 buah ibu pejabat kontinjen, 148 buah ibu pejabat daerah, 837 buah balai yang lengkap untuk mendukung visi dan misi agensi penguatkuasaan utama ini. Di kawasan Parlimen Jerai terdapat tiga buah balai polis iaitu Balai Polis Gurun yang berada di bawah pentadbiran IPD Kuala Muda dan Balai Polis Guar Cempedak dan Balai Polis Yan yang di bawah pentadbiran IPD Yan.

Sering kedengaran rungutan rakyat yang tampil berurusan dengan Balai Polis Gurun khasnya dalam hal-hal berkaitan permasalahan mereka yang memerlukan repot polis yang dibuat. Pegawai polis di sini tidak mahu menerima pengaduan mereka dan meminta ianya dibuat di Balai Polis Sungai Petani atau IPD Sungai Petani. Keengganan pegawai atau anggota di Balai Polis Gurun menerima aduan adalah menyalahi Seksyen 107, Kanun Prosedur Jenayah yang menghendaki ketua balai polis atau pegawai polis lain di bawah arahnya menulis maklumat apabila pengaduan atau repot dibuat berkenaan sebarang kejadian sesuatu kesalahan. Persoalan ini telah dikemukakan ke IPD Kuala Muda dan jawapan yang diberikan adalah kerana ketiadaan pegawai penyiasatan di balai berkenaan.

Jawapan ini menggambarkan bahawa di balai-balai polis yang lain juga turut berlaku krisis yang sama seperti di Balai Polis Gurun ini. Adalah amat mendukacitakan kerana di saat negara sedang menuju kepada status sebuah negara maju kita tidak seharusnya memandang ringan aspek-aspek keselamatan rakyat. Kementerian harus mengambil tindakan segera memperbaiki kelemahan pentadbiran agensi penguatkuasaan utama negara ini dengan menambah bilangan pegawai-pegawai penyiasat atau menempatkan mereka di balai polis di seluruh negara bagi menjamin kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Di samping itu kementerian juga disarankan untuk mewujudkan sebuah balai polis di Pekan Jeniang memandangkan kadar pertumbuhan penduduk dan jarak perjalanan ke balai polis berhampiran iaitu Balai Polis Gurun yang agak jauh dengan menempatkan penempatan-penempatan penduduk di sini. Kewujudan balai polis di Pekan Jeniang ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan mutu perkhidmatan Balai Polis Gurun yang telah dikecilkan kawasan

pentadbirannya dan sekali gus akan memenuhi keperluan penduduk dan keselamatan mereka akan lebih terjamin. Pohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.  
**7.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan perkara ini.

Kementerian Dalam Negeri sememangnya mengambil berat mengenai isu keengganan polis menerima laporan. Sebagai sebuah kementerian yang mementingkan mutu perkhidmatan, kementerian senantiasa memastikan setiap agensi di bawah kementerian memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya dengan mematuhi setiap peraturan dan piagam yang telah ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, telah menjadi kewajipan setiap anggota polis yang bertugas menerima laporan yang dikemukakan oleh pengadu. Kementerian amat memandang serius keengganan anggota yang bertugas menerima laporan. Sekiranya terdapat mana-mana anggota polis yang enggan menerima laporan, maka anggota tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib yang boleh membawa kepada hukuman sehingga dibuang kerja.

Dalam hal ini Ketua Polis Negara telah mengeluarkan arahan kepada semua Ketua Polis Negeri supaya mengingatkan tentang tanggungjawab seseorang anggota di balai-balai menerima laporan daripada orang ramai tanpa mengira di mana tempat berlakunya sesuatu kejadian itu. Sehubungan dengan ini ada juga Ketua Polis Daerah Kuala Muda turut mengarahkan ketua-ketua polis balai di daerah tersebut memastikan anggota yang bertugas menerima laporan dari orang ramai. Sekiranya ada anggota yang ingkar tindakan tegas akan dikenakan. Di samping itu arahan mengenai kewajipan menerima laporan turut ditampal di semua balai di bawah pentadbiran ibu pejabat polis daerah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak tahun 2005 hingga Mei 2009 seramai enam anggota PDRM telah dikenakan tindakan tatatertib kerana enggan menerima laporan orang ramai. Bagi membolehkan pihak polis menyiasat dakwaan Ahli Yang Berhormat Jerai secara lebih terperinci, saya memohon Yang Berhormat memberikan maklumat lanjut mengenai kejadian tersebut. Saya memberi jaminan siasatan pihak polis dibuat secara telus dan adil. Terima kasih.

### **Banjir Kilat Di Kawasan Ulu Temiang dan Bukit Jong**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dipersilakan Yang Berhormat.

**7.07 mlm.**

**Tuan John Fernandez [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai banjir kilat yang berlaku pada 1 dan 16 April 2008 yang disebabkan oleh kerja-kerja yang dilakukan berdekatan dengan Sungai Temiang, Seremban.

Banjir kilat tersebut berlaku dipercayai disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan jejantas *flyover* atau *Flyover* Projek Lebuh Raya Kajang-Seremban oleh sebuah syarikat pemaju. Kerja-kerja pembinaan ini bukan sahaja membangkitkan keselamatan penduduk terutama di kawasan Ulu Temiang dan Bukit Jong yang terletak hanya 50 meter dari kawasan pembinaan tersebut malah mengakibatkan kawasan hakisan yang masuk ke dalam Sungai Temiang dan seterusnya menyebabkan banjir di sekitar kawasan sungai tersebut.

Banjir kilat tersebut telah mengakibatkan banyak kerosakan harta benda dan kerugian wang ringgit yang ditaksirkan di antara RM5,000 sehingga RM50,000 untuk setiap rumah. Kebanyakan penduduk yang terperangkap dengan banjir kilat tersebut adalah kerana selama mereka menduduki kawasan tersebut selama 50 tahun yang lalu, tidak ada banjir kilat seteruk dua hari tersebut pernah berlaku di kawasan mereka. Ini disebabkan tidak ada sebarang persediaan dilakukan untuk menghadapi banjir teruk itu. Walaupun beberapa surat aduan ditulis oleh Jawatankuasa Penduduk memaklumkan perkara tersebut kepada pemaju terbabit bagi menuntut ganti rugi juga kepada Jabatan Perairan dan Saliran, namun begitu jawapan yang diberikan amat tidak memuaskan hati penduduk-penduduk.

Walaupun kerja-kerja melebarkan dan mendalamkan sungai tersebut telah dilakukan, namun ia itu bersifat sementara dan tidak menyelesaikan masalah. Ini adalah kerana timbunan pasir dan sampah yang dikorek keluar dari sungai tersebut telah masuk semula ke dalam sungai apabila hujan. Tebing batu dan konkrit tidak dibina bagi menghalang kemasukan semula hakisan tanah ke dalam sungai tersebut menyebabkan terdapat beberapa bahagian sungai tersebut menjadi retak berbanding sebelum projek mendalam dan melebarkan sungai tersebut dilakukan. Kerajaan melalui Jabatan Perairan dan Saluran sepatutnya mempunyai langkah-langkah yang lebih bersedia di dalam menangani masalah banjir kilat.

Masalah peruntukan yang tidak cukup adalah tidak dapat diterima oleh penduduk-penduduk yang terlibat dengan masalah banjir kilat tersebut.

■ **1910**

Satu penyiasatan jangka panjang hendaklah diambil bagi memastikan masalah banjir tersebut tidak berulang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**7.10 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban kerana membangkitkan masalah banjir kilat di kawasan Ulu Temiang dan juga Bukit Jong di Negeri Sembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan dan kementerian saya memang prihatin tentang masalah tersebut dan telah mengambil langkah-langkah berkenaan setelah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasinya. Dalam hubungan ini, Kajian Pelan Induk Sistem Perparitan Bandar Seremban telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seremban dan telah siap pada tahun 2003. Kajian ini telah mencadangkan pembinaan 74 buah kolam takungan yang merangkumi 52 *community pond* dan 22 *regional pond*.

Pihak Jabatan dan Saliran Malaysia atau JPS buat masa ini sedang dalam perancangan untuk melaksanakan ke bentuk terperinci *community pond* seperti yang dicadangkan dalam kajian tersebut khususnya untuk kawasan yang sering berlaku banjir kilat termasuk di kawasan Ulu Temiang. Di samping itu, sebagai langkah pendek untuk mengatasi masalah banjir kilat tersebut, JPS Negeri Sembilan juga telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan keladak di lingkungan Sungai Temiang atau *Sungai Temiang Diversion* bagi langkah jangka panjang pula, pihak JPS akan melaksanakan ke bentuk terperinci bagi pembinaan *regional pond* seperti yang dicadangkan dalam kajian tersebut.

Tujuannya ialah untuk menangani masalah aliran air yang tinggi yang menjadi punca berlakunya banjir kilat khususnya di kawasan Seremban. Selain itu, JPS Negeri Sembilan juga sedang dalam proses untuk melantik perunding bagi kajian ke bentuk terperinci projek menaik taraf lengkungan Sungai Temiang atau Sungai Temiang Diversion. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 25 Jun 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.13 malam.***